**\*Siti Ngayesah Ab. Hamid**

BBA(Hons) Marketing (UiTM)

Tel:

E-mel: ctngayesah@ukm.edu.my

**\*Veelaiporn Promwichit**

BBC(Monash Univ.), MFin(UPMalaysia)

Tel:

E-mel: veelaiporn@ukm.edu.my

*\*Cutl Belajar*

*\*\*Cutl Pasca kedoktoran*

## **WAWASAN, MISI DAN MATLAMAT FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN**

### **Wawasan**

Menjadi fakulti terpilih yang memangkin dan menjana ilmu untuk pembangunan ekonomi, perniagaan dan profesion bagi kesejahteraan negara dan masyarakat sejagat.

### **Misi**

Bertekad menjadi pusat kecemerlangan ilmu ekonomi, pengurusan perniagaan, dan perakaunan melalui gabungan ilmu dan amalan yang mulia, profesionalisme yang tinggi dan perkembangan terkini.

### **Matlamat**

- Memupuk keserjanaan dan kecemerlangan pendidikan, penyelidikan dan pengembangan ilmu.
- Melahirkan graduan berpengetahuan, berketerampilan, beretika dan berpandangan global.
  - Menghasilkan graduan berwibawa dalam profesionnya.
  - Menyebarkan ilmu dan kepakaran kepada masyarakat.



## **LATAR BELAKANG FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN**

Sejarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM dirintis dengan tertubuhnya Jabatan Ekonomi dan Perdagangan di Fakulti Sastera pada tahun 1970 di kampus UKM Lembah Pantai Kuala Lumpur, seusia dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kemudian dinaikkan ke peringkat fakulti pada 1 Januari 1974 dengan nama Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.

Perkembangan ilmu ekonomi dan perniagaan serta permintaan pasaran guna tenaga yang semakin meningkat telah melahirkan idea untuk memisahkan fakulti ini kepada dua buah fakulti yang berasingan iaitu Fakulti Ekonomi dan Fakulti Pengurusan Perniagaan. Pengasingan fakulti ini telah berlaku pada 16 Mei 1979. Setelah 18 tahun berlalu pada bulan Ogos 1997, Pengurusan UKM telah bersetuju untuk menggabungkan beberapa fakulti berdasarkan susunan atau rumpun ilmu. Bermula tahun 1999 semua Fakulti dalam rumpun sains telah disatukan dan menjadi Fakulti Sains dan Teknologi. Pada tahun 2001 Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Fakulti Sains Pembangunan dan Fakulti Pengajian Bahasa distruktur semula sebagai Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Pada 1 April 2004, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan telah ditubuhkan iaitu gabungan antara Fakulti Ekonomi dengan Fakulti Pengurusan Perniagaan. Pemilihan nama Fakulti Ekonomi dan Perniagaan membayangkan disiplin utama ilmu dalam bidang ekonomi, pengurusan perniagaan dan perakaunan serta mencerminkan kesepaduan ilmu yang mempunyai epistemologi sepunya. Fakulti Ekonomi dan Perniagaan ini mempunyai empat pusat pengajian iaitu Pusat Pengajian Ekonomi, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Pusat Pengajian Perakaunan dan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan.

Bagi mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan pengajian siswazah pentadbiran perniagaan bertaraf antarabangsa, Graduate School of Business (UKM-GSB) telah diwujudkan bagi menggantikan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan pada 1 Januari 2008. UKM-GSB ini menguruskan penawaran Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Doktor Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Perakaunan, manakala program pascasiswazah dalam bidang ekonomi diurus oleh Fakulti Ekonomi dan Perniagaan yang ditadbir di bawah pengurusan pejabat dekan.

Pada Ogos 2010, Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan nama baru Fakulti Ekonomi dan Perniagaan kepada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, manakala Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan ditukar kepada Pusat Pengajian Pengurusan.

Ijazah yang ditawarkan oleh Fakulti Ekonomi dan Pengurusan ialah Ijazah Sarjanamuda Ekonomi dengan Kepujian, Ijazah Sarjanamuda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian, Ijazah Sarjanamuda Keusahawanan dan Inovasi, dan Ijazah Sarjanamuda Perakaunan.

**JENIS-JENIS KURSUS**

Pelajar dikehendaki mengambil dan lulus kursus-kursus berikut:

- Kursus Wajib Universiti
- Kursus Citra Universiti
- Kursus Teras Fakulti
- Kursus Pusat Pengajian

Bil	Program	Kursus Wajib Universiti	Kursus Citra Universiti		Kursus Teras Fakulti	Kursus Pusat Pengajian
			Kursus Citra Luar Fakulti	Kursus Citra Setara (Dalam Fakulti)		
1	Ekonomi	10	20	10	28	72
2	Pentadbiran Perniagaan	10	20	10	28	72
3	Keusahawanan & Inovasi	10	20	10	28	72
4	Perakaunan	10	10	10	28	113

**1. Kursus Wajib Universiti : 10 kredit**

Bil	Kod	Kursus	Kredit	Taraf
1	LMCW2163	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	3	CW
2	LMCW2173	Hubungan Etnik	3	CW
3	LMCW1022	Asas Keusahawanan dan Inovasi	2	CW
4	LMCW2022	Pengurusan dan Analitik Data	2	CW

## 2. Kursus Citra Universiti :

Bil	Taraf	Nama Kursus dan Kategori	Program Profesional (20 kredit)	Program Bukan Profesional (30 Kredit)
1	C1	Etika Kewarganegaraan & Ketamadunan*	4	4
2	C2	Bahasa, Komunikasi dan Literasi*	4	4
3	C3	Penaakulan Kuantitatif dan Kualitatif*	2	2
4	C4	Kepimpinan, Keusahawanan dan Inovasi*	2	2
5	C5	Sains, Teknologi dan Kelestarian*	2	2
6	C6	Keluargaan, Kesihatan dan Gaya Hidup*	2	2
<b>BAKI KREDIT</b>			4 kredit ditentukan oleh Fakulti/Pelajar	14 kredit ditentukan oleh Fakulti/Pelajar
<p>Baki 4 kredit untuk Kursus Profesional boleh diambil dari mana-mana kursus Citra Rentas Ilmu yang telah didaftarkan di Pusat Citra Universiti.</p> <p>Baki 14 kredit untuk Kursus Bukan Profesional boleh diambil dari mana-mana kursus Citra Rentas Ilmu yang telah didaftarkan di Pusat Citra Universiti.</p>				

\*Senarai lengkap kursus boleh diperolehi daripada Buku Panduan Pusat Citra UKM

## 3. Kursus Teras Fakulti (WF)

Pelajar dikehendaki mengambil dan lulus **28** unit kursus Fakulti seperti berikut

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPD1013	Mikroekonomi I	3
2	EPPD1023	Makroekonomi I	3
3	EPPD1033	Prinsip Perakaunan	3
4	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
5	EPPD1053	Pengantar Pengurusan	3
6	EPPD1063	Aplikasi Komputer	3
7	EPPD2023	Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
8	EPPD2033	Perniagaan Mengikuti Perspektif Islam	3
9	LMCE1012/ LMCE1022	Academic Communication I/ Academic Communication II	2
10	LMCE3012/ LMCE3022	Workplace Communication I/ Workplace Communication II	2

- Pelajar yang memperoleh kelulusan MUET Band 1 atau 2 diwajibkan mengambil dan lulus kursus LMCE1002 Foundation English sebelum mendaftar kursus LMCE1012 Academic Communication I dan LMCE3012 Workplace Communication I.
- Pelajar yang memperoleh kelulusan MUET Band 3 atau 4 diwajibkan mengambil dan lulus kursus LMCE1012 Academic Communication I dan LMCE3012 Workplace Communication I.
- Pelajar yang mendapat gred A atau A(M) dalam kursus LMCE1012 dikehendaki mengambil dan lulus kursus LMCE3022.
- Pelajar yang lulus LMCE1012 dengan gred B(P) dan ke bawah dikehendaki mengambil dan lulus LMCE3012.
- Pelajar yang memperoleh kelulusan MUET band 5 dan 6 diwajibkan mengambil dan lulus LMCE1022 sebelum mengambil dan lulus LMCE3022.

#### **4. Kursus Pusat Pengajian**

Pelajar dikehendaki mengambil dan lulus sejumlah unit kursus yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian masing-masing. Kod bagi kursus-kursus Pusat Pengajian adalah seperti berikut

EPPD -	Kursus Teras Fakulti
EPPE -	Kursus Pusat Pengajian Ekonomi
EPPA -	Kursus Pusat Pengajian Perakaunan
EPPM -	Kursus Pusat Pengajian Pengurusan
EPPK -	Kursus Pusat Pengajian Pengurusan (Program Keusahawanan)

## **SINOPSIS KURSUS TERAS FAKULTI (WF) FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN**

### **EPPD1013 Mikroekonomi I**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang model, konsep dan metodologi mikroekonomi dalam memahami masalah ekonomi pada peringkat pengguna dan firma. Pelajar akan didedahkan kepada tajuk-tajuk utama mikroekonomi yang meliputi aspek permintaan, penawaran, keseimbangan harga, keanjalan, teori pilihan pengguna, fungsi pengeluaran, kos dan struktur pasaran. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pendekatan mikroekonomi dalam menyelesaikan masalah persekitaran ekonomi dan pengurusan.

#### **Bacaan Asas**

- Noor Aini Khalifah & Tham Siew Yean. 1993. *Mikroekonomi pertengahan untuk peringkat universiti*. Kuala Lumpur: Tropical Press.
- Perloff, J.M. 2015. *Microeconomics*. 7<sup>th</sup> Ed. Boston: Pearson-Addison Wesley.
- Petersen, H.C. & Lewis, W.C. 2008. *Managerial economics*. 4<sup>th</sup> Ed. Singapore: Pearson International Edition.
- Pindyck, R.S. & Rubinfeld, D.L. 2015. *Microeconomics*. 8<sup>th</sup> Ed. New Jersey: Pearson Prentice Hall International.
- Nicholson, W. & Snyder, C., 2011. *Microeconomic: Basic Principles & Extensions*. 11<sup>th</sup> edition. South-Western College Publishing.

### **EPPD1023 Makroekonomi I**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang konsep asas makroekonomi yang meliputi pengukuran dan keseimbangan pendapatan negara, peranan bank pusat, bank perdagangan dan proses penciptaan kredit, pasaran wang dan penentuan kadar bunga, implikasi dasar fiskal dan monetari terhadap pendapatan negara, pengangguran dan inflasi, perdagangan antarabangsa, imbalan pembayaran dan pasaran pertukaran asing serta globalisasi dan pertumbuhan ekonomi. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaitkan ilmu tersebut dengan isu ekonomi semasa dalam persekitaran global dan setempat.

#### **Bacaan Asas**

- Frank, R.H. & Bernanke, B.S. 2013. *Principles of economics*. 5<sup>th</sup> Ed. Boston: McGraw Hill.
- Froyen, R.T. 2012. *Macroeconomics: Theories and Policies*. Singapore: Prentice Hall.
- Rahmah Ismail & Rohaini Mustaffa. 2004. *Makroekonomi pertengahan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Shahida Shahimi, Norain Mod Asri, Mohd Adib Ismail, Norlida Hanim Mohd Salleh, Wook Endut, Md. Zyadi Md. Tahir & Noreha Halid. 2012. *Makroekonomi*. Singapore: Cengage Learning Asia Pte. Ltd.

### **EPPD1033 Prinsip Perakaunan**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan prinsip asas serta rasional yang mendasari amalan perakaunan. Kitaran perakaunan disentuh secara terperinci yang meliputi proses penjurnalan, Pengeposan, penyediaan imbangan duga, pelarasan, penyediaan penyata kewangan dan catatan penutup. Perbincangan meliputi kitaran perakaunan bagi jenis operasi berbeza seperti perniagaan perkhidmatan, pembarangan dan perkilangan serta konteks pemilikan berbeza yang meliputi pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi tidak bermotifkan keuntungan.

#### **Bacaan Asas**

- Norton, C.L. & Porter, G.A. 2013. *Introduction to financial accounting*. 8<sup>th</sup> Ed. South-Western, Cengage Learning.
- Reeve, J.M., Warren, C.S. & Duchac, J.E. & Wang, W. 2011. *Principles of financial accounting with conceptual emphasis on IFRS*. Cengage Learning Asia Pte Ltd.
- Stice, E.K., Stice, J.D. & Alberch, W.S. 2011. *Financial accounting concepts*. South-western. Cengage Learning.
- Weygandt, J.J., Kimmel, P.D. & Kieso, D.E. 2015. *Accounting principles*. 12<sup>th</sup> Ed. John Wiley & Sons (Asia) Pte Ltd.
- Wild, J.J., Shaw, K.W., Chiappetta, B. Kwok, W. & Venkatesh, S. 2013. *Fundamental accounting principles*. McGraw-Hill Companies Inc.

### **EPPD1043 Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan**

Kursus ini memberi fahaman kepada pelajar beberapa aspek asas dalam matematik. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah fungsi; matriks; matematik kewangan: bunga, anuiti, pelupusan pinjaman; had dan keselajaran; pembezaan dan pengamiran serta kegunaannya. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat menggunakan teknik-teknik di atas untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan perniagaan.

#### **Bacaan Asas**

- Barnett, R.A., Ziegler, M.R. & Byleen, K.E. 2008. *College mathematics for business, economics, life sciences and social sciences*. 13<sup>th</sup> Ed. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Haeussler, E.F. Jr., Paul, R.S. & Wood, R.J. 2011. *Introductory mathematical analysis for business, economics and life and social sciences*. 13<sup>th</sup> Ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Harshbarger, R.J. & Reynolds, J.J. 2012. *Mathematical applications for the management, life and social sciences*. 10<sup>th</sup> Ed. Boston: Brooks Cole, Cengage Learning.
- Mansor Jusoh. 2008. *Matematik untuk ekonomi*. Bangi: Penerbit UKM.
- Tan, S.T. 2007. *Applied mathematics for the managerial, life and social sciences*. 7<sup>th</sup> Ed. Boston: Brooks/Cole, Cengage Learning.

### **EPPD1053 Pengantar Pengurusan**

Kursus ini menekankan pengetahuan asas tentang persekitaran organisasi, konsep, amalan, fungsi, kepimpinan dan gelagat dalam pengurusan sesebuah organisasi. Kursus ini turut memberi pendedahan tentang amalan pengurusan perniagaan masa kini ke arah pembentukan dan pengekal dayasaing organisasi.

### **Bacaan Asas**

- Bateman, T.S & Snell, S.A 2014. *Management: leading & collaborating in the competitive world*. 11<sup>th</sup> Ed. USA: McGraw-Hill International Edition.
- Daft, R.L. 2014. *Management*. 11<sup>th</sup> Ed. Vanderbilt University Cengage Learning.
- Robbins, S.P. and Coulter, M.A. 2013. *Management*. 12<sup>th</sup> Edition, Pearson
- Cassidy, C., Kreitner, R. & Vanhuss, S (2015). *Administrative Management: Setting People up for Success*. Cengage Learning, USA.
- Zafir M.M, Mohd Hizam H. & Fazilah M. H. 2013. *Pengurusan organisasi*. Kuala Lumpur: Cengage Learning Asia.

### **EPPD1063 Aplikasi Komputer**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang konsep asas sistem maklumat dan penggunaan praktikal aplikasi komputer terkini dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Kursus ini memperkenalkan konsep teknologi maklumat seperti perkakasan, perisian, sistem pengoperasian, konsep pangkalan data, rangkaian, internet dan telekomunikasi. Elemen utama kursus ini merangkumi lima aplikasi komputer yang asas bagi kegunaan dalam pengurusan dan perniagaan iaitu aplikasi Microsoft Office yang terdiri daripada Word, Excel, Powerpoint dan Access.

### **Bacaan Asas**

- Vermaat, Sebok, Freund, Champbell & Frydenberg (2016). *Discovering Computers* ©2016 (Shelly Cashman) International Edition, Course Technology, Cengage Learning, USA.
- Vermaat (2016). *Microsoft Office 2013: Introductory* (Shelly Cashman Series), International Edition, Course Technology, Cengage Learning, USA.
- Vermaat, M.E., Sebok, S.L. and Freund, S.M. (2014). *Discovering Computers Technology in a World of Computers, Mobile Devices and the Internet*, Cengage Technology Edition, USA.
- O’Leary, T.J., and O’Leary, L.I. *Computing Essentials*. 2008. McGraw Hill, International Edition.
- Norazila Mat, Noor Azuan Hashim and Rosmah Mat Isa. 2004. *Aplikasi Komputer*. Prentice Hall: Petaling Jaya.
- Dean, Damon and Cowitt Andy. 2003. *Macromedia Studio MX*. Wiley Publishing, New York

### **EPPD2023 Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai konsep dan kaedah statistik yang digunakan dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Perbincangan akan meliputi pengenalan kepada statistik, perihal data secara visual dan numerik, pengenalan kepada kebarangkalian, taburan kebarangkalian selanjar, taburan pensampelan, penganggaran, ujian hipotesis, analisis varian, ujian khi-kuasa dua, kaedah statistik tak berparameter, kolerasi, regresi linear mudah dan berbilang. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh mentafsir maklumat statistik yang diperolehi dalam konteks ekonomi dan perniagaan.

### **Bacaan Asas**

- Anderson, D.R., Sweeney, D.J. and Williams, T.A. 2011. *Statistics for business and economic*. 11<sup>th</sup> Ed. Ohio. South-Western.
- Berenson, M.L., Levine, D.M. & Krehbiel, T.C. 2012. *Basic business statistics*. 12<sup>th</sup> Ed. Boston:Pearson Education.
- Keller, K. 2012. *Managerial statistics*. 9<sup>th</sup> Ed. Cengage Learning.
- McClave, J.T., Benson, P.G. & Sincich, T. 2014. *Statistics for business and economics*. 12<sup>th</sup> Ed. Boston:Pearson Education.
- Weiers, R.M. 2013. *Introduction to business statistics*. 7<sup>th</sup> Ed. Cengage Learning.

### **EPPD2033 Perniagaan Mengikut Perspektif Islam**

Matlamat utama kursus ini adalah untuk memberi pemahaman kepada pelajar-pelajar terhadap asas-asas perniagaan menurut perspektif Islam. Pelajar didedahkan dengan konsep-konsep asas perniagaan dalam Islam, instrumen-instrumen kewangan Islam dan etika pengurusan Islam. Kursus ini juga akan meningkatkan pengetahuan pelajar untuk membezakan teknik-teknik urusan yang dianjurkan Islam dengan urusan konvensional. Disamping itu juga, kursus ini akan membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan asas perniagaan menurut perspektif Islam.

### **Bacaan Asas**

- Azman Ismail & Md Habibur Rahman. 2013. *Islamic legal maxims: essentials & applications*. IBFIM, KL Malaysia.
- ISRA. 2011. *Islamic financial system, principles and operations*. International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA).
- Razli, Ramli et al. 2013. *Issue in Islamic finance from the practitioners perspective*. IBFIM. Kl, Malaysia.
- Saiful Azhar Rosly. 2008. *Critical issues on Islamic banking and financial markets: Islamic economics, banking & finance, Investments, takaful dan financial planning*. 3<sup>rd</sup> Ed. Dinamas Publishing, Kuala Lumpur Malaysia.
- Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, Muhammad Nasri Md. Hussain & Mohd Hizam Hanafiah. (2015) *Perniagaan Mengikut Perspektif Islam*, Petaling Jaya. Leeds Publications (M) Sdn Bhd Kuala Lumpur: Prentice Hall.



## **PUSAT PENGAJIAN EKONOMI**

### **Misi**

Pusat Pengajian Ekonomi menghayati visi dan misi Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Dalam konteks ini, misi Pusat Pengajian Ekonomi adalah bertekad menjadi pusat pengajian ekonomi terpilih dan terkehadapan.

### **Matlamat**

- Memupuk keserjanaan dan kecemerlangan pendidikan ilmu ekonomi.
- Membekalkan pelajar dengan asas ilmu ekonomi yang mantap.
- Menghasilkan tenaga kerja yang berilmu, berketerampilan, berkemahiran dan beretika.
- Memenuhi tuntutan keilmuan semasa dan masa hadapan dalam bidang ekonomi yang bermanfaat kepada masyarakat.
- Membina keupayaan penyelidikan pelajar.

### **Hasil Pembelajaran Program Sarjanamuda Ekonomi**

Program ini dirangka untuk menghasilkan graduan yang mampu:

- Memahami dan menguasai teori dan konsep ilmu ekonomi.
- Mengaplikasi pendekatan ekonomi dalam menyelesaikan masalah negara dan masyarakat sejagat.
- Berupaya membuat keputusan secara rasional dan kritikal berpandukan fakta.
- Berkomunikasi secara berkesan dengan pelbagai pihak berkepentingan.
- Memiliki kemahiran sosial dan tanggungjawab.
- Bersifat terbuka terhadap perubahan teknologi dan idea baharu melalui pembelajaran sepanjang hayat.
- Menguasai kemahiran pengurusan dan keusahawanan.
- Beretika dan professional.

### **Program Sarjanamuda Ekonomi**

Program pengajian yang ditawarkan ialah Ijazah Sarjanamuda Ekonomi dengan Kepujian dalam bidang pengkhususan berikut:

- Ekonomi Industri dan Antarabangsa
- Ekonomi Monetari dan Fiskal
- Ekonometrik dan Statistik Gunaan
- Ekonomi Islam
- Ekonomi Pembangunan dan Sumber Manusia
- Ekonomi Sumber dan Alam Sekitar

## Program Ijazah Sarjanamuda Ekonomi dengan Kepujian

Program ini merangkumi kerja kursus dan latihan ilmiah. Untuk tujuan pengijazahan calon-calon mesti lulus sekurang-kurangnya 120 unit kursus yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Kursus Wajib Universiti (CW) : 10 kredit
2. Kursus Citra Universiti (C1-C6) : 20 kredit
3. Kursus Wajib Fakulti (WF) : 28 kredit
4. Kursus Wajib Pusat (WP) : 48 kredit
5. Kursus Wajib Pengkhususan (WP) : 18 kredit
6. Kursus Elektif (PB) : 6 kredit

### Kursus Teras Fakulti (WF) - 28 unit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPD1013	Mikroekonomi I	3
2	EPPD1023	Makroekonomi I	3
3	EPPD1033	Prinsip Perakaunan	3
4	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
5	EPPD1053	Pengantar Pengurusan	3
6	EPPD1063	Aplikasi Komputer	3
7	EPPD2023	Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
8	EPPD2033	Perniagaan Mengikut Perspektif Islam	3
9	LMCE1012/ LMCE1022	Academic Communication I/ Academic Communication II	2
10	LMCE2012/ LMCE2022	Workplace Communication I/ Workplace Communication II	2

### Kursus Teras Pusat (WP) - 48 unit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPE2014	Mikroekonomi II	4
2	EPPE2024	Makroekonomi II	4
3	EPPE2033	Prinsip Ekonomi Islam	3
4	EPPE2044	Kalkulus untuk Ekonomi	4

5	EPPE2053	Ekonomi Malaysia	3
6	EPPM2063	Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat	3
7	EPPE3014	Kaedah Penyelidikan	4
8	EPPE3023	Ekonomi Antarabangsa	3
9	EPPE3033	Perkembangan Pemikiran Ekonomi	3
10	EPPE3043	Ekonomi Pembangunan	3
11	EPPE3098	Latihan Industri	8
12	EPPE3996	Kertas Ilmiah	6

### **Kursus Wajib Modul (WM) - 18 unit**

Kursus Wajib Modul adalah sebilangan kursus bidang pengkhususan yang ditetapkan oleh program. Pelajar perlu lulus 18 unit kursus termasuk kursus yang bertanda \* daripada salah satu modul berikut:

#### 1. Modul Ekonomi Industri dan Antarabangsa

<b>Bil</b>	<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Unit</b>
1	EPPE2113	Organisasi Industri*	3
2	EPPE2123	Statistik untuk Kajian Industri	3
3	EPPE2133	Kerajaan dan Pembangunan Industri*	3
4	EPPE3113	Ekonomi dan Pengurusan Pengangkutan	3
5	EPPE3123	Industri dan Perniagaan Antarabangsa	3
6	EPPE3133	Institusi dan Perniagaan Antarabangsa	3
7	EPPE3143	Ekonomi Perdagangan Antarabangsa	3
8	EPPE3213	Ekonomi Monetari Antarabangsa	3
9	EPPE3553	Ekonomi Buruh	3
10	EPPE3563	Hubungan Industri	3
11	EPPE3683	Perdagangan dan Alam Sekitar	3
12	EPPM2033	Perniagaan Antarabangsa	3

## 2. Modul Ekonomi Monetari dan Fiskal

<b>Bil</b>	<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Unit</b>
1	EPPE2213	Ekonomi Monetari*	3
2	EPPE2223	Perbelanjaan Awam	3
3	EPPE3143	Ekonomi Perdagangan Antarabangsa	3
4	EPPE3213	Ekonomi Monetari Antarabangsa	3
5	EPPE3223	Ekonomi Pencukaaian	3
6	EPPE3233	Pasaran Hadapan dan Opsyen	3
7	EPPE3243	Pengurusan Organisasi Awam	3
8	EPPE3253	Ekonomi Kewangan Mikro	3
9	EPPE3263	Pasaran Kewangan dan Perbankan	3
10	EPPE3273	Ekonomi Dasar Sosial	3
11	EPPE3413	Dasar Fiskal dan Kewangan Islam	3
12	EPPM3023	Percukaaian I	3

## 3. Modul Ekonometrik dan Statistik Gunaan

<b>Bil</b>	<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Unit</b>
1	EPPE2313	Pengantar Ekonometrik*	3
2	EPPE2323	Pengantar Penyelidikan Kendalian*	3
3	EPPE2333	Analisis Data Ekonomi	3
4	EPPE2343	Pengantar Sistem Maklumat	3
5	EPPE2353	Kaedah Persampelan	3
6	EPPE2363	Analisis Statistik Sosio-Ekonomi	3
7	EPPE3313	Ekonometrik Pertengahan*	3
8	EPPE3323	Statistik Penakbiran*	3
9	EPPE3333	Kaedah-kaedah Statistik	3
10	EPPE3343	Penyelidikan Kendalian Pertengahan	3
11	EPPE3353	Analisis Siri Masa dan Peramalan	3
12	EPPE3363	Tajuk Terpilih dalam Ekonometrik	3

## 4. Modul Ekonomi Islam

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPE2413	Analisis Ekonomi Islam*	3
2	EPPE2423	Pengenalan Kepada Fiqh Ekonomi*	3
3	EPPE2433	Perbankan Islam*	3
4	EPPE3413	Dasar Fiskal dan Kewangan Islam*	3
5	EPPE3423	Perkembangan Pemikiran Ekonomi Islam	3
6	EPPE3433	Perbandingan Sistem Ekonomi	3
7	EPPE3443	Institusi Ekonomi Islam	3
8	EPPE4153	Perakauan untuk Instrumen Kewangan Islam dan Zakat	3
9	PPPG1143	Undang-undang Kontrak Perniagaan#	3
10	PPPG2173	Fiqh Muamalat I#	3
11	PPPG3163	Undang-undang Pentadbiran Pusaka, Wasiat, dan Wakaf#	3
12	PPPG3263	Fiqh Muamalat II#	3

## 5. Modul Ekonomi Pembangunan dan Sumber Manusia

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPE2513	Analisis Demografi Ekonomi	3
2	EPPE2523	Analisis Sosial dan Politik dalam Pembangunan	3
3	EPPE2533	Pertumbuhan Ekonomi dan Agihan*	3
4	EPPE3513	Perancangan Pembangunan dan Penilaian Projek*	3
5	EPPE3523	Ekonomi Pembangunan Sumber Manusia*	3
6	EPPE3533	Pembangunan Ekonomi Asia	3
7	EPPE3543	Ekonomi Bandar dan Wilayah	3
8	EPPE3553	Ekonomi Buruh	3
9	EPPE3563	Hubungan Industri	3
10	EPPE3573	Ekonomi Pembangunan Antarabangsa*	3
11	EPPE3583	Piawaian Buruh Antarabangsa	3
12	EPPM3213	Pengurusan Sumber Manusia	3

## 6. Modul Ekonomi Sumber dan Alam Sekitar

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPE2613	Ekonomi dan Pengurusan Sumber*	3
2	EPPE2623	Ekonomi dan Pengurusan Alam Sekitar*	3
3	EPPE2633	Ekonomi Pengeluaran Pertanian*	3
4	EPPE2643	Analisis Dasar Sumber Pertanian	3
5	EPPE3613	Pengurusan Perniagaan Tani	3
6	EPPE3623	Pemasaran dan Industri Asas Tani	3
7	EPPE3633	Pembangunan Koperasi	3
8	EPPE3643	Ekonomi Pelancongan dan Rekreasi	3
9	EPPE3653	Analisis Kos Faedah dan Alam Sekitar*	3
10	EPPE3663	Pengurusan Alam Sekitar Korporat	3
11	EPPE3673	Keusahawanan Perniagaan Tani	3
12	EPPE3683	Perdagangan dan Alam Sekitar	3

**Kursus Elektif (PB) - 6 unit**

Pelajar perlu lulus 6 unit Kursus Elektif yang terdiri daripada kursus selain yang digunakan untuk memenuhi syarat Kursus Universiti dan syarat Kursus Wajib Program.

Catatan: Kursus bertanda # ditawarkan oleh Fakulti Pengajian Islam

## **SINOPSIS KURSUS TERAS PUSAT (WP) PUSAT PENGAJIAN EKONOMI**

### **EPPE2014 Mikroekonomi II**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar tentang teori dan aplikasi mikroekonomi peringkat pertengahan. Kursus ini membincangkan topik-topik penting dalam mikroekonomi pertengahan yang tidak dibincangkan dalam Mikroekonomi I yang meliputi pasaran input, keseimbangan umum, pilihan antara masa, ketidakpastian, pasaran aset dan aset berisiko, maklumat tak simetri, teori permainan, barangan awam dan kesan luaran. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dijangka dapat memahami, berupaya menghubungkan konsep ekonomi dan mengaplikasikannya untuk memahami isu ekonomi semasa dengan lebih baik

#### **Bacaan Asas**

- Varian, H.R. 2014. *Intermediate Microeconomics: A Modern Approach*. 9<sup>th</sup> Ed. USA: W.W.Norton & Co., Inc.
- Nicholson, W. & Snyder, C. 2015. *Intermediate Microeconomics and Its Application*. 12<sup>th</sup> Ed. Boston: Cengage Learning.
- Besanko, D. & Braeutigam, R. 2014. *Microeconomics*. 5<sup>th</sup> Ed. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Pindyck, R.S. & Rubinfeld, D.L. 2013. *Microeconomics*. 8<sup>th</sup> Ed. New Jersey: Pearson Prentice Hall International.
- Perloff, J.M. 2015. *Microeconomics*. 7<sup>th</sup> Ed. Boston: Pearson-Addison Wesley

### **EPPE2024 Makroekonomi II**

Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus Makroekonomi I. Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang konsep, teori dan model makroekonomi dengan penekanan kepada model ekonomi terbuka. Tajuk yang dibincangkan ialah fungsi penggunaan, pelaburan, inflasi dan pengangguran, model ekonomi klasik baru, model kitaran niaga benar, model ekonomi Keynes baru, keseimbangan umum pendapatan negara dalam ekonomi terbuka (model IS-LM-BP), permintaan dan penawaran agregat dalam ekonomi terbuka dan pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya berupaya mengaplikasi teori dan model makroekonomi dalam mengenal pasti dan menyelesaikan permasalahan ekonomi.

#### **Bacaan Asas**

- Chamberlin, G. & Linda Yueh. 2006. *Macroeconomics*. London: Thomson Learning.
- Carlin & Soskice 2015. *Macroeconomics: Institutions, Instability, and the Financial System*. Oxford University Press.
- Frederic S. Mishkin. 2015. *Macroeconomics: Policy and Practice*. 2nd Edition. England: Pearson Education Limited.
- Froyen, R.T. 2013. *Macroeconomics: theories and policies*. 10th Edition. England: Pearson Education Limited.
- N. Gregory Mankiw. 2016. *Macroeconomic*. 9<sup>th</sup> Edition. New York : Worth Publishers.

### **EPPE2033 Prinsip Ekonomi Islam**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai prinsip-prinsip asas ekonomi Islam yang perlu diterapkan dalam setiap topik yang dibincangkan. Antara topik utama yang dibincangkan ialah penggunaan, pengeluaran, peranan pemerintah, pasaran, dasar monetari dan fiskal, perancangan dan pembangunan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat memahami kegiatan ekonomi berasaskan prinsip syariah demi mendapat rahmat, keberkatan dan keredhaan Allah

#### **Bacaan Asas**

- Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad. 2016. *Ekonomi Islam; dasar dan amalan*. Kuala Lumpur: DBP
- Chapra, M.U .2014. *Morality and justice in Islamic economics and finance*. UK: Edward Elgar Publishing Limited
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid.(2011. *Analisis ekonomi Islam: satu pendekatan analisis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Khan, M.A .2013. *What is wrong with Islamic economics? Analysing the present state and and future agenda*. UK: Edward Elgar Publishing Limited.
- Naqvi, S. N. H .2013. *Islam, economics, and society*. New York: Routledge
- Zubair Hasan .2006. *Introduction to microeconomics: an Islamic perspectives*. Petaling Jaya: Prentice Hall-Pearson Malaysia Sdn. Bhd

### **EPPE2044 Kalkulus Untuk Ekonomi**

Kursus ini memberi pengetahuan kepada pelajar tentang kalkulus pembezaan dan kamiran dan aplikasinya dalam bidang ekonomi. Tajuk-tajuk yang dibincangkan termasuk had, keselantaran, pembezaan yang merangkumi pembezaan tersirat, pembezaan fungsi berbilang pemboleh ubah, aplikasi pembezaan, pengoptimuman fungsi berbilang pemboleh ubah. Tajuk yang diliputi oleh kalkulus kamiran ialah teknik –teknik pengamiran dan penggunaannya dalam ekonomi. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat menggunakan kalkulus pembezaan dan kamiran dalam penyelesaian masalah ekonomi.

#### **Bacaan Asas**

- Dowling, E. 2011. *Shaum's outline of introduction to mathematical economics*. 3rd Ed. New York : Mc Graw-Hill Publishing .
- Haeussler, E.F. Jr, Paul, R.S. & Wood, R.J. 2011. *Introductory mathematical analysis for business, and the life and social sciences*. 13<sup>th</sup> Ed, New Jersey: Prentice Hall.
- Harshbarger, R.J. & Reynolds, J.J 2012. *Mathematical applications for the management, life and social sciences*. 10<sup>th</sup> Ed. Boston Brooks Cole, Cengage Learning.
- Mansor Jusoh. 2008. *Matematik untuk ekonomi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan, S.T. 2012. *Applied calculus for the managerial, life, and social sciences*. 9<sup>th</sup> Ed Belmont : Brooks Cole, Cengage Learning



### **EPPE2053 Ekonomi Malaysia**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai sejarah perkembangan dan pembangunan ekonomi Malaysia sebelum merdeka sehingga kini. Antara topik yang dibincangkan ialah struktur dan dasar pembangunan ekonomi negara dalam perspektif pembangunan domestik dan global seiring dengan pertumbuhan sektor-sektor utama negara. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar sewajarnya mampu mengulas dan menganalisis prestasi ekonomi negara, memahami dasar kerajaan dan berupaya mengenalpasti faktor ekonomi dan sosial yang mendorong pembangunan ekonomi negara.

#### **Bacaan Asas**

- Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan & Norshamliza Chamhuri. 2005. *Ekonomi Malaysia*. 6rd Ed. Pearson Malaysia Sdn Bhd, Petaling Jaya.
- Laporan Ekonomi 2014/2015. 2015. Kementerian Kewangan.
- Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020. 2015. Unit Perancang Ekonomi.
- Hal Hill, Tham Siew Yean and Ragayah Haji Mat Zin. 2012. *Malaysia's Development Challenges: Graduating from the middle*. New York: Routledge.
- Shankaran Nambiar. 2014.Ed. *The Malaysian Economy: Rethinking Policies & Purposes*. Strategic Information and Research Development Centre.

### **EPPE3014 Kaedah Penyelidikan**

Kursus ini bertujuan membincang dan mengenal pasti beberapa langkah perlu bagi menjalankan penyelidikan dalam bidang sains sosial khususnya ekonomi. Tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah pengertian penyelidikan, etika dalam penyelidikan, pembentukan model ekonomi: model sebab akibat dan model siri masa, skala pengukuran dan pembentukannya, kaedah pungutan data dan reka bentuk borang soal selidik, kaedah pensampelan dan isu-isu yang berkaitan dengannya, memproses data dan penulisan laporan penyelidikan. Pelajar diwajibkan membuat projek penyelidikan bagi kursus ini. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya mengenalpasti kaedah penyelidikan dan melaksanakan suatu penyelidikan secara ilmiah dan saintifik.

#### **Bacaan Asas**

- Chua, Y.P. 2014, *Kaedah Penyelidikan*, Edisi Ketiga, Mc Graw Hill Education
- Chua, Y.P. 2014, *Asas Statistik Penyelidikan*, Edisi Ketiga, Mc Graw Hill Education
- Keller, G. 2014. *Statistics for management and economics*. 10th Ed. South-Western College Pub
- Kothari, C. 2013. *Research methodology: methods and techniques*. 3rd Ed. New Delhi: New Age International Publishers
- Kumar, R. 2014. *Research methodology: a step by step guide for beginners*. 4th Ed. London: Sage Publication Ltd

### **EPPE3023 Ekonomi Antarabangsa**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang teori dan konsep asas dalam ekonomi antarabangsa yang meliputi topik dalam ekonomi perdagangan antarabangsa dan kewangan antarabangsa. Antara topik yang dibincangkan ialah teori perdagangan antarabangsa awal dan moden, sekatan tarif dan bukan tarif, integrasi ekonomi, aliran antarabangsa faktor, imbalan pembayaran dan pasaran pertukaran asing dan sistem kewangan dunia. Di akhir kursus ini pelajar seharusnya dapat membincangkan kerelevanan teori ekonomi antarabangsa dengan isu dunia sebenar dan polisi yang berkaitan.

#### **Bacaan Asas**

- Carbaugh, R.J.2015. *International Economics*. 12<sup>th</sup> Ed. U.S.A: South-Western Cengage Learning.
- Salvatore, D. 2013. *International Economics: Trade and Finance*. 11<sup>th</sup> Ed. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Salvatore, D. 2012. *Introduction to International Economics*. 3<sup>rd</sup> Ed. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Husted, S & Melvin, M. 2012. *International Economics*. 9<sup>th</sup> Ed. Boston: Pearson Education, Inc.
- Gerber, J. 2013. *International Economics*. 6<sup>th</sup> Ed. Boston: Pearson Education, Inc.

### **EPPE3033 Perkembangan Pemikiran Ekonomi**

Kursus ini meninjau sejarah aliran ilmu ekonomi. Perbincangan bermula dari pemikiran ekonomi zaman Merkantilis sehinggalah ke zaman moden. Tinjauan dibuat terhadap sejarah aliran pemikiran pelbagai kumpulan ahli ekonomi seperti kumpulan Merkantilis, Fisiokrasi, Klasik, Marginalis, Neoklasik, Institutional, Kebajikan, Keynesian dan Chicago. Turut dibincangkan ialah pendekatan ekonomi Sustainomics dan Ekonomi Syariah. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat mengenalpasti dan membincangkan tenet-tenet penting setiap kumpulan ahli ekonomi tersebut dan sumbangan penting tokoh-tokoh ekonomi terkemuka.

#### **Bacaan Asas**

- Ahmed El-Ashker & Wilson, R. 2006. *Islamic Economics: A Short History*. Leiden: Brill.
- Brue, S. L. & Grant, R. R. 2012. *The Evolution of Economic Thought*. 8<sup>th</sup> Ed. South-Western, Cengage Learning.
- Eukland, R.B. & Hebert R.F. 2007. *A History of Economic Theory and Method*. 5<sup>th</sup> Ed. Waveland Press, Inc.
- Grant, R. R. & Brue, S. L. 2009. *The History of Economic Thought*. 7<sup>th</sup> Ed. South-Western, Cengage Learning.
- Munasinghe, M. 2009. *Sustainable Development in Practice: Sustainomics Methodology and Applications*. Cambridge: Cambridge University Press.

### **EPPE3043 Ekonomi Pembangunan**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar tentang konsep dan teori pertumbuhan dan pembangunan ekonomi serta pelaksanaan dasar yang diperlukan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk di negara membangun. Fokus perbincangan tertumpu kepada aspek berkaitan struktur, proses, ciri-ciri dan masalah yang terdapat di negara membangun serta melihat punca wujudnya masalah tersebut. Perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pertama, aspek teori dan kedua, mengkaji isu-isu penting dalam proses pembangunan ekonomi. Tajuk yang dibincangkan merangkumi teori pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, isu penduduk, migrasi, kemiskinan, sektor pertanian, sektor industri, sumber pertumbuhan ekonomi dan isu global terpilih dalam pembangunan ekonomi seperti gender, kesihatan dan alam sekitar. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya berupaya menganalisis secara kritis isu-isu penting dalam proses pembangunan ekonomi.

#### **Bacaan Asas**

- Todaro, M. P. & Stephen, C. Smith. 2015. *Economic Development*. Twelfth Edition. Pearson Education Limited.
- Dowling, J. M. & Valenzuela, M. R. 2010. *Economic Development in Asia*. Second Edition. Cengage Learning.
- Nor Aini Haji Idris & Ab. Razak Dan. 2004. *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*. Penerbit UKM. Bangi Selangor.
- Perkins, D.H., Radelet, S., Lindauer, D. L., & Block, S. A. 2013. *Economics of Development*. (International Student Edition) Seventh Edition. Norton.
- Van de Berg. H. 2012. *Economic Growth and Development*. Second Edition. World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd. Singapore

### **EPPE3098 Latihan Industri**

Latihan industri memberikan pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan agar lebih bersedia dengan suasana kerja yang bakal mereka cemburi. Selain itu, kursus ini juga bertujuan memperkasakan kompetensi dan kemahiran pekerjaan pelajar dan seterusnya dapat mempertingkatkan kebolehan pasaran pelajar. Melalui kursus ini juga pelajar berpeluang menerapkan konsep, teori dan kemahiran ilmu yang diperolehi dalam bilik kuliah kepada alam pekerjaan.

### **EPPE3996 Kertas Ilmiah**

Kertas ilmiah merupakan hasil penulisan berbentuk esei panjang. Esei ini tidak melebihi 40 halaman bertaip berjarak dua baris atau tidak melebihi 8,000 patah perkataan. Isi kandungannya perlu meliputi latar belakang, rasional kajian, tujuan kajian, metodologi, analisis dan rumusan kajian.

## **SINOPSIS KURSUS WAJIB MODUL (WM) PUSAT PENGAJIAN EKONOMI**

### **EPPE2113 Organisasi industri**

Kursus ini membincangkan isu-isu dalam bidang organisasi industri. Matlamat utama kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan pelajar berkaitan bidang organisasi industri moden. Fokus kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan yang berkaitan dengan gelagat firma, struktur pasaran dan interaksi strategik di antara firma. Pasaran yang akan dibincangkan ialah pasaran persaingan sempurna, monopoli dan oligopoli. Di samping itu, kesan daripada persekitaran struktur pasaran juga akan turut dibincangkan. Antara kesan tersebut ialah diskriminasi harga, kepelbagaian produk, pengiklanan, kesejahteraan masyarakat, penggabungan serta ikatan produk. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh memahami dan menerangkan aspek yang berkaitan dengan ciri-ciri organisasi industri yang wujud dalam pelbagai bentuk pasaran dan tingkah laku masing-masing.

### **Bacaan Asas**

- Carlton, D.W. & Perloff, J. 2015. *Modern Industrial Organization*. 4<sup>th</sup> Ed. England: Pearson Education Limited.
- Lipyczynski, J., Wilson, J. & Goddard, J. 2013. *Industrial Organization: Competition, Strategy, Policy*. 4<sup>th</sup> Ed. England: Pearson Education Limited.
- Pepall, L. Richards, D. & Norman, G. 2014. *Industrial Organization: Theory and Applications*. 5<sup>th</sup> Ed. New York: John Wiley & Son.
- Pepall, L. Richards, D. & Norman, G. 2014. *Industrial Organization: Contemporary Theory and Empirical Applications*. 5<sup>th</sup> Ed. New York: Wiley Publishing.
- Waldman, D.E. & Jensen, E.J. 2014. *Industrial Organization: Theory and Practice*. 4<sup>th</sup> Ed. New York: Pearson Education Limited.

### **EPPE2123 Statistik Untuk Kajian Industri**

Kursus ini menggabungkan teori statistik dan organisasi industri untuk menganalisis prestasi industri dalam ekonomi. Matlamat utama kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan pelajar berkenaan kajian empirikal yang berkaitan dengan organisasi industri moden. Bahagian awal kursus ini memfokus kepada hubungan antara kajian industri dan statistik. Dalam bahagian ini, pelajar dapat mempelajari konsep statistik penakbiran dan kaitannya dengan teori organisasi industri. Pemahaman pelajar dapat ditingkatkan lagi dengan menunjukkan hasil kajian empirikal yang pernah dibuat. Di samping itu, kesan persekitaran struktur pasaran juga akan dibincangkan dengan mempelajari beberapa ukuran pasaran yang digunakan dalam bidang organisasi industri seperti darjah penumpuan dan indeks pengeluaran. Bahagian seterusnya kursus ini akan memfokus kepada kaedah penilaian kualiti produk dalam proses pengeluaran firma. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar boleh memahami kaedah-kaedah statistik yang diaplikasikan dalam industri, melakukan persampelan, mentafsirkan carta kawalan, menilai kualiti produk dan membuat keputusan.

### **Bacaan Asas**

- Deone, D.P and Seward, L.E. 2012. *Applied Statistics in Business and Economics*. 4th Ed. USA: McGraw-Hill.
- Lind, D. A., Marchal, W.G. & Mason, R.D. 2014. *Statistical Techniques in Business and Economics*. 16<sup>th</sup> Ed. USA: McGraw-Hill.
- Nur Riza Mohd Suradi, Zainol Hj. Mustafa, dan Faridatul Azna Ahmad Shahabudin.2000. *Kawalan Proses Statistik: Aplikasi Di Industri*. Penerbit UKM.
- Smith, G. 2011. *Essential Statistics, Regression and Econometrics*. USA: AcademicPress.
- Smith, G.M. 2004. *Statistical Process Control and Quality Improvement*. Boston: Prentice Hall

### **EPPE2133 Kerajaan dan Pembangunan Industri**

Kursus ini membincangkan peranan kerajaan dalam membangunkan sektor pembuatan di Malaysia. Tajuk utama yang dibincangkan ialah penglibatan kerajaan, institusi dan insentif yang disediakan dalam proses industrialisasi negara. Tajuk-tajuk lain seperti sumber untuk pembangunan industri, cabaran dan prospek perindustrian turut dibincangkan bagi menangani persaingan global di alaf baru. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat merangka dasar industri dan perdagangan untuk membangunkan sektor pembuatan.

### **Bacaan Asas**

- Ahmad Atory Hussain. 2000. *Analisis Dasar Awam: Peranan Kerajaan Mengatasi Masalah Ekonomi Dalam Sistem Pasaran Bebas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Carlos, M.P & Carlos A.P. 2008. *Government Intervention in Globalization: Regulation, Trade & Devaluation Wars*. Palgrave Macmillan.
- Ishak Yusoff, Nor Aini Idris & Basri Abdul Talib. 2006. *Ekonomi Malaysia ke Arah Pascaindustri*. Bangi Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aini Haji Idris, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, Nafisah Mohamed & Md. Zahir Kechot. 2004. *Peranan Kerajaan Dalam Pembangunan Industri Pembuatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jomo, K.S. & Gomez, E.T. 2000. *Rents, Rent-Seeking & Economic Development: Theory & Evidence in Asia*. Cambridge University.

### **EPPE2213 Ekonomi Monetari**

Kursus ini membincangkan teori dan aplikasi penawaran dan permintaan wang. Daripada aspek penawaran wang, perbincangan difokuskan kepada struktur sistem kewangan, peranan bank pusat, teori penentu penawaran wang dan pelbagai alat dasar monetari. Daripada aspek permintaan pula, perbincangan tertumpu kepada teori permintaan wang Klasik, Keynesian dan Friedman serta kajian empirik terhadap fungsi permintaan wang. Selain itu, teori penentuan kadar bunga, kelakuan kadar bunga, struktur tempoh kadar bunga, pelaksanaan dasar monetari dan proses mekanisme transmisi juga turut dibincangkan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat menerangkan aspek penawaran dan permintaan wang dan membincangkan proses dan strategi dasar monetari dalam ekonomi.

### **Bacaan Asas**

- Mishkin, F.S. 2015. *The economics of money, banking and financial market*. 11<sup>th</sup> Ed. England: Pearson Education Limited.
- Mishkin, F.S. and Stanley Eakine. 2015. *Financial Markets and Institutions*. 8<sup>th</sup> Ed. England: Pearson Education Limited.
- Ball, L. 2011. *Money, Banking and Financial Markets*. 2nd Ed. New York: Worth Publishers.
- Mankiw, N.G. and Laurence Ball. 2010. *Macroeconomics and the Financial System*. 1<sup>st</sup> Ed. New York: Worth Publishers.
- Hubbard, R.G. 2008. *Money, the financial system and the economy*. 6th Ed. New Jersey: Prentice Hall.

### **EPPE2223 Perbelanjaan Awam**

Kursus ini bertujuan untuk mengkaji kegiatan ekonomi kerajaan daripada aspek perbelanjaan yang berasaskan pengalaman Malaysia. Penumpuan perbincangan diberikan terhadap topik kegagalan mekanisme pasaran yang memerlukan campur tangan kerajaan, analisis pembekalan optimum barang awam tulen dan tidak tulen, eksternaliti pengeluaran dan penggunaan, masalah pasaran monopoli dalam ekonomi, isu agihan optimum polisi fiskal dalam pilihan awam serta penentuan prinsip penilaian perbelanjaan awam. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh menganalisis teori pertumbuhan perbelanjaan awam, struktur dan prestasi perbelanjaan awam di Malaysia.

### **Bacaan Asas**

- Gruber, J. 2016. *Public finance and public policy*, 5<sup>th</sup> Ed. New York: Worth Publishers.
- Holcombe, R. 2006. *Public sector economics*, 1<sup>st</sup> Ed. New Jersey: Pearson Prentice Hall
- Hyman, D.N. 2011. *Public finance: A contemporary application of theory to policy*, 10<sup>th</sup> Ed. South-Western: Cengage Learning.
- Md. Zyadi Md. Tahir. 1995. *Pengenalan perbelanjaan awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosen, H.S., Gayer, T. & Civan, A. 2014. *Public finance*, 10<sup>th</sup> Ed. Berkshire: McGraw-Hill Education.

### **EPPE2313 Pengantar Ekonometrik**

Kursus ini bertujuan untuk memberi fahaman kepada pelajar mengenai prinsip asas dalam ekonometrik dengan memberi fokus kepada model regresi linear. Liputan kursus termasuklah pengenalan ekonometrik, regresi mudah dan berbilang, model regresi pemboleh ubah dami, masalah-masalah dalam regresi, multikolineariti, heteroskedastisiti, autokorelasi dan pemodelan ekonometrik. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar diharap mampu mengaplikasikan analisis regresi dalam kajian ekonomi secara empirical.

### **Bacaan Asas**

- Gujarati, D.N. 2009. *Basic econometrics*. 4<sup>th</sup> Edition. New York: McGraw Hill.
- Hill, R.C., Griffiths, W.E. & Lim, G.C. 2011. *Principles of Econometrics*. 4th Edition. Danver: John Wiley & Son.
- Stock, J.M. & Watson, M.W. 2015. *Introduction to econometrics*. Updated 3<sup>rd</sup> Edition. New York: Pearson.
- Vogelvang, B. 2005. *Econometrics: Theory & Applications With Eviews*. 1st Edition. Harlow: Pearson Education Limited.
- Wooldridge, J.M. 2016. *Introductory econometrics – a modern approach*. 6<sup>th</sup> Edition. Singapore: Cengage Learning

### **EPPE2323 Pengantar Penyelidikan Kendalian**

Kursus ini bertujuan membincangkan kaedah-kaedah pengoptimuman asas dalam bidang penyelidikan kendalian. Antara tajuk yang akan dibincangkan adalah pengenalan kepada penyelidikan kendalian dan aplikasinya di Malaysia, pemrograman linear, kaedah simpleks dan ciri-ciri penyelesaian. Analisis kepekaan dan analisis selepas keoptimuman, masalah dual dan hubungannya dengan masalah primal turut dibincangkan. Perbincangan tentang model pengangkutan dan model peruntukan, model rangkaian dan penjadualan projek (PERT/CPM) mengakhiri kursus ini. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar diharapkan berupaya mengenal pasti dan mengaplikasi kaedah-kaedah penyelidikan kendalian dalam industri.

### **Bacaan Asas**

- Hillier, F. & Lieberman, G. 2015. *Introduction to Operations Research*. 10th Edition. New York: McGraw Hill.
- Mariappan, P. 2013. *Operations Research: An Introduction*. Delhi: Pearson Education.
- Sultan, A. 2011. *Linear Programming: An Introduction With Applications*. 2<sup>nd</sup> Ed. North Charleston: CreateSpace Independent Publishing Platform.
- Taha, H. 2011. *Operations Research: An Introduction*. 9th Edition. New Jersey: Pearson Education.
- Yadav, S.R. & Malik, A.K. 2015. *Operations Research*. New York: Oxford University Press.

### **EPPE2333 Analisis Data Ekonomi**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang teknik menganalisis data ekonomi dengan menggunakan perisian statistik SPSS dan Microsoft Excel. Perbincangan meliputi statistik dan analisis data, pengenalan kepada SPSS, pemerihalan data, ujian hipotesis, analisis korelasi dan regresi, dan analisis kebolehpercayaan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya berupaya untuk mengenal pasti teknik analisis yang sesuai dengan objektif kajian, memerih data ekonomi dalam pelbagai bentuk,serta menganalisis dan membincangkan keputusan analisis secara logik dan kritis.

### **Bacaan Asas**

- George, D. & Mallery, P. 2016. *IBM SPSS Statistics 23 Step by Step: A Simple Guide and Reference*. 14th Edition. New York. Routledge.
- IBM Corp. 2014. *IBM SPSS Statistics Base 23*. New York: IBM Corp.
- IBM Corp. 2014. *IBM SPSS Statistics 23 Core System User's Guide*. New York: IBM Corp.
- Ott, R. L. & Longnecker, M. T. 2016. *An Introduction to Statistical Methods and Data Analysis*. 7th Edition. Boston: Cengage Learning.
- Ramsey, F. & Schafer, D. 2013. *The Statistical Sleuth: A Course in Methods of Data Analysis*. International Edition. 3rd Edition. Boston: Cengage Learning.

### **EPPE2353 Kaedah Pensampelan**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan tentang beberapa kaedah pensampelan yang lazim digunakan dalam suatu penyelidikan. Tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah pengenalan dan istilah-istilah penting dalam pensampelan, pensampelan rawak mudah, berstrata, bersistem dan berkelompok. Fokus utama perbincangan ialah anggaran bagi min, varians, kadaran bagi populasi menerusi anggaran titik dan selang, di samping penentuan saiz sampel bagi setiap kaedah. Tajuk-tajuk tertentu dalam pensampelan akan tertumpu kepada pensampelan untuk kawalan kualiti dan industri, pensampelan populasi hidupan liar dan model respon rawak. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya mengaplikasikan pelbagai kaedah pensampelan untuk membantunya membuat penakbiran yang jitu dan boleh percaya.

### **Bacaan Asas**

- Cochran, W. 2009. *Sampling techniques*. 3<sup>rd</sup> Edition. New Delhi: Wiley India Pvt Led.
- Daniel, Johnnie. 2012. *Sampling Essentials: Practical guidelines for making sampling choices*. California: Sage Publications.
- Gupta, A. K., & Kabe, D. G. 2011. *Theory of sample surveys*. World Scientific.
- Keller, G. 2014. *Statistics for management and economics*. Nelson Education.
- Scheaffer, R., Mendenhall III, W., Ott, R. and Gerow, K., 2011. *Elementary survey sampling*. Cengage Learning.

### **EPPE2413 Analisis Ekonomi Islam**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman dan kemahiran menganalisis kemungkinan kesan perubahan sikap dan gelagat agen ekonomi daripada amalan ekonomi konvensional kepada ekonomi Islam. Pelajar akan diperkenalkan kepada gelagat dan peranan agen ekonomi sebelum dan selepas perubahan sikap, serta implikasi perubahan sikap terhadap aktiviti ekonomi. Perbincangan meliputi teori ekonomi yang lazim seperti penggunaan, pengeluaran, sistem pasaran, agihan pendapatan faktor, keseimbangan pendapatan negara dan dasar ekonomi negara. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat menganalisis kesan perubahan sikap dan gelagat agen ekonomi ke atas kebajikan ekonomi dan rohani serta ekonomi negara secara agregat.



### **Bacaan Asas**

- Chapra, M.U (2014). *Morality and justice in Islamic economics and finance*. UK: Edward Elgar Publishing Limited
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2011). *Analisis ekonomi Islam: Satu pendekatan analisis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Khan, M.A. (2013). *What is wrong with Islamic economics? Analysing the present state and and future agenda*. UK: Edward Elgar Publishing Limited.
- Naqvi, S. N. H 2013. *Islam, economics, and society*. New York: Routledge
- Zubair Hasan 2006. *Introduction to microeconomics: An Islamic perspectives*. Petaling Jaya: Prentice Hall-Pearson Malaysia Sdn. Bhd

### **EPPE2423 Pengenalan Kepada Fiqh Ekonomi**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang kontrak muamalat yang digunakan dalam aktiviti ekonomi. Pelajar akan diperkenalkan kepada konsep dan aplikasi sesuatu kontrak dalam amalan sebenar. Perbincangan akan meliputi konsep asas fiqh iaitu hak, milik dan harta, dan beberapa kontrak muamalat seperti kontrak jualbeli, salam, istisna' wadiah, wakalah, kafalah, hawalah, ijarah, qard, rahnu, musyarakah, dan mudarabah. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat memahami beberapa kontrak muamalat dan boleh mengaplikasikan dalam amalan kewangan Islam semasa.

### **Bacaan Asas**

- Aznan Hasan. 2011. *Fundamentals of shariah in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: IBFIM Bank Negara Malaysia. 2010. *Resolusi syariah dalam kewangan Islam*. Edisi ke 2. Kuala Lumpur:BNM
- Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad. 2009. *Aplikasi fiqh muamalat dalam kewangan Islam*. Shah Alam: UPENA.
- Zaharuddin Abd. Rahman. 2009. *Panduan perbankan Islam: Kontrak dan produk asas*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

### **EPPE2433 Perbankan Islam**

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar dengan prinsip dan operasi perbankan Islam. Pelajar diberi fahaman mengenai rasional pengharaman riba yang membawa kepada penubuhan perbankan Islam, serta hubungan di antara perbankan Islam dengan pelanggan. Seterusnya, pelajar diperkenalkan dengan prinsip mumalat utama yang mendasari operasi perbankan Islam. Perbincangan dalam kursus ini meliputi aspek pengoperasian, pengurusan dan pengawalseliaan perbankan Islam, serta pengurusan modal, aset dan liabiliti. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat mengaplikasi pengetahuan mengenai prinsip muamalat dalam operasi perbankan Islam. Selain itu, pelajar juga memperoleh pengetahuan mengenai kaedah pengurusan modal, aset dan liabiliti.

### **Bacaan Asas**

- Abdul Ghafar Ismail. 2011. *Reka Bentuk Sistem Kewangan Islam: Infrastruktur Pendokong dan Kesan Zakat*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ginena, Karim, Azhar Hamid. 2015. *Foundations of Shari'ah Governance of Islamic Banks*. Wiley Finance Series.
- Hassan, M.Kabir, Kayed, Rasem N. & Oseni, Umar A. 2013. *Introduction to Islamic Banking & Finance: Principles and Practices*. England: Pearson.
- ISRA. 2011. *Islamic financial system: principles and operations*. Kuala Lumpur: ISRA (International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance)
- Kettell, Brian. 2011. *Islamic Banking and Finance: Introduction to Islamic Banking and Finance, Case Studies and Workbook*. Wiley Finance.

### **EPPE2513 Analisis Demografi Ekonomi**

Kursus ini bertujuan mempelajari teknik asas berhubung analisis demografi daripada perspektif ekonomi. Tajuk yang dibincangkan meliputi pengukuran asas demografi, pembinaan jadual hayat, analisis fertiliti dan mortality, model populasi, tenaga buruh dan migrasi, kaedah penganggaran dan pelunjuran populasi, dan penggunaan jadual 'multiple decrement' dalam demografi ekonomi. Selepas mengikut kursus ini pelajar harus dapat menjelaskan komponen-komponen penting demografi, menggunakan teknik asas, menganalisis dan membuat unjuran berhubung kependudukan

### **Bacaan Asas**

- John, R. Weeks.2011. *Population: An Introduction to Concepts and Issues*, 11th edition.Wadsworth Publishing Company.
- Jabatan Perangkaan Malaysia.2012. *Jadual Hayat Ringkas 2010-2012*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Sdn. Bhd.
- United Nations Population Division.2013. *World Population Prospects: The 2012 Revision*, New York, DESA, Population Division, available online at: <http://esa.un.org/unpd/wpp/index.htm>
- IUSSP & UNFPA.(2014). *Population Analysis for Policies and Programmes*, Paris: IUSSP and UNFPA, available online at: <http://papp.iussp.org>
- Pollard, A.H., Y. Farhat & G.N. Pollard.(1990). *Demographic Techniques*, 3rd Edition, Sydney: Pergamon Pres.

### **EPPE2523 Analisis Sosial dan Politik dalam Pembangunan**

Kursus ini meliputi kepentingan faktor bukan ekonomi dalam pembangunan ekonomi, teori ekonomi, sosial dan politik, institusi sosial, stratifikasi sosio-ekonomi, masalah sosial, penilaian dampak sosial, serta kepentingan dan keperluan dasar sosial dan ekonomi dalam pembangunan ekonomi negara membangun. Selepas mengikut kursus ini, pelajar berupaya menerangkan prinsip, konsep dan teori asas pembangunan ekonomi, sosial dan politik, menghubungkan institusi sosial dan pembangunan ekonomi, serta menilai program komuniti berdasarkan teori dan perkembangan sosio-ekonomi semasa.

### **Bacaan Asas**

- Epstein, Marc J. & Yuthas, Kristi. 2014. *Measuring and Improving Social Impacts: A Guide for Nonprofits, Companies, and Impact Investors*. Berrett-Koehler Publishers.
- Haider, Huma & Sumedh Rao. 2010. *Political and Social Analysis for Development Policy and Practice: An Overview of Five Approaches* International Development Department, University of Birmingham. <http://www.gsdrc.org/docs/open/EIRS10.pdf>
- Sharp, Ansel & Register, Charles. 2012. *Economics Of Social Issues*. The McGraw-Hill Economics Series.
- Schaefer, R.T. 2013. *Sociology*. 14<sup>th</sup> Edition. New York: MacGraw-Hill.
- Szirmai, Adam. 2015. *Socio-Economic Development*. Cambridge University Press: Cambridge

### **EPPE2533 Pertumbuhan Ekonomi dan Agihan**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai isu pertumbuhan ekonomi dan agihan pendapatan di kalangan penduduk negara dunia khususnya di negara membangun. Perkara-perkara yang dibincangkan termasuklah konsep pertumbuhan, pembangunan, agihan pendapatan, kemiskinan dan guna tenaga, teori agihan pendapatan, kemiskinan dan gunatenaga pengukuran agihan pendapatan dan kemiskinan, impak dan sebab-sebab ketaksetaraan agihan pendapatan, kemiskinan, guna tenaga serta peranan institusi dalam mengurangkan ketaksetaraan agihan pendapatan dan kemiskinan. Kajian kes berkaitan hubungan proses pertumbuhan dengan agihan pendapatan dan kemiskinan juga turut dibincangkan. Di akhir kursus pelajar diharap dapat menerangkan hubungkait antara pertumbuhan ekonomi dengan agihan pendapatan, kemiskinan dan gunatenaga serta berupaya membincang dan menilai keberkesanan peranan institusi dalam mengurangkan ketaksetaraan agihan pendapatan, kemiskinan dan gunatenaga.

### **Bacaan Asas**

- Milanovic, B. 2016. *Global Inequality: A New Approach for the Age of Globalization*. Harvard University Press. Cambridge.
- Milanovic, B. 2007. *Worlds Apart: Measuring International and Global Inequality*. Second Edition. Princeton University Press. New Jersey.
- Piketty, T. 2014. *Capital in the Twenty-First Century*. The Belknap Press of Harvard University Press. Cambridge.
- Rahmah Ismail, Ishak Yussof & Mohd Nasir Saukani. 2011. *Modal Insan dan Agihan Pendapatan di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Xue, J. 2012. *Growth with Inequality: An International Comparison on Income Distribution*. World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd. Singapore

### **EPPE2613 Ekonomi dan Pengurusan Sumber**

Kursus ini memberikan fahaman kepada pelajar tentang pemakaian teori ekonomi dalam pengurusan sumber dan alam sekitar. Topik perbincangan utama meliputi konsep asas ekonomi sumber dan alam sekitar, teori kecekapan peruntukan dan pengurusan sumber, konsep dalam permasalahan alam sekitar dan kaedah penting dalam mengatasi permasalahan alam sekitar ini melalui kaedah ekonomi dan bukan ekonomi. Di samping itu isu-isu sumber dan alam sekitar di Malaysia juga dibincangkan. Setelah mengikuti kursus ini pelajar dijangka boleh memahami kaedah dan teori ekonomi dan mengaplikasikannya dalam pengurusan sumber dan alam sekitar dengan lebih baik.

#### **Bacaan Asas**

- Callan, S.J. & Thomas, J.M. 2012. *Environment Economics and Management: Theory Policy and Applications*. 6<sup>th</sup> Ed. South-Western College Publishing.
- Anderson, D.A. 2014. *Environmental Economics and Natural Resource Management*, Fourth Edition. New York: Routledge.
- Haliza Abdul Rahman dan Rohasliney Hashim (Eds.). 2010. *Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar di Malaysia*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Maizatun Mustafa. 2011. *Environmental Law in Malaysia*. The Netherlands: Kluwer Law International.
- Tietenberg, T. and Lewis, L. 2016. *Environmental & Natural Resource Economics*, Tenth Edition. New York: Routledge.

### **EPPE2623 Ekonomi dan Pengurusan Alam Sekitar**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang aplikasi teori ekonomi dalam pengurusan alam sekitar. Antara topik-topik yang akan dibincangkan ialah konsep asas ekonomi dan alam sekitar, teori asas ekonomi dan alam sekitar, kegagalan pasar dan permasalahan alam sekitar, pengurusan alam sekitar mengikut pendekatan konvensional dan pasaran, pembangunan lestari dan kerajaan dalam pengurusan alam sekitar. Dengan mengikuti kursus ini pelajar dapat berupaya memikirkan bahawa keseluruhan permasalahan alam sekitar yang berlaku adalah berpunca daripada tabiat manusia sendiri.

#### **Bacaan Asas**

- Jonathan, H. & Brian, R .2013.*Environmental & Natural Resources Economics: A Contemporary Approach*. Global Development & Environment Institute, Tufts University Somerville, USA.
- Field, B.C. & Martha, K.F. 2012. *Environmental Economics: An Introduction*. 6<sup>th</sup> Edition. New York: McGraw Hill Irwin.
- Robert N,S .2012. *Economics of the Environment: Selected Readings*. 6<sup>th</sup> Edition. W.W Norton & Company.
- Callan, S.J. & Thomas, J.M. 2009. *Environmental Economics and Management: Theory Policy and Application*. 5<sup>th</sup> Edition. Orlando: The Dryden Press.
- Thomas, J.M. & Callan, S.J. & 2007. *Environment Economics: Application, Policy and Theory*. Thomson Southwestern.

### **EPPE2633 Ekonomi Pengeluaran Pertanian**

Tujuan utama kursus ini memberi fahaman kepada pelajar mengenai penggunaan beberapa teori mikroekonomi kepada pengeluaran pertanian. Topik utama yang dibincangkan dalam kursus ini fungsi input-output, input-input, output-output, pemograman linier dan analisis input-output. Kursus ini juga memperkenalkan kepada pelajar kaedah empirik untuk menganggar fungsi pengeluaran untuk membolehkan mereka memahami aspek teori dan empirikal kaedah pengoptimuman pengeluaran pertanian. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar dijangka berupaya mengaplikasikan beberapa teori ekonomi khususnya dalam pertanian.

#### **Bacaan Asas**

- Penson Jr., J. B., Capps Jr, O., Rosson III, C. P., and Woodward, R. T. 2014. *Introduction to Agricultural Economics* (6th Edition). Pearson.
- Barkley, A., and Barkley, P. W. 2013. *Principles of Agricultural Economics*. Routledge.
- Beattie, B.R., Taylor, C.R., and Watts, M. J. 2009. *The Economics of Production*. Krieger Publishing Company.
- Debertin, D.L. 2012. *Agricultural Production Economics Second Edition*. CreateSpace Independent Publishing Platform.
- Nik Hashim Mustapha. 1990. *Ekonomi pengeluaran pertanian: teori dan gunaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **EPPE2643 Analisis Dasar Sumber Pertanian**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai pelbagai masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian umumnya dan masalah tanah sehingga melahirkan pelbagai program dan usaha untuk mengatasi dan memajukannya. Antara tajuk yang dibincangkan ialah kelemahan pengeluaran pekebun kecil dan perladangan, kelemahan teknologi dan dasar pemasaran pertanian, masalah ekstensif dan intensif penggunaan tanah, masalah tanah dalam pertanian dan peranan perdagangan tani antarabangsa, dasar-dasar pertanian seperti jaminan harga, subsidi input, kepelbagaian tanaman, kredit, komesialisasi pertanian, pemakanan, keselamatan, jaminan dan mutu makanan, dasar pertanian yang juga meliputi dasar komoditi dan dasar tanah negara sama ada yang melibatkan peraturan dan pentadbiran seperti kanun tanah, pengezonan, tanah pertanian, jelapang padi dan sebagainya, reformasi tanah dan dasar perdagangan pertanian negara dan dunia turut diberi penekanan. Di akhir kursus, pelajar mampu memahami dan menghayati implikasi dasar terhadap pembangunan industri pertanian.

### **Bacaan Asas**

- Darin-Drabkin, H. 2013. *Land Policy and Urban Growth*. Pergamon.
- Novak, J. L., Pease, J. W., and Sanders, L. D. 2015. *Agricultural Policy in the United States: Evolution and Economics*. Routledge.
- Koning, N. 2016. *Food Security, Agricultural Policies and Economic Growth: Long-term Dynamics in the Past, Present and Future*. Routledge.
- Godden, D. 2010. *Agricultural and Resource Policy: Principles and Practice*. Sydney University Press.
- Malaysia. 2011. *Dasar Agro Makanan Negara*. Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

### **EPPE3123 Industri dan Perniagaan Antarabangsa**

Kursus ini bertujuan membincang dan menganalisis kedinamikan industri dan perniagaan antarabangsa akibat daripada perubahan teknologi. Aspek-aspek penting yang diliputi ialah perkembangan terkini perdagangan antarabangsa dan industri, iaitu dari teori faedah berbanding kepada teori faedah dayasaing, teori ekonomi jaringan dan sistem kompleks, dan persaingan dalam produk berteknologi masa kini dan akan datang dengan aplikasi teori inovasi teknologi berterusan berlawanan dengan teori inovasi teknologi memusnah. Selepas mengikuti kursus ini pelajar boleh memahami dan membincangkan ciri-ciri penting industri dan perniagaan yang melibatkan pelaburan serta firma antarabangsa terutamanya dalam industri berorientasi teknologi terkini.

### **Bacaan Asas**

- Hewitt, T., Hazel, J. & David, W. (eds.). 1992. *Industrialization and development*. New York: Oxford Univ. Press.
- Chang, Sea-Jin. 2008. *Sony vs. Samsung: The Inside Story of the Electronics Giants' Battle for Global Supremacy*. Singapore: John Wiley & Sons (Asia).
- Christensen, Clayton M. & Michael E. Raynor. 2003. *The Innovator's Solution: Creating and Sustaining Growth*. Cambridge, Mass.: Harvard Business School Press.
- Christensen, Clayton M. 1997. *The Innovator's Dilemma: When New Technologies Cause Great Firms to Fail*. Cambridge, Mass.: Harvard Business School Press.
- Porter, Michael E. 1990. *The Competitive Advantage of Nations*. New York: Free Press

### **EPPE3143 Ekonomi Perdagangan Antarabangsa**

Kursus ini membincangkan tentang teori, polisi dan aplikasi dalam ekonomi perdagangan antarabangsa. Tajuk-tajuk utama yang dibincangkan meliputi teori perdagangan antarabangsa klasik dan moden, kesan perdagangan ke atas agihan pendapatan dan kebajikan penduduk, sekatan perdagangan yang berkaitan dengan tarif dan sekatan bukan tarif serta hujah yang menyokong kepada halangan perdagangan antarabangsa. Di samping itu, isu-isu dan tajuk berkaitan integrasi ekonomi, pertumbuhan dan mobiliti antarabangsa faktor pengeluaran serta kemajuan teknikal dan hubungan mereka dengan kadar syarat perdagangan, jumlah perdagangan antarabangsa dan kebajikan ekonomi negara turut dibincangkan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya mengaplikasikan konsep dan polisi, membandingkan teori perdagangan antarabangsa dan mampu membuat penyelidikan berkaitan isu ekonomi perdagangan antarabangsa.

#### **Bacaan Asas**

- Salvatore, D. 2013. *International Economics: Trade and Finance*. 11<sup>th</sup> Ed. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Salvatore, D. 2012. *Introduction to International Economics*. 3<sup>rd</sup> Ed. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Carbaugh, R.J. 2015. *International Economics*. 12<sup>th</sup> Ed. U.S.A: South-Western Cengage Learning.
- Husted, S&Melvin, M. 2012. *International Economics*. 9<sup>th</sup> Ed. Boston: Pearson Education, Inc.
- Gerber, J. 2013. *International Economics*. 6<sup>th</sup> Ed. Boston: Pearson Education, Inc.

### **EPPE3213 Ekonomi Monetari Antarabangsa**

Kursus ini membincangkan teori dan aplikasi dalam ekonomi monetari antarabangsa. Tajuk-tajuk utama yang dibincangkan meliputi akaun imbalan pembayaran, pasaran pertukaran asing, pendekatan kewangan dan pendekatan imbalan portfolio, mekanisme pelarasan harga, dasar ekonomi terbuka di bawah sistem kadar pertukaran fleksibel dan sistem kadar pertukaran tetap, harga dan output dalam ekonomi terbuka dengan menggunakan pendekatan agregat, isu pemilihan sistem kadar pertukaran, sejarah dan prospek sistem kewangan antarabangsa. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya mengaplikasikan teori dan konsep asas ekonomi monetari antarabangsa dalam konteks semasa serta mampu membuat penyelidikan dan membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi monetari antarabangsa.

#### **Bacaan Asas**

- Appleyard, D.R., Field, A.J. & Cobb, S. 2014. *International economics*. 7<sup>th</sup> Ed. New York: McGraw Hill.
- Krugman, P.R., Obstfeld, M., and Melitz, M. J. 2015. *International economics: Theory & Policy*. 10<sup>th</sup> Ed. Boston: Pearson.
- Carbaugh, R.J. 2013. *International Economics*. Singapore: South-Western Cengage Learning
- Pillbeam, K. 2013. *International finance*. Fourth Edition. New York: Palgrave Macmillan.
- Gerber, J. 2014. *International economics*. 6<sup>th</sup> Ed. Boston: Pearson.

### **EPPE3223 Ekonomi Pencukaian**

Kursus ini bertujuan membincangkan kegiatan kerajaan dari aspek pencukaian yang berasaskan pengalaman Malaysia. Penumpuan diberikan terhadap analisis kesaksamaan cukai, kesan beban cukai dari aspek kecekapan dan taburan, pencukaian dalam ekonomi terbuka, cukai jualan, cukai pengeluaran terutama cukai eksais, cukai kekayaan, hartanah dan harta pusaka, serta federalisme fiskal dan pembiayaan kerajaan negeri dan tempatan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh menganalisis prestasi dan kesan amalan sesuatu cukai dari aspek kecekapan dan kesaksamaan secara kualitatif dan kuantitatif.

#### **Bacaan Asas**

- Gruber, J. 2016. *Public finance and public policy*, 5<sup>th</sup> Ed. New York: Worth Publishers.
- Holcombe, R. 2006. *Public sector economics*, 1<sup>st</sup> Ed. New Jersey: Pearson Prentice Hall
- Hyman, D.N. 2011. *Public finance: A contemporary application of theory to policy*, 10<sup>th</sup> Ed. South-Western: Cengage Learning.
- Md. Zyadi Md. Tahir & Ragayah Haji Mat Zin. 2002. *Ekonomi pencukaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosen, H.S., Gayer, T. & Civan, A. 2014. *Public finance*, 10<sup>th</sup> Ed. Berkshire: McGraw-Hill Education.

### **EPPE3253 Ekonomi Kewangan Mikro**

Kursus ini membincangkan teori dan aplikasi dalam bidang ekonomi kewangan mikro. Antara topik yang dibincangkan ialah teori pelaburan portfolio yang terdiri daripada analisis min-varian (model Markowitz) dan model keseimbangan pasaran modal yang terdiri daripada model CAPM, perletakan harga arbitraj, dan model multi faktor CAPM. Selain itu, kaedah untuk membentuk dan mengira sempadan portfolio yang cekap serta model penilaian pelaburan portfolio juga dibincangkan. Perbezaan antara pasaran modal, pasaran opsyen, pasaran hadapan dan mikro kredit juga dibincangkan. Akhir sekali, konsep kecekapan pasaran dan strategi penentuan harga di pasaran opsyen dan pasaran hadapan juga dibincangkan secara teori dan berdasarkan pengalaman di negara Malaysia.

#### **Bacaan Asas**

- Elton, J.E., M. J. Gruber, S. J. Brown and W. N. Goetzmann. 2011. *Modern Portfolio Theory and Investment Analysis*. Wiley, UK.
- Brown, Reilly. 2012. *Analysis of Investment and Management of Portfolios*. 10<sup>th</sup> edition. South-Western, Cengage Learning, Singapore.
- Merton, R.C, and Cleeton, D. 2012. *Financial Economics*. Pearson Learning Solutions.
- Hull, John C. 2011. *Options Futures and Other Derivatives*. 8th edition. Pearson Education.
- Blyth, Stephen. 2013. *An Introduction to Quantitative Finance*. Oxford University Press, UK.



### **EPPE3273 Ekonomi Dasar Sosial**

Kursus ini bertujuan mengkaji peranan modal manusia dalam pasaran buruh dan ekonomi serta dasar kebajikan sosial. Pelajar diberi pencerahan teori modal manusia, khususnya dalam sektor pendidikan dan kesihatan, serta impaknya dalam dasar kebajikan sosial. Selain itu, pembiayaan dalam sektor pendidikan, kesihatan, perumahan, kebajikan am dan keselamatan sosial juga dibincangkan. Pendekatan mikroekonomi digunakan untuk menganalisis sebarang dasar yang dibentuk oleh kerajaan khususnya dasar sosial. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat menilai permasalahan sosial dari segi ekonomi, menerangkan kepentingan kecekapan dan ekuiti dalam penentuan objektif sosial serta menerangkan rasional campur tangan kerajaan dalam mengatasi masalah sosial.

#### **Bacaan Asas**

- Baldock, John; Manning, Nick; Vickerstaff, Sarah; Mitton, Lavinia (Eds.). 2011. *Social Policy* 4th Edition. Oxford University Press: Oxford.
- Barr, N. 2012. *The economics of the welfare state*. 4<sup>th</sup> Edition. New York: Oxford University Press.
- Greve, Bent (ed.) 2012. *The times they are changing?: Crisis and the welfare state*. Chichester: Wiley-Blackwell.
- Selvaratnam, Doris Padmini. 2014. *Ekonomi Dasar Sosial*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stiglitz, Joseph E. & Rosengard, Jay K. 2015. *Economics of the public sector*. 4<sup>rd</sup> Edition. New York: W.W. Norton.

### **EPPE3313 Ekonometrik Pertengahan**

Kursus ini adalah kursus lanjutan bagi kursus Pengantar Ekonometrik. Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang penggunaan kaedah ekonometrik lanjutan untuk menganalisis data ekonomi. Perbincangan akan meliputi pengujian hipotesis dalam model regresi berbilang, spesifikasi model dan pengujian diagnostik, model ekonometrik dinamik, model persamaan serentak dan model respon kualitatif. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya berupaya untuk mengaplikasi pelbagai kaedah ekonometrik dalam penyelidikan empirikal dan menganalisis hasil kajian secara berkesan.

#### **Bacaan Asas**

- Gujarati, D.N. & Porter, D.C. 2009. *Basic Econometrics*. 5th Edition. New York: McGraw Hill.
- Hill, R.C., Griffiths, W.E. & Lim, G.C. 2012. *Principles of Econometrics*. 4th Edition. Danver: John Wiley & Sons.
- Hilmer, C. & Hilmer, M. 2013. *Practical Econometrics: Data Collection, Analysis and Application*. New York: McGraw Hill.
- Stock, J.H. & Watson, M.W. 2015. *Introduction to Econometrics*. Updated 3rd Edition. New York: Pearson Education.
- Wooldridge, J.M. 2016. *Introductory Econometrics: A Modern Approach*. 6th Edition. Singapore: Cengage Learning.

**EPPE3323 Statistik Penakbiran**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang konsep dan teori asas statistik penakbiran. Perbincangan akan meliputi pemboleh ubah rawak dan taburan kebarangkalian, jangkaan matematik, taburan khusus pemboleh ubah diskrit dan selanjar, fungsi pemboleh ubah, taburan pensampelan, teori dan aplikasi penganggaran serta teori dan aplikasi ujian hipotesis. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat memahami beberapa teori statistik penakbiran dan boleh mengaplikasikan dalam analisis ekonomi.

**Bacaan Asas**

- Irwin, M. & Marylees, M. 2014. *John E. Freund's Mathematical Statistics*. 8<sup>th</sup> Edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Bickel, P.J. & Doksum, K.A. 2007. *Mathematical statistics: Basic and selected topics*. 2nd Edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Richard J.L. & Morris L.M. 2012. *Introduction to Mathematical Statistics and Its Application*, 5<sup>th</sup> Edition. New Jersey Pearson Prentice Hall.
- Robert, V.H. & Elliot, A.T. 2015. *Probability and statistical inference*. 9<sup>th</sup> Edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Robert, V.H., Joseph M. & Allen, T.C. 2013. *Introduction to mathematical statistics*. 7<sup>th</sup> Edition. New Jersey, Pearson Prentice Hall.

**EPPE3353 Analisis Siri Masa dan Peramalan**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang konsep peramalan dan kemahiran menganalisis data siri masa. Perbincangan akan meliputi konsep asas peramalan, analisis awalan data siri masa, regresi siri masa, perlicinan eksponen, tren stokastik, pembezaan, model perjalanan rawak, ujian kepegungan, penganggaran dan ujian diagnostik model Box-Jenkins tanpa musim dan bermusim, dan peramalan menggunakan kaedah perlicinan eksponen dan model Box-Jenkins. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat memahami beberapa model peramalan dan boleh mengaplikasikan dalam analisis data ekonomi semasa.

**Bacaan Asas**

- Bisgaard, S. & Kulahci, M. 2011. *Time Series Analysis and Forecasting by Example*. John Wiley & Sons.
- Bruce, L.B., Richard, T. O'Connell, & Koehler, A.B. 2005. *Forecasting, time series and regression*. 4<sup>th</sup> Edition. Belmont: Duxbury Press.
- Gujarati, D.M. & Porter, D.C. 2009. *Basic econometrics*. 5<sup>th</sup> Edition. New York: McGraw-Hill.
- Franses, P.H., Van Dijk, D. & Opschoor, A. 2014. *Time Series Models for Business and Economic Forecasting*. 2nd Edition. Cambridge University Press
- Montgomery, D.C., Jennings, C.L. & Kulahci, M. 2015. *Introduction to Time Series Analysis and Forecasting*. 2nd Edition. John Wiley & Sons.
- Jeffrey M.W. 2013. *Introductory econometrics: A modern approach*, 5<sup>nd</sup>Ed. South Western: Cengage Learning.

### **EPPE3413 Dasar Fiskal dan Kewangan Islam**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang dasar fiskal dan monetari Islam. Perbincangan akan meliputi peranan pemerintah Islam dalam ekonomi, struktur sistem dan dasar fiskal, struktur sistem dan dasar monetari, serta keberkesanan dasar fiskal dan monetari Islam. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat membincangkan kesan pelaksanaan dasar fiskal dan monetari Islam dalam konteks ekonomi Malaysia

#### **Bacaan Asas**

- Chapra, M.U 2014. *Morality and justice in Islamic economics and finance*. UK: Edward Elgar Publishing Limited
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2011. *Analisis ekonomi Islam: satu pendekatan analisis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Khan, M.A 2013. *What is wrong with Islamic economics? Analysing the present state and and future agenda*. UK: Edward Elgar Publishing Limited.
- Naqvi, S. N. H 2013. *Islam, economics, and society*. New York: Routledge
- Sanep Ahmad & Salmi Edawati Yaacob 2012. *Dinar emas: Sejarah dan aplikasi semasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **EPPE3423 Perkembangan Pemikiran Ekonomi Islam**

Kursus ini mengutarakan pemikiran ekonomi di kalangan tokoh cendekiawan Islam dalam pelbagai era perkembangan tamadun Islam. Antara tokoh Islam yang tersohor dalam menjelaskan teori-teori ekonomi ialah Abu Yusuf, al-Ghazali, Ibn Taimiyyah, Ibn Khaldun dan lain-lain. Tajuk-tajuk perbincangan akan meliputi pelbagai aspek sistem ekonomi antaranya sistem pembiayaan awam meliputi percukaian dan perbelanjaan awam, sistem pasaran, sumber ekonomi dan lain-lain. Kursus ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan tentang perkembangan pemikiran ekonomi Islam dan bagaimana idea-idea awal ekonomi mempengaruhi perkembangan ekonomi semasa serta bagaimana ekonomi Islam boleh berkembang semula menggantikan kedudukan sistem ekonomi sedia ada.

#### **Bacaan Asas**

- Islahi, Abdul Azim (2004), *Contribution of Muslim scholars to economic thought*, Islamic Economics Research Centre: Jeddah.
- El-Ashker, Ahmad A.F. & Wilson Rodney.2006. *Islamic Economics: A Short History*, London. Brill
- Essid, Yassine .1995. *A Critique of the Origins of Islamic Economic Thought*, London. Brill
- Ghazanfar S.M .2003. Ed.*Medieval Islamic Economic Thought*, Curzon Routledge London.
- Hosseini, Hamid S. 2003. Contributions of medieval Muslim sholars to the history of economics and their impacts: A refutation of the Schumpeterian great gap, In Samuels Warren J., Biddle, Jeff E., Davis, John B. (Eds.), *A companion to the history of economic thought*, Oxford : Blackwell Publishing.

### **EPPE3433 Perbandingan Sistem Ekonomi**

Kursus ini bertujuan untuk menjelaskan kepelbagaian sistem ekonomi yang diamalkan di dunia, ciri-ciri dan aplikasinya dalam konteks semasa. Pelajar akan diperkenalkan kepada jenis-jenis sistem ekonomi di dunia iaitu sistem ekonomi kapitalis, sosialis dan juga sistem ekonomi Islam. Perbincangan juga meliputi amalan setiap sistem ekonomi ini, kebaikan dan juga keburukan yang terdapat pada setiap sistem ini. Selain itu, perbincangan mengenai isu-isu semasa, cabaran-cabaran serta pendekatan dan juga penyelesaian yang disarankan oleh setiap sistem ini turut ditekankan. Selepas mengikuti kursus ini pelajar berupaya menjelaskan prinsip-prinsip dan membezakan antara setiap sistem ekonomi serta menilai aplikasinya dalam konteks semasa.

#### **Bacaan Asas**

- M.A.Mannan. 1993. *Ekonomi Islam : Teori dan Praktis* (terjemahan Radiah Abdul Kadair). Kuala Lumpur. A.S. Noordeen.
- Gregory, P.R. and Stuart, R. C. 2004. *Comparing Economic Systems In The Twenty-First Century*. 7<sup>th</sup> Edition. Houghton Mifflin Company.
- Kennett, D. 2004. *A New View of Comparative Economics*. 2nd Edition. United States. South-Western.
- Rosser, J.B.Jr & Rosser, M.V. 2004. *Comparative Economic In A Transforming World Economy*. 2<sup>nd</sup> Edition. United States. MIT Press.
- Ab. Razak Dan *et al* 2000 *Sistem Ekonomi Perbandingan* . Bangi. UKM.

### **EPPE3513 Perancangan Pembangunan dan Penilaian Projek**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang teori perancangan pembangunan dan penilaian projek. Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama memberi tumpuan terhadap perancangan pembangunan yang meliputi topik berkaitan kepentingan perancangan pembangunan, serta jenis, matlamat, alat, model dan proses perancangan pembangunan. Pengalaman perancangan pembangunan di Malaysia turut dibincangkan. Bahagian kedua menjelaskan konsep dan kaedah penilaian projek serta hubungannya dengan perancangan pembangunan. Di akhir kursus, pelajar dapat membincang dan menilai proses pelaksanaan perancangan pembangunan dan penilaian projek serta kaitannya dengan pembangunan sesebuah negara.

#### **Bacaan Asas**

- Asian Development Bank. 2013. *Cost-Benefit Analysis for Development: A Practical Guide*. ADB, Philippines.
- Ahmad Mahdzan Ayob. 2005. *Perancangan dan Penilaian Projek Pembangunan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Boardman, A., Greenberg, D., Vining, A., & Weimer, D. 2014. *Cost-Benefit Analysis: Concepts and Practice*, 4<sup>th</sup> Edition, Pearson New International Edition. Pearson Education Limited.
- Johansson, P-O. & Kristrom, B. 2016. *Cost-Benefit Analysis for Project Appraisal*. Cambridge University Press. United Kingdom.
- Lewis, W.A. 2005. *Development Planning*. Routledge Library Editions.

### **EPPE3523 Ekonomi Pembangunan Sumber Manusia**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai konsep, teori dan aplikasi pembangunan sumber manusia dan perancangan tenaga manusia. Tajuk yang dibincangkan termasuklah konsep dan teori pelaburan modal manusia, kriteria pelaburan modal manusia, kaedah mengira kadar pulangan pelaburan modal manusia, sumbangan modal manusia kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, perolehan individu, agihan perolehan dan perbezaan upah, teknik dan masalah perancangan tenaga manusia serta strategi pembangunan dan perancangan sumber manusia. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar diharapkan dapat menjelaskan kepentingan pembangunan dan perancangan sumber manusia kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dan mengaplikasikan aspek yang dipelajari kepada situasi empirik.

#### **Bacaan Asas**

- Abegaz, B. 1994. *Manpower development planning, theory and an African case studies*. England: Ashgate Publishing Limited.
- Akinyemi, S. 2013. *The Economic of Education*. Lagos: Strategic Book Publishing and Right Company.
- Hopkin, M. 2002. *Labour market planning revisited*. New York: Macmillan.
- Rahmah Ismail. 2016. *Ekonomi sumber manusia: Teori dan kajian empirik*. Pusat Kajian Sumber Manusia, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Phelps, C. E. 2013. *Health Economics*, 5th edition. London: Routledge Taylor & Francis Group.

### **EPPE3543 Ekonomi Bandar dan Wilayah**

Kursus ini membincangkan mengenai teori ekonomi reruang dalam letakan lokasi kegiatan ekonomi dan firma. Khususnya kursus ini mengkaji mengapa kegiatan ekonomi tertentu dan firma tertentu menempatkan diri di mana mereka kini berada dan faktor-faktor yang menentukan keputusan mereka untuk berada di lokasi berkenaan. Teori-teori yang dibincangkan termasuk analisis reruang sebuah bandar sebagai pusat ekonomi, fungsi bandar, asas ekonomi bandar yang diukur sebagai aktiviti asas dan tidak asas serta keperluan minima, dan struktur ekonomi bandar mengikut teori zon berpusat, teori sektoral, dan pelbagai nuklei. Analisis terhadap lokasi dilakukan melalui teori letakan industri, teori lokasi intra-bandar, teori pusat setempat dan teori pusat pertumbuhan. Selepas mengikut kursus ini pelajar dapat menjelaskan dan menganalisis mengenai kewujudan kegiatan ekonomi tertentu dan firma tertentu di sesuatu lokasi tertentu.

### **Bacaan Asas**

- Brakman, Steven. 2009. *The New Introduction to Geographical Economics*. (Paperback). Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Brueckner, Jan K. 2011. *Lectures on Urban Economics*. (Paperback). Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Cheshire, Paul C; Max Nathan & Henry G. Overman. 2015. *Urban Economics and Urban Policy*. Abingdon, UK: Edward Elgar.
- McCann, Philip. 2013. *Modern Urban and Regional Economics (Second Edition)*. (Paperback). Oxford, UK: Oxford University Press.
- Wheeler, James O.; Peter O. Muller; Grant Ian Thrall & Timothy J. Fik. 1998. *Economic Geography (Third Edition)*. Hoboken, NJ: Wiley & Sons.

### **EPPE3553 Ekonomi Buruh**

Kursus ini merupakan pengenalan kepada bidang kajian ekonomi buruh. Kandungan kursus ini tertumpu kepada perbincangan mengenai agihan buruh dan proses penetapan upah mengikut pendekatan fahaman Neoklasik. Bahan utama melibatkan topik mengenai teori pilihan dalam penawaran dan permintaan buruh. Turut sama dibincangkan ialah bukti empirik dan aplikasi dasar bagi setiap teori berkenaan termasuk kaitannya dengan isu semasa dalam pasaran buruh Malaysia. Topik lain ialah proses penentuan upah, struktur upah, mobiliti buruh dan peranan kesatuan sekerja. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya menerangkan model-model utama penawaran dan permintaan buruh sebagai asas proses agihan buruh dan penentuan upah serta perbezaan upah antara pekerja, pekerjaan, industri dan kawasan.

### **Bacaan Asas**

- Cahuc, P. Carcillo, S. and Zylberberg, 2014. *Labor Economics: The MIT Press*
- Ehrenberg, R.G. & R.S. Smith, 2015. *Modern Labour Economics: Theory & Public Policy*. 12th Ed. Mass.: Addison and Wesley.
- Tito Boeri & Jan van Ours. 2013. *The Economics of Imperfect Labor Markets Second Edition*

### **EPPE3573 Ekonomi Pembangunan Antarabangsa**

Kursus ini membincangkan pembangunan ekonomi antarabangsa dengan memfokus kepada tren pembangunan seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, kursus ini juga memberi pengetahuan teoritis dan analisis empiris mengenai situasi, arah aliran dan pembangunan ekonomi di peringkat antarabangsa. Kandungan kursus ini merangkumi teori ekonomi pembangunan antarabangsa, perubahan struktur ekonomi, perdagangan dan pelaburan antarabangsa, ekonomi “baru”, serta isu semasa berhubung liberalisasi perdagangan dan kewangan dalam era globalisasi. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar mampu mengaplikasi teori pembangunan ekonomi untuk menerangkan proses dan struktur pembangunan antarabangsa, menerangkan proses transformasi dunia, khususnya di negara membangun, membanding ciri dan faktor mencorak pembangunan di negara-negara terpilih, menghurai tren dan kesan perdagangan dan pelaburan, menjelas maksud, teori, faktor pendorong, ciri dan kesan globalisasi, dan mengenalpasti dan membincangkan isu-isu ekonomi semasa berkaitan ekonomi pembangunan antarabangsa.

#### **Bacaan Asas**

- Cleaver, Tony. 2013. *Understanding the World Economy*. 4th Edition. Routledge.: London & New York.
- Fu Lai Tony Yu, Wai Kee Yuen & Diana S. Kuan. 2014. *International Economic Development*. Routledge: London.
- Lacalle, Daniel & Parilla, Diego. 2015. *The Energy World is Flat: Opportunities from the End of Peak Oil*. Laserwords Private Limited: Chennai, India.
- McMichael, Philip. 2012. *Development and Social Change: A Global Perspective*. 5th Edition. Sage Los Angeles.
- Pollin, Robert. 2015. *Greening the Global Economy*. MIT Press: Massachusetts

### **EPPE3613 Pengurusan Perniagaan Tani**

Kursus ini merupakan kursus asas dalam pengurusan, pembiayaan dan keusahawanan dalam perniagaan asas tani. Matlamat utama kursus adalah memberi pendedahan dan fahaman supaya pelajar mampu menghayati konsep dan teori asas dalam aspek pengurusan perniagaan, pengurusan pembiayaan dan pembangunan keusahawanan dalam pertanian dan industri asas tani. Topik-topik utama berfokus kepada pengenalan sektor pertanian dan perniagaan asas tani, pengurusan pembiayaan dan sumber-sumber kewangan, pengurusan pemasaran, pengurusan komunikasi dan jaringan dalam perniagaan asas tani. Dalam aspek pembangunan keusahawanan tani pula mencakupi ciri dan keperluan asas dalam pembangunan keusahawanan tani, pembangunan rancangan perniagaan untuk projek perniagaan asas tani. Pelajar diperlukan untuk menghasilkan kajian kes perniagaan tani di Malaysia untuk membolehkan pelajar mengaplikasi teori dalam persekitaran perniagaan tani yang sebenar. Selain itu, pelajar dapat mengenalpasti peranan koperasi dan institusi kerajaan serta memadankan kesesuaian agensi dalam membangunkan sektor pertanian.

### **Bacaan Asas**

- Coulthard, M., Howell, A., and Clarke, G. 1996. *Business Planning: The Key to Success*. MacMillan Education Australia, South Melbourne.
- Bierlein, J. G., Schneeberger, K. C., and Osburn, D. D. 2013. *Principles of Agribusiness Management*, 5th Edition. Waveland Press, Inc.
- Fleet, D. V., Fleet, E. V., and Seperich, G. J. 2013. *Agribusiness: Principles of Management*. Delmar: Cengage Learning.
- McBride, G. 2013. *Agricultural Cooperatives: Their Why and Their How*. Springer.
- Moss, C. B. 2013. *Agricultural Finance*. Routledge.
- Ricketts, C., and Ricketts, K. G. 2008. *Agribusiness: Fundamentals and Applications*. Cengage Learning.

### **EPPE3643 Ekonomi Pelancongan dan Rekreasi**

Kursus ini mengkaji industri pelancongan daripada perspektif ekonomi. Secara umumnya kursus ini menghuraikan ciri-ciri utama, kepentingan dan impaknya kepada pembangunan ekonomi. Topik utama yang dibincangkan dalam kursus ini ialah konsep asas pelancongan, sejarah pembangunannya, pasaran utama dan trend pelancongan global, industri pelancongan Malaysia, asas pembentukan permintaan pelancongan, komponen utama dalam perkhidmatan pelancongan, pemasaran pelancongan, kesan pembangunan pelancongan kepada ekonomi negara, isu persekitaran dan pembangunan pelancongan lestari.

### **Bacaan Asas**

- John, T. 2015. *The Economics of Recreation, Leisure and Tourism*. 5<sup>th</sup> Edition. Roudledge.
- Charles R.G. & Brent Ritchie, J.R. 2011. *Tourism Principles, Practices, Philosophies*. 12<sup>th</sup> Edition. Wiley.
- Alvaro M, Peter, N & Manuela S. 2015. *Quantitative Methods in Tourism Economics*. Physica.
- Tisdell, Clem. 2001. *Tourism Economics, The Environment and Development: Analysis and Policy*. Cheltenham, UK: Edward Elgar. Vol I & II.
- Page, Stephen J & Connell, Joanne 2006. *Tourism: A Modern Syntfesis* 2<sup>th</sup> Ed, Thomson Learning.

### **EPPE3653 Analisis Kos Faedah dan Alam Sekitar**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang pemakaian analisis kos-faedah dalam konteks alam sekitar. Tajuk-tajuk yang dibincang meliputi struktur analisis kos faedah, konsep jumlah nilai ekonomi dan penilaian alam sekitar, teknik penilaian sumber alam sekitar seperti model kos lawatan, model 'hedonic pricing', model 'dose-response' penilaian kontingen, masalah risiko dan ketidakpastian dalam penilaian projek. Di akhir kursus, pelajar dapat membincang, menilai serta melaksanakan penilaian analisis kos faedah alam sekitar.



### **Bacaan Asas**

- Hussen, A. 2012. *Principles of Environmental Economics and Sustainability: An Integrated Economic and Ecological Approach*. 3<sup>rd</sup> Edition. Routledge.
- Johnsson, P.O.& Kristrom, B. 2015. *Cost-Benefit Analysis for Project Appraisal*. Cambridge University Press.
- Acutt, M. & Mason, P.(eds.). 1998. *Environmental valuation, economic policy and sustainability*. Aldershor: Edward Elgar.
- Greeberg, B. & Weimer, V. 1996. *Cost-benefit analysis, concept and practice*. New Jersey: Prentice Hall.
- Hanley, N. & Spash, C.L. 1996. *Cost-benefit analysis and the environment*. Aldershor: Edward Elgar.

### **EPPE3683 Perdagangan dan Alam Sekitar**

Kursus ini memberi fahaman kepada pelajar tentang saling kaitan antara perdagangan dengan alam sekitar. Tumpuan diberi kepada implikasi perdagangan dan aliran modal yang lebih bebas terhadap kualiti alam sekitar khususnya perubahan iklim. Topik utama merangkumi keterbukaan dan pertumbuhan ekonomi; pembangunan mapan; kerangka perdagangan antarabangsa; kegagalan dasar, pasaran dan institusi; perjanjian persekitaran *multilateral* dan Kyoto Protocol; pertanian multifungsi; piawai alam sekitar dan pelabelan eko dan respons dasar. Isu-isu semasa perdagangan dan kaitannya dengan alam sekitar di Malaysia juga turut dibincangkan. Di akhir kursus, pelajar seharusnya berupaya memahami secara analitikal hubungkait dan intrikasi perdagangan-alam sekitar serta mampu mengenalpasti respons dasar makro dan sektoral yang bersesuaian.

### **Bacaan Asas**

- Anderson, K. & Blackhurst, R. (eds.). 1992. *The greening of world trade issues*. Hertfordshire: Harvester Wheatsheaf.
- Copeland, B.R. & Taylor, M.S. 2003. *Trade and the environment: theory and evidence*. Princeton: Princeton University Press.
- Coxhead, I. & Jayasuriya, S. 2003. *The open economy and the environment: development, trade and resources in Asia*. Cheltenham: Edward Elgar Publishing Limited.
- Epstein, M.J. 1996. *Measuring corporate environmental performance: best practices for costing and managing an effective environmental strategy*. Chicago: Irwin Professional Pub.
- Welford, R. (ed.). 2009. *Corporate environmental management 1– systems and strategies*. London: Earthscan Pub. Ltd. Publishing.

## **PUSAT PENGAJIAN PERAKAUNAN**

### **Misi**

Bertekad menjadi pusat pengajian terpilih dalam bidang perakaunan bagi mendukung perkembangan profesion perakaunan setanding dengan kelayakan antarabangsa.

### **Matlamat**

Melahirkan graduan beretika, berpengetahuan luas dalam persekitaran sosial, ekonomi dan perniagaan yang dinamik dan global, berkemahiran dalam ilmu perakaunan seiring dengan tuntutan profesion, berketerampilan dan berfikiran kreatif.

### **Hasil Pembelajaran Program Sarjanamuda Perakaunan**

Program ini dirangka untuk menghasilkan graduan yang mampu:

- Menguasai pengetahuan bidang asas perakaunan dalam pembuatan keputusan ekonomi
- Mengaplikasi pengetahuan bidang asas perakaunan dalam pembuatan keputusan ekonomi
- Mempamerkan tingkahlaku yang mengambil tanggungjawab sosial
- Mempamerkan tingkahlaku yang beridentiti nasional konsisten dengan etika professional
- Berkomunikasi secara berkesan, bekerja dalam pasukan dan menunjukkan kemahiran kepimpinan
- Mengaplikasi kemahiran saintifik dan pemikiran kritis dalam penyelesaian masalah
- Menunjukkan kemahiran pengurusan maklumat dan komitmen bagi pembelajaran sepanjang hayat
- Mempamerkan kemahiran pengurusan dan keusahawanan yang berdayasaing dan berinovasi

### **Program Sarjanamuda Perakaunan**

- Program pengajian yang ditawarkan adalah program Ijazah Sarjanamuda Perakaunan dengan Kepujian.
- Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan, pengiktirafan dari badan profesional dalam dan luar negara seperti MICPA, MIT, ACCA, MAICSA dan CIMA telah diperolehi. Program Sarjanamuda Perakaunan telah mendapat pengecualian maksima bagi peperiksaan MICPA, MIT dan ACCA.
- Struktur pengajian telah dibentuk berdasarkan laporan Jawatankuasa Halatuju Program Perakaunan IPTA 2007 dan Kerangka Kelayakan Malaysia.
- Program ini diiktiraf sebagai program profesional oleh Institut Akauntan Malaysia. Program ini juga ditanda aras mengikut standard antarabangsa International Federation of Accountants (IFAC).

## Program Ijazah Sarjanamuda Perakaunan dengan Kepujian

Program ini merangkumi kerja kursus dan latihan ilmiah. Untuk tujuan pengijazahan calon-calon mesti lulus sekurang-kurangnya 161 unit kerja kursus yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Kursus Wajib Universiti (CW) : 10 kredit
2. Kursus Citra Universiti (C1-C6) : 20 kredit
3. Kursus Wajib Fakulti (WF) : 28 kredit
4. Kursus Wajib Pusat (WP) : 37 kredit
5. Kursus Wajib Pengkhususan (WP) : 64 kredit
6. Kursus Elektif (PB) : 12 kredit

### Kursus Teras Fakulti (WF) - 28 unit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPD1013	Mikroekonomi I	3
2	EPPD1023	Makroekonomi I	3
3	EPPD1033	Prinsip Perakaunan	3
4	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
5	EPPD1053	Pengantar Pengurusan	3
6	EPPD1063	Aplikasi Komputer	3
7	EPPD2023	Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
8	EPPD2033	Perniagaan Mengikut Perspektif Islam	3
9	LMCE1012/ LMCE1022	Academic Communication I/ Academic Communication II	2
10	LMCE2012/ LMCE2022	Workplace Communication I/ Workplace Communication II	2

### Kursus Teras Pusat (WP) - 37 unit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPA2013	Perakaunan dan Pelaporan Kewangan I	3
2	EPPA2023	Perakaunan dan Pelaporan Kewangan II	3
3	EPPA2033	Perakaunan Kos	3
4	EPPA3013	Pengauditan	3

5	EPPA3023	Percukaian I	3
6	EPPA3034	Perakaunan dan Pelaporan Korporat	4
7	EPPA3043	Sistem Maklumat Perakaunan dan Kawalan	3
8	EPPA3053	Perakaunan Pengurusan	3
9	EPPA409C	Latihan Industri Perakaunan	12

### Kursus Wajib Modul (WM) - 64 unit

Bil	Kod Kursus	Nama Bidang Pengkhususan dan Nama Kursus	Unit
<b>A. Kemahiran/Fungsian/Integrasi</b>			
1	EPPA4716	Kajian Kes Integrasi	6
2	EPPM2014	Komunikasi Perniagaan	4
3	EPPM2033	Perniagaan Antarabangsa	3
4	EPPM2114	Pengurusan Kewangan	4
5	EPPM2063	Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat	3
6	EPPM2073	Pengantar Pemasaran	3
7	EPPM3033	Kelakuan Organisasi	3
8	EPPM3123	Sains Pengurusan	3
9	EPPM3644	Kewangan Korporat dan Penstrukturan	4
10	EPPM4014	Pengurusan Strategik	4

Bil	Kod Kursus	Nama Bidang Pengkhususan dan Nama Kursus	Unit
<b>B. Perakaunan</b>			
1	EPPA3113	Isu Terpilih dalam Perakaunan dan Pelaporan Kewangan	3
2	EPPA3513	Percukaian II	3
3	EPPA3613	Pembangunan dan Aplikasi Strategik Sistem Maklumat Perakaunan	3
4	EPPA4123	Teori dan Amalan Perakaunan	3
5	EPPA4133	Perakaunan Sektor Awam	3
6	EPPA4213	Seminar Perakaunan Pengurusan	3
7	EPPA4313	Audit Lanjutan dan Penyiasatan	3

Bil	Kod Kursus	Nama Bidang Pengkhususan dan Nama Kursus	Unit
<b>C. Undang-undang</b>			
1	EPPA2413	Undang-undang Komersan	3
2	EPPA2423	Undang-undang Perkongsian dan Syarikat	3

### **Kursus Elektif (PB) - 12 unit\***

Sebanyak empat (4) kursus boleh diambil daripada senarai berikut:

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPA4113	Perakaunan Khusus	3
2	EPPA4153	Perakaunan untuk Instrumen Kewangan Islam dan Zakat	3
3	EPPA4513	Percukaian Lanjutan	3
4	EPPM3014	Pengurusan Operasi	4
5	EPPM3214	Pengurusan Sumber Manusia	4
6	EPPM3613	Pasaran dan Institusi Kewangan	3
7	EPPM3654	Pengurusan Pelaburan dan Portfolio	4
8	EPPA4143	Analisis Pelaporan Kewangan	3
9	EPPA4323	Audit Dalaman	3

## **SINOPSIS KURSUS TERAS PUSAT (WP) PUSAT PENGAJIAN PERAKAUNAN**

### **EPPA2013 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan I**

Kursus ini adalah kursus tahap pertama dalam siri LIMA kursus perakaunan dan pelaporan kewangan. Kursus ini akan (1) memperkenalkan pelajar kepada kerangka kerja perundangan yang melibatkan persekitaran pelaporan kewangan di Malaysia; iaitu pihak MASB, MIA, SC, CCM, Bursa Malaysia dan lain-lain. Kursus ini juga akan memperkenalkan pelajar kepada peranan pihak tersebut dalam pasaran modal, sektor IKS, sektor awam dan sektor organisasi bukan-untung (NGOs, organisasi kebajikan dan lain-lain). Kursus ini akan (2) memperkenalkan pelajar kepada kerangka kerja konseptual, elemen seperti aset, liabiliti, ekuiti, pendapatan dan belanja, komponen penyata kewangan, penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata aliran tunai dan penyata perubahan ekuiti (dan bagaimana penyata tersebut berkait antara satu dengan lain). Pelajar akan juga (3) diperkenalkan kepada item mudah bagi aset dan liabiliti seperti tunai, inventori, belum terima, hartanah, loji dan peralatan, aset tak zahir, pelaburan dan instrumen kewangan.

**Prasyarat: EPPD1033.**

### **Bacaan Asas**

Keiso, D.E., Weygandt, J.J. & Warfield, T.D. 2014. *Intermediate Accounting. IFRS Edition*. USA: John Wiley & Sons.

Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan Teknikal Buletin MICPA.

- Hitt, M.A., Ireland, R.D. & Hoskisson, R.E. 2014. *Strategic management: competitiveness and globalization*. 11<sup>th</sup> Ed. USA: South-Western Thomson Publishing.
- Hill, W.L, Jones, G.R. 2014. *Strategic management theory: an intergrated approach*. 10<sup>th</sup> Ed. USA South-Western Thomson Publishing
- Johnson, G., Whittington, R., Scholes, K., Angwin, D., and Regner, P. 2014. *Exploring Strategy: Text and Cases*. 10<sup>th</sup> Edition, Pearson.

### **EPPM4098 Latihan Industri**

Latihan Industri bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang persekitaran pekerjaan sebenar. Lazimnya, pelajar mengikuti Latihan Industri akan ditempatkan di firma-firma perniagaan atau organisasi terpilih. Dalam latihan ini pelajar akan dapat mengenali pelbagai struktur dan fungsi yang terdapat di dalam firma atau organisasi berkenaan. Di akhir latihan, pelajar dikehendaki menghantar laporan terhadap latihan yang dijalaninya.

**Syarat: Diambil pada semester terakhir pengajian.**

## **SINOPSIS KURSUS WAJIB MODUL (WM) PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN**

### **EPPM2514 Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans**

Kursus ini merupakan kursus asas dalam bidang pengurusan risiko dan insurans. Kursus ini akan membincangkan konsep asas mengenai risiko termasuk definisi, klasifikasi, istilah-istilah penting dan bebanan risiko. Kursus ini juga akan mendedahkan para pelajar tentang proses pengurusan risiko dan teknik-teknik untuk menguruskan risiko dengan memberikan penekanan kepada teknik insurans sebagai instrumen paling asas yang digunakan dalam pengurusan risiko. Insurans am (insurans harta dan liabiliti), insurans hayat, kontrak insurans dan peruntukan-peruntukan serta klausa-klausa insurans am dan hayat juga akan dibincangkan di dalam kursus ini. Kursus ini juga meliputi aspek yang berkaitan dengan sistem insurans Islam iaitu Takaful merangkumi prinsip asa, model operasi dan produk.

#### **Bacaan Asas**

- Dorfman, M.S. & Carter, D. 2013. *Introduction to risk management and insurance*. 10<sup>th</sup> Ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Redja, G.E. & Mc Namara, M.J. 2014. *Principles of risk management and insurance*. 12<sup>th</sup> Ed. Pearson International.
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, Hassan Scott P.Odierno, Azman Ali. 2008. *Essential Guide to Takaful*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.
- Guillaume, G. 2015. *Insurance, Risk Management and Reinsurance*. Lulu.com USA.
- Leimberg, S., Price, K. & Pedre, J. 2016. *Tools and Techniques of Insurance & Risk Management*. 3rd edition. National Underwriter Co. USA.

### **EPPM3014 Pengurusan Operasi**

Kursus ini memperkenalkan teori, konsep dan isu utama dalam operasi pembuatan dan perkhidmatan. Di antara topik-topik yang diliputi ialah pengurusan operasi dalam era globalisasi, kaedah reka bentuk produk dan perkhidmatan, pengurusan kualiti, pengurusan rantaian bekalan, logistik, perancangan kapasiti dan lokasi, Produktiviti, pengurusan inventori, penjadualan dan sistem pengurusan sumber. Pelajar juga diberi latihan menerusi permainan simulasi berkaitan pengurusan rantaian bekalan untuk memberi pendedahan kepada pengurusan operasi perniagaan yang sebenar.

### **Bacaan Asas**

- Andrew greasley. 2013. *Operations management*. 3<sup>rd</sup> Ed. England:John wiley and Sons Chase.
- Jacobs, F.R. & Chase, R.B. 2013. *Operations and supply chain management*. 14<sup>th</sup> Ed. McGraw-Hill.
- Russell S. & Taylor, B.W. 2014. *Operations and supply chain management*. 8<sup>th</sup> Ed. John Wiley & Sons (Asia) Pte. Ltd.
- Stevenson, W.J & Sum, C.C. 2014. *Operations management*. 2<sup>nd</sup> Ed. McGraw Hill (Asia Global Edition).
- Schroeder R.G., Goldstein, S.M. & Rungtusanathan, M.J. 2013. *Operations management in supply chain:decisions and cases*. 6<sup>th</sup> Ed. McGraw Hill.

### **EPPM3024 Pengurusan dan Strategi Pemasaran**

Kursus pemasaran ini adalah kursus lanjutan kepada kursus Pengantar Pemasaran dimana pelajar perlu mengaplikasikan segala ilmu yang telah dipelajari kepada proses dan strategi pemasaran. Tujuan utama kursus ini adalah untuk melatih pelajar membuat keputusan pemasaran yang terbaik serta membentuk strategi dan program pemasaran yang berkesan bagi mencapai matlamat firma. Kursus ini memerlukan pelajar mengintegrasikan secara ideal kesemua strategi bagi elemen-elemen campuran pemasaran (4Ps) bagi menghasilkan satu pelan atau rancangan pemasaran yang komprehensif.

**Prasyarat: EPPM2073.**

### **Bacaan Asas**

- Best, R. 2013. *Market based management*. 6<sup>th</sup> Ed. London: Prentice Hall.
- Kotler et al. (2013). *Marketing Management: An Asian Perspective*. 6<sup>th</sup>. Ed., Pearson Education Centre.
- Kotler, P.T. and Keller, K.L. (2015), *Marketing Management*, 15<sup>th</sup> ed, Prentice Hall.
- Chernev, A. and Kotler, P. (2012), *Strategic Marketing Management*, 7<sup>th</sup> ed, Cerebellum Press.
- Kenneth, E.C. and Donald E. (2010), *Marketing Management: A Customer-Oriented Approach*, Sage Publications Inc.

### **EPPM3113 Teori Organisasi**

Kursus ini bertujuan melengkapkan kefahaman tentang pengertian organisasi, masalah-masalah, perubahan-perubahan dalaman dan kesan perubahan luaran terhadap organisasi. Tajuk-tajuk yang akan dipelajari termasuk pengertian organisasi, tujuan dan struktur organisasi, mereka bentuk struktur organisasi berdasarkan pertimbangan tentang strategi, pengaruh luaran, saiz dan lain-lain pengaruh mereka bentuk organisasi antarabangsa dan proses pengurusan yang berkesan dan dinamik bagi organisasi.

**Prasyarat: EPPM3033.**

### **Bacaan Asas**

- Daft, R. L. 2013. *Understanding the theory and design of organizations*. 11<sup>th</sup> Ed. USA: Thomson South-Western Publishing.
- Hatch, M. J. & Cunliffe A.L. 2000. *Organization theory: modern, symbolic, and postmodern perspectives*. 2<sup>nd</sup> Ed. United Kingdom: Oxford University Press.
- Jones, G.R. 2007. *Organizational theory, design and change*. 5<sup>th</sup> Ed. USA: Prentice Hall.
- McAuley, J. Duberly, J & Johnson, P. (2007). *Organization theory: challenge and perspective*. Prentice Hall:New Jersey
- Robbins, S.P. 1990. *Organizational theory: structure design and application*. New Jersey: Prentice Hall.

### **EPPM3123 Sains Pengurusan**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang isu dan permasalahan dalam perniagaan menggunakan pendekatan kuantitatif. Permasalahan perniagaan adalah sangat rumit dan pendekatan seperti pengalaman perniagaan dan gerak hati agak kurang relevan untuk digunakan terhadap menyelesaikan situasi pengurusan masa kini. Pengumpulan data, pembinaan model, dan pembuatan keputusan merupakan kemahiran yang diperlukan dan penting dalam menangani isu-isu dalam bidang pengurusan. Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai model pembuatan keputusan dalam sains pengurusan yang kerap digunakan dalam industri dan bagaimana model-model ini dapat memberi impak dalam pelbagai bidang pengurusan perniagaan.

**Prasyarat: EPPD1043 dan EPPD2023.**

### **Bacaan Asas**

- Bonini, C. & Hausman, W. 2000. *Quantitative analysis for management*. 9<sup>th</sup> Ed. New Jersey: McGraw Hill.
- Render, B. & Stair, R.M. Jr. Hanna M.E. 2015. *Quantitative analysis for management*. 12<sup>th</sup> Ed. Pearson Education Ltd USA.
- Taylor, B.W. 2016. *Introduction to management science*. 12<sup>th</sup> Ed. Pearson, USA
- Turban, E. & Meredith, J.R. 2000. *Fundamentals of management science*. 7<sup>th</sup> Ed. USA: Irwin Publishing.
- Powell, S. & Baker, K. 2014. *Management Science: The Art of Modeling with Spreadsheet*, 4th edition, Wiley.

### **EPPM3214 Pengurusan Sumber Manusia**

Kursus ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan mengenai pelbagai konsep, prinsip, isu strategik dan taktikal yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia. Ia juga bertujuan melatih pelajar memperoleh kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berhubung isu-isu pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Tajuk-tajuk yang diliputi termasuklah cabaran masa kini berkaitan pengurusan sumber manusia, analisis kerja, perancangan sumber manusia, pemilihan kakitangan latihan, pembangunan kerjaya, penilaian prestasi, pentadbiran ganjaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta perhubungan perusahaan.

**Prasyarat: EPPM3033.**

### **Bacaan Asas**

- Maimunah Aminuddin. 2008. *Human resource management: principles and practices*. Selangor: Oxford University Press.
- Neo, R.A. & Hollenbeck, J.R. 2015. *Human resource management: gaining competitive advantage*. 9<sup>th</sup> Ed. McGraw-Hill.
- Zafir Mohamed Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun. 2012. *Mengurus sumber manusia organisasi*. Selangor: Leeds Publications.
- Dessler, Gary (2014). *Human Resource Management*, Pearson.
- Zafir Mohamed Makhbul (2013), *Pengurusan Sumber Manusia Berdaya Saing*, Penerbit UKM: Selangor, 230 m.s. ISBN: 978-967-412-044-3
- Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun (2012). *Mengurus Sumber Manusia Organisasi*. Selangor: Leeds Publications.

### **EPPM3223 Pengurusan Sumber Manusia Antarabangsa**

Kursus ini bertujuan memberi tumpuan kepada pengurusan sumber manusia dalam domain antarabangsa. Kursus ini juga akan memberi tumpuan kepada pengurusan sumber manusia ke arah peningkatan keupayaan dan kelebihan daya saing organisasi global atau multinasional. Antara topik tumpuan kursus ini ialah perancangan, perekrutan, pemilihan, dan perancangan kerjaya sumber manusia dalam aktiviti ekspatriasi. Pendedahan akan diberikan tentang pengurusan perbezaan dan kesan perbezaan faktor-faktor sosio-budaya, ekonomi dan politik negara hos dan negara asal ke atas pengurusan sumber manusia organisasi.

**Prasyarat : EPPM3033.**

### **Bacaan Asas**

- Adler, N. 2008. *International dimension of organizational behavior*. 5<sup>th</sup> Ed. USA: Thompson.
- Ang, S. & Van, D, L. (Eds.) 2008. *Handbook of cultural intelligence: theory, measurement and applications*. New York: M.E. Sharpe.
- Dowling, P.J., Festing, M. & Engle, A. 2008. *International Human Resource Management: Managing People in A Multinational Context*. 5<sup>th</sup> Ed. USA: South Western Publishing.
- Anne-Wil Harzing and Ashly Pinnington. 2014. *International Human Resource Management*, Sage Publication
- Peter Dowling, Marion Festing, and Allen D. Engle Sr. 2013. *International Human Resource Management*, 6<sup>th</sup> ed. Cengage Learning

### **EPPM3313 Kelakuan Pengguna**

Kursus ini bertujuan menyingkap aspek kelakuan pengguna dari dua sudut iaitu pengguna dan pengurusan pemasaran. Kursus ini akan meneliti teori-teori berhubung gelagat pengguna bagi memahami bagaimana pengguna bertindak dalam proses pembelian. Penelitian kelakuan pengguna dibuat dalam tiga perspektif; pengguna sebagai individu, pengguna di dalam persekitaran sosial dan budaya dan pengguna sebagai pembuat keputusan. Kursus ini akan memberi kefahaman komprehensif tentang faktor-faktor intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi proses pembuatan keputusan pengguna. Pelajar akan didedahkan kepada proses pembuatan keputusan pengguna. Pelajar juga akan membuat penelitian bagaimana personaliti dan amalan budaya serta kumpulannya mempengaruhi pembuatan keputusan pengguna. Implikasi kelakuan pengguna terhadap pembentukan dan pelaksanaan strategi pemasaran juga akan ditinjau dan dikupas.

**Prasyarat: EPPM3024.**

### **Bacaan Asas**

- Schiffman, L.G. & Kanuk, L.L. 2010. *Consumer behavior*. 10<sup>th</sup> Ed. Pearson:New Jersey.
- Solomon, Michael R. 2013. *Consumer behavior – buying, having and being*. 10<sup>th</sup> Ed. Pearson.
- Mothersbaugh, D. and Hawkins, D. 2015, *Consumer Behavior: Building Marketind Strategy*, 12<sup>th</sup> ed, McGraw-Hill Education.
- Schiffman, L.& O' Cass, A. Paladino, A., Carlson, J. 2014. *Consumer Behavior*, 6<sup>th</sup> Edition. Pearson; Australia
- Hoyer, W.D., MacInnis, D.J. 2013. *Consumer Behavior*, Cengage Learning

### **EPPM3343 Pengurusan Promosi**

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pelajar tentang proses mengurus aktiviti komunikasi pemasaran. Kursus ini akan membincangkan bagaimana elemen-elemen komunikasi pemasaran boleh digubal dan diadun secara bersepadu bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi. Kursus ini merangkumi falsafah, strategi dan pelaksanaan program promosi. Gabungan antara teori/konsep dengan aplikasi komunikasi pemasaran melalui tugas dapat membantu pelajar membina keyakinan untuk membuat keputusan. Penyediaan kempen promosi yang komprehensif serta pembentangan di akhir semester dapat membantu ke arah tujuan ini.

**Prasyarat: EPPM3024.**

### **Bacaan Asas**

- Belch, G. & Belch, M. 2012. *Advertising and promotion: an integrated marketing communications perspective*. Singapore: Mc-Graw-Hill.
- Clow, K.E. 2015, *Integrated Advertising, Promotion, and Marketing Communication*, 7<sup>th</sup> ed., Pearson.
- Tuten, T.L., Solomon, M.R. 2014, *Social Media Marketing*, 2<sup>nd</sup> ed., Sage Publication Ltd.
- Hackley, C., & Hackley, R.A. 2014, *Advertising and Promotion*, 3<sup>rd</sup> ed., Sage Publication Ltd.
- O'Guinn, T., Allen, C., & Semensik, R.J. 2011, *Advertising and Integrated Brand Promotion*, 6<sup>th</sup> ed., South-Western College Publication.

### **EPPM3353 Pemasaran dan Kepenggunaan dalam Islam**

Kursus ini memberi tumpuan terhadap isu-isu pemasaran berlandaskan hukum Islam dari dua sudut iaitu pengguna dan pengurusan pemasaran. Tujuan utama kursus ini adalah untuk melatih pelajar membuat keputusan pemasaran yang terbaik dengan mengambilkira hukum halal dan haram dalam Islam. Kursus ini akan meneliti aspek-aspek kepenggunaan dalam Islam selaras dengan pembangunan pemasaran dalam dunia globalisasi. Pelajar juga akan didedahkan mengenai isu-isu semasa tentang kepenggunaan dalam Islam yang memberikan kesan langsung dan tidak langsung kepada pembuatan keputusan pemasaran. Kursus ini juga akan menggalakkan pelajar untuk mengintegrasikan strategi pemasaran konvensional dan strategi pemasaran yang berlandaskan hukum Islam.

### **Bacaan Asas**

- Alserhan, B.A. 2011. *The principles of Islamic marketing*. Gower.
- Fischer, J. 2011. *The halal frontier: Muslim consumers in a globalized market*. Palgrave Mcmillan.
- Hermawan Kertajaya & Muhamad Syakir Sula. 2006. *Syariah marketing*. Bandung: Mizan Mark Plus & Co.
- Kalthom Abdullah 2007. *Marketing mix from an Islamic perspective: a guide for marketing courses*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Temporal, P. 2011. *Islamic Branding and marketing: creating a global is law business*. Wiley Trading.

### **EPPM3373 Pemasaran Perkhidmatan**

Kursus ini membincangkan cabaran-cabaran unik mengurus dan menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Ianya menekankan kepada pembentukan perhubungan pelanggan yang kukuh melalui perkhidmatan berkualiti tinggi yang boleh diaplikasikan kepada organisasi yang mana produk terasnya adalah perkhidmatan. Kursus ini menyetengahkan ilmu serta kemahiran kritikal yang diperlukan untuk melaksanakan perkhidmatan berkualiti, berinovasi dan strategi perkhidmatan untuk kelebihan berdayasaing. Penekanan juga diberi kepada rangkakerja pengurusan perkhidmatan berteraskan pelanggan yang memfokus kepada peningkatan kepuasan dan kesetiaan pelanggan.

**Prasyarat: EPPM3024.**

### **Bacaan Asas**

- Bateson, J.E.G and Hoffman K.D. 2010. *Services marketing*. 4<sup>th</sup> Ed. Cengage Learning.
- Hoffman, K.D. & Bateson, J.E.G. 2006. *Services marketing: concepts, strategies and cases*. 3<sup>rd</sup>. Ed. USA: South-Western Publishing.
- Jain, S. 2004. *Marketing: planning & strategy*. Singapore: Thomson Learning.
- Lovelock, C., Wirtz, J. & Chew, P. 2009. *Essential of services marketing*. USA: Prentice-Hall.
- Lovelock, C.H. and Wirtz, J. (2014), *Services Marketing: People, Technology, Strategy*, 7<sup>th</sup> ed, Prentice Hall.
- Wirtz, J. and Chew, P. (2012), *Essentials of Service Marketing*, 2<sup>th</sup> ed, Pearson Education.
- Zeithaml, Valarie A., and Bitner, Mary J. (2013), *Services Marketing*, 6<sup>th</sup> ed, McGraw Hill Education.

### **EPPM3383 Inovasi Produk dan Penjenamaan**

Kursus ini memperkenalkan beberapa struktur asas dalam usaha memahami dunia pengurusan inovasi produk dan penjenamaan dalam kitaran perancangan inovasi produk. Penekanan utama diberikan dalam isu-isu inovasi produk dan penjenamaan yang berkaitan dengan isu-isu pengurusan pemasaran dan aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan inovasi produk dan penjenamaan seperti perancangan, penilaian dan pelancaran produk baru. Pelajar juga akan diberi kefahaman mengenai tatacara dalam menghasilkan perletakan penjenamaan yang selari dengan produk baru yang telah dibangunkan.

***Prasyarat: EPPM3024.***

### **Bacaan Asas**

- Crawford, M. & DiBenedetto, A. 2005. *New products management*. 8<sup>th</sup> Ed. USA: McGraw-Hill International Edition.
- Keller, K. L. 2007. *Strategic brand management*. 3<sup>rd</sup> Ed. USA: Prentice-Hall.
- Trott, P. 2008. *Innovation management and new product development*. 2<sup>nd</sup> Ed. England: Pearson Education. Limited : England.
- Roll, M. (2015), *Asian Brand Strategy: Building and Sustaining Strong Brands in Asia*, 2<sup>nd</sup> ed, Palgrave Macmilan.
- Rosenbaum-Elliott, R. and Percy, L. (2011), *Strategic Brand Management*, 2<sup>nd</sup> ed, Oxford University Press.
- Osterwalder, A. (2014), *Value Proposition Design: How to Create Products and Services Customers want*, Wiley.



### **EPPM3414 Pengurusan Silang Budaya**

Tumpuan kursus ini ialah memberi tawaran kepada pelajar untuk memahami hubungan dari pelbagai perspektif dalam konsep pengurusan. Kursus ini menerangkan konsep pengurusan silang budaya, kesan perbezaan budaya ke atas gelagat, nilai dan pembuatan keputusan dalam organisasi. Kajian kes akan menumpukan kepada isu yang melibatkan Syarikat Multinational. Tumpuan utama kursus ini adalah untuk membincangkan konflik pengurusan yang timbul disebabkan oleh perbezaan budaya dan memperkenalkan kaedah yang sesuai untuk menangani konflik tersebut. Kursus ini turut mendalami isu berkaitan pelaksanaan strategi, struktur dan sistem dengan mengambil kira faktor kepelbagaian budaya dalam organisasi berbeza dengan pasaran semasa dan keadaan ekonomi yang amat dipengaruhi oleh globalisasi.

**Prasyarat: EPPM2033.**

#### **Bacaan Asas**

Christopher, E. 2012. *International management: exploration across cultures*. International KoganPage USA.

Deresky H. 2014. *International management : managing across borders and cultures*. 8<sup>th</sup> Ed. Pearson.

Luthans, Fred, P. Doh. Jonathan. 2012. *International management : culture, strategy and behavior*. 8<sup>th</sup> Ed. McGraw Hill.

McFarlin, D., Sweeney, P. 2010. *International management: strategic opportunities and cultural challenges*. 4<sup>th</sup> Ed. Routledge Taylor & Francis Group.

Moran, R. T., Harris, P. R., Moran, S. 2010. *Managing cultural differences: global leadership strategies for cross-cultural business success*. 8<sup>th</sup> Ed. Routledge Taylor & Francis Group.

Browaeyns M. J., Price R., 2011. *Understanding Cross-Cultural Management*. 2<sup>nd</sup> Edition, Prentice Hall.

### **EPPM3423 Pemasaran Antarabangsa**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan terhadap pemasaran antarabangsa. Teori, konsep-konsep dan isu-isu pemasaran antarabangsa akan dibincangkan. Pendekatan yang berorientasikan pembuatan keputusan akan ditekankan semasa perbincangan konsep dan strategi pemasaran. Tajuk-tajuk utama termasuk persekitaran pemasaran antarabangsa, penilaian peluang pemasaran di pasaran global dan pembentukan serta pengurusan aktiviti-aktiviti campuran pemasaran di peringkat antarabangsa. Pembelajaran kursus ini memberi penekanan kepada analisis pasaran secara kritikal untuk mengenalpasti peluang pemasaran antarabangsa dan membentuk strategi pemasaran antarabangsa.

**Prasyarat: EPPM3024.**

### **Bacaan Asas**

- Cateora, P. R. & Graham, J. L. 2005. *International marketing*. 12<sup>th</sup> Ed. New York: McGraw-Hill.
- Czinkota, Micheal R. and Ronkainen, Ilkka A. 2004. *International marketing*. 7<sup>th</sup> Ed. USA-Thomson.
- Keegan, W.J. & Green, M. C. 2014. *Global marketing*. 5<sup>th</sup> Ed. New Jersey: Prentice-Hall.
- Massaki, K. & Kristian, H. 2011. *Global marketing management*. 5<sup>th</sup> Ed. USA: Wiley.
- Gillespie, K and Hennessey, H.D. (2015), *Global Marketing*, 4th ed, Routledge.

### **EPPM3523 Insurans Hayat Dan Kesihatan**

Kursus ini bertujuan memberikan kefahaman terperinci kepada pelajar mengenai prinsip dan operasi insurans hayat dan takaful keluarga. Kepentingan dan perancangan insurans hayat dan takaful keluarga dari aspek ekonomi dan sosial akan juga ditekankan. Pendedahan akan juga diberikan kepada aspek aktuarial, pengunderaitan serta undang-undang berkaitan insurans hayat dan takaful keluarga. Isu-isu terkini berkaitan dengan insurans hayat dan takaful keluarga akan dibincangkan dari masa ke semasa.

**Prasyarat: EPPM2514**

### **Bacaan Asas**

- Black, Jr. K. & Skipper, H.D. & Black, III K. 2015. *Life Insurance*. 15<sup>th</sup> Ed. Lucretian, LLC, USA.
- Redja, G.E. & McNamara, M.J. 2014. *Principles of risk management & insurance*. 12<sup>th</sup> Ed. Pearson Education Limited. Global Edition.
- Binder S. & Ngai J. L. 2012. *Life Insurance in Asia: Sustaining Growth in the Next Decade*. John Wiley & Sons.
- Frenz, T. & Soualhi, Y. 2010. *Takaful and Retakaful: Advanced Principles and Practices*. IBFIM. Kuala Lumpur.
- Mohd Ma'Sum Billah. 2013. *Islamic Life Insurance*. Sweet and Maxwell.

### **EPPM3533 Operasi Syarikat Insurans dan Takaful**

Kursus ini bertujuan memberikan fahaman terperinci kepada pelajar mengenai fungsi dan operasi syarikat insurans dan pengendali takaful. Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan mengenai fungsi-fungsi yang terdapat dalam pengoperasian sesuatu syarikat insurans dan pengendali takaful merangkumi perniagaan insurans hayat dan am, dan takaful keluarga dan am. Penekanan diberikan kepada sistem pemasaran dan pengagihan produk, proses pengunderaitan, program reinsurans, proses pengkadaran, proses tuntutan, pelaburan dan lain-lain fungsi yang berkaitan.

**Prasyarat: EPPM 2514**

### **Bacaan Asas**

- Frenz, T. & Soualhi, Y. 2010. *Takaful & retakaful : advanced principles and practices*. 2<sup>nd</sup> Ed. IBFIM. Kuala Lumpur
- Hendon Redzuan, Rubayah Yakob & Mohamad Abdul Hamid. 2006. *Prinsip pengurusan risiko dan insurans*. Pearson Rentice-Hall. Kuala Lumpur.
- Orsina, M.A. & Stone, G. 2004. *Insurance company operations*. 2<sup>nd</sup> Ed. USA: LOMA.
- Webb, L. B, Launie, J.J, Rokes, W. P. & Baglini, N.A. 2000. *Insurance operations*. Volume I & II. American Institute for Chartered Property Casualty Underwriters, USA.
- Zuriah Abdul Rahman & Hendon Redzuan. 2009. *Takaful: the 21st Century Insurance Innovation*. McGraw-Hill. Kuala Lumpur.

### **EPPM3613 Pasaran dan Institusi Kewangan**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman menyeluruh tentang teori dan praktis pasaran dan institusi kewangan. Topik yang dipelajari merangkumi pasaran kewangan iaitu pasaran wang, pasaran modal, pasaran tukaran wang asing dan pasaran derivatif; dan institusi kewangan.

**Prasyarat: EPPM2114**

### **Bacaan Asas**

- Bank Negara Malaysia. 1999. *Bank pusat dan sistem kewangan Malaysia*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Shahida Shahimi, Hafizi Ab Majid & Aisyah Hj Abdul Rahman. 2012. *Pasaran wang dan modal: perspektif Malaysia*. Bangi: Ekonis UKM & FEP UKM.
- Madura, J. 2010. *Financial institutions and markets*. 9<sup>th</sup> Ed. China: Southwestern Cengage Learning.
- Mishkin, F.S & Eakins, S.G. 2014. *Financial markets & institutions*. 8<sup>th</sup> Ed. New York: Prentice Hall.
- Rose, P.S. & Marquis, M.H. 2009. *Money and capital markets: financial institutions and instruments in a global marketplace*. 10<sup>th</sup> Ed. New York: McGraw-Hill/ Irwin.

### **EPPM3644 Kewangan Korporat dan Penstrukturan**

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengaplikasikan teknik menganalisis dan penerapan model kewangan bagi membuat keputusan secara berkesan. Di antara keputusan kewangan korporat yang penting termasuklah perancangan dan pembiayaan pelaburan jangka panjang, dasar dividen, penstrukturan, penggabungan dan pengambilalihan. Matlamat utama kursus ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada kemahiran dalam mengenalpasti masalah/isu kewangan, menjana alternatif dan membuat keputusan.

**Prasyarat: EPPM 2114**

**Bacaan Asas**

- Brealey, R.A. & Myers, S.C. & Allen, F. 2011 *Principles of corporate finance*. 10<sup>th</sup> Ed. New York: McGraw-Hill Inc.
- Brigham, E.F., Houston, J.F., Chiang, K, Lee, M. & Bany Ariffin. 2010 (adaptation). *Essentials of financial management*. 2<sup>nd</sup> Ed. Singapore: Cengage Learning.
- Faudziah Zainal Abidin, Faizah Ismail & Nazruddin Zainuddin. 2000.(terj.) Prinsip pengurusan kewangan. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Gitman, L.J. & Zutter, C.J. 2011. *Principles of managerial finance*. 13<sup>th</sup> Ed. Boston: Pearson Addison Wesley.
- Jordan, B.D., Westerfield, R.W. & Ross, S.A. 2011. *Corporate finance essentials*. 7<sup>th</sup> Ed. New York: McGraw-Hill/Irwin.
- Bruner, R.F., Eades, K. M. & Schill, M.J. 2014. *Case studies in finance: Managing for corporate value creation*. International Edition. New York: McGraw-Hill.

**EPPM3654 Pengurusan Pelaburan dan Portfolio**

Kursus ini bertujuan memberi kemahiran kepada pelajar membuat penilaian pelaburan, memilih sekuriti untuk pelaburan yang optimal, membuat dan memahami analisis teras dan teknikal, serta membentuk portfolio saham dan bon. Antara topik-topik penting dalam kursus ini termasuklah persekitaran pelaburan di Malaysia, yang merangkumi pelbagai alternatif pelaburan langsung dan tidak langsung serta struktur pasaran kewangannya, konsep dan prinsip pelaburan, cara dan prosedur penilaian sekuriti dan pengurusan portfolio dengan mengambil kira perspektif Islam. Kursus ini juga membincangkan beberapa teori-teori utama kewangan dan pelaburan.

**Prasyarat: EPPM 2114.**

**Bacaan Asas**

- Bodie, Z., Kane, A. & Marcus, A.J. 2016. *Essentials of investments*. 10<sup>th</sup> Ed. International Edition.
- Jones, C. P. 2013. *Investments*. 12<sup>th</sup> Ed. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc. International Edition.
- Reilly, F.K. & Brown, K.C. 2012. *Investment analysis and portfolio management*. 10<sup>th</sup> Ed. Cengage Learning.
- Hirt, G.A. & Block, S.B. 2012. *Fundamentals of Investment Management*. 10<sup>th</sup> Edition. McGraw-Hill/Irwin.
- Securities Commission. 2013. *Revised SAC Shariah Screening Criteria*. Diakses dari <http://www.sc.com.my/revised-screening-methodology>.

**EPPM4133 Pengurusan Rantaian Bekalan**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan Pengurusan Rantaian Bekalan (PRB) dan kepentingannya dalam sesebuah organisasi perniagaan. Di antara tajuk penting yang akan dibincangkan adalah peranan PRB dalam strategi operasi, evolusi PRB, faktor-faktor yang mempengaruhi PRB, pengurusan pembekal dan vendor, keperluan dalam menjayakan PRB, logistik, serta pengurusan gudang dan inventori.

**Prasyarat: EPPM3014**

### **Bacaan Asas**

- Chopra, Sunil & Peter Meindl. 2013. *Supply chain management: strategy, planning and operation*. 5<sup>th</sup> Ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Sinha and Kotzab. 2012. *Supply chain management, a management approach*. Mc-Graw Hill.
- Verma and Boyer. 2010. *Operations and supply chain management, world class theory and practice*. A Ed. South Western cengage Learning, International Edition.
- Langley, Coyle, Gibson, Novack, Bardy (2009). *Managing supply chains; A logistic approach*. 8th. Ed. South Western Cengage Learning.
- Burt, D.D, Dobler, D.W. & Starling, S. 2003. *World class supply management; the key to supply chain management with student CD (cases)*. 7th. Ed. Mc-Graw Hill.

### **EPPM4223 Latihan dan Pembangunan Pekerja**

Kursus ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan mengenai pelbagai konsep, prinsip, isu strategik dan taktikal yang berkaitan dengan latihan dan pembangunan pekerja. Ia juga bertujuan melatih pelajar memperoleh kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berhubung isu-isu latihan dan pembangunan pekerja dalam organisasi.

**Prasyarat: EPPM3033.**

### **Bacaan Asas**

- Jon M.Werner & Randy L. DeSimone, J.M (2012). *Human Resource Development* 6<sup>th</sup> Edition. Ohio: South-Western.
- Ronan Carbery and Christine Cross, (2015), *Human Resource Development*, Palgrave.
- Raymond A. Noe. (2013). *Employee Training and Development*.6<sup>th</sup> Edition. Ohio: McGraw Hill.
- Gibb. S. (2011). *Human Resource Development*. 3<sup>rd</sup> Edition, London: Palgrave. Raymond Andrew Noe (2016) *Employee Training & Development*, 7<sup>th</sup> ed., McGraw Hill

### **EPPM4243 Pengurusan Perhubungan Industri**

Kursus ini bertujuan meningkatkan fahaman dan pengetahuan pelajar mengenai pelbagai aspek pengurusan dan prosedur dalam bidang perhubungan perindustrian khususnya dalam konteks negara yang sedang membangunkan ekonomi berteknologi tinggi. Antara tajuk yang diliputi ialah pendekatan dalam pengurusan perhubungan industri, sejarah dan struktur kesatuan sekerja, perundingan kolektif, penglibatan dan penyertaan pekerja, proses perundingan dan tatacara kemushkilan dan disiplin.

**Prasyarat: EPPM3033.**

### **Bacaan Asas**

- Maimunah Aminuddin. 2005. *Malaysian industrial relation & employment law*.6<sup>th</sup> Ed. Kuala Lumpur:McGraw Hill.
- Salamon, M. 2000. *Industrial relations: theory and practice*. 4<sup>th</sup> Ed. London: Prentice Hall.

### **EPPM4253 Pengurusan Ganjaran Pekerja**

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan fahaman dan pengetahuan pelajar mengenai konsep dan isu-isu berkaitan perancangan dan pentadbiran ganjaran pekerja dalam organisasi. Tajuk-tajuk yang dibincangkan termasuk teori gaji, pentadbiran gaji, analisis pekerjaan, penilaian pekerjaan, struktur pekerjaan, struktur gaji, tinjauan gaji dan manfaat pekerjaan, dan perancangan gaji.

**Prasyarat: EPPM3033.**

#### **Bacaan Asas**

Martocchio, J.J. 2014. *Strategic compensation: A human resource management approach*. 8<sup>th</sup> Ed. USA: Prentice Hall.

Milkovich, G.T. & Newman, J.M. 2014. *Compensation*. 11<sup>th</sup> Ed. New York: McGraw-Hill.

David Kelly (2014), *The Book on Incentive Compensation Management*, Compensation Architect.

Henderson, R.I. (2009). *Compensation Management in A Knowledge-Based World*. New Jersey: Prentice-Hall.

### **EPPM4433 Kewangan Antarabangsa**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai isu-isu utama dalam pengurusan kewangan antarabangsa dan kaedah-kaedah bagi menangani isu-isu tersebut. Perbincangan merangkumi aspek persekitaran syarikat multinasional, penentuan kadar pertukaran mata wang asing, pendedahan dan cara mengurus pendedahan perubahan kadar tukaran mata wang asing, pengurusan modal kerja antarabangsa, pelaburan dan pembiayaan antarabangsa khususnya pelaburan langsung asing, pembelanjawan modal global dan pembiayaan perdagangan antarabangsa.

**Prasyarat: EPPM2114**

#### **Bacaan Asas**

Eiteman, D., Stonehill, A.I. & Moffet, M.H. 2016. *Multinational business finance*. 14<sup>th</sup> Ed. New York: Pearson.

Eun, C.S. & Resnick, B.G. 2014. *International finance*. 12<sup>th</sup> Ed. Singapore McGraw-Hill.

Fauzias Mat Noor. 2002. *Understanding international finance*. 2<sup>nd</sup> Ed. Kuala Lumpur: Prentice Hall.

Madura, J. 2015. *International financial management*. 12<sup>th</sup> Ed. Singapore Cengage Learning.

Shapiro, A.C. 2013. *Multinational financial management*. 10<sup>th</sup> Ed. New Jersey: John Wiley & Sons.

### **EPPM4543 Pengurusan Risiko Korporat**

Kursus ini memberi pendedahan mengenai aspek-aspek berkaitan risiko tulen, risiko enterpris dan proses pengurusan risiko. Penerangan terperinci diberikan mengenai langkah-langkah dalam proses pengurusan risiko termasuk pengenalanpastian risiko, penilaian risiko, pemilihan teknik bagi mengurus risiko, pelaksanaan dan pemantauan program pengurusan risiko. Perbincangan terperinci juga akan merangkumi pelbagai teknik kawalan risiko dan pembiayaan risiko bagi mengurus risiko secara sistematik dan berkesan. Kursus ini juga memperkenalkan konsep asas pengurusan risiko bersepadu (enterprise risk management).

**Prasyarat: EPPM 2514.**

#### **Bacaan Asas**

- Crouhy, M., Galai, D. & Mark, R. 2006. *The essentials of risk management*. New York:McGraw-Hill.
- Dickson, G.C.A., Cassidy, D., Gordon, A.W., & Wilkinson, S. 2001. *Risk management. Chartered Insurance Institute*. UK & Malaysia Insurance Institute.
- Frenkel, M., Hommel, U. & Rudolf, M. 2004. *Risk management*. 2<sup>nd</sup> Edition. New York: Springer Ltd.
- Vaughan, E.H.J. & Vaughan, T. 1996. *Risk management*. US:John Wiley & Son.

## Program Ijazah Sarjanamuda Keusahawanan dan Inovasi dengan Kepujian

Program ini merangkumi kerja-kerja kursus yang meliputi teori dan amalan dalam bidang keusahawanan dan inovasi. Untuk tujuan pengijazahan, calon-calon mesti lulus sekurang-kurangnya 120 unit kursus yang ditetapkan seperti berikut:

1. Kursus Wajib Universiti (CW) : 10 kredit
2. Kursus Citra Universiti (C1-C6) : 30 kredit
3. Kursus Wajib Fakulti (WF) : 28 kredit
4. Kursus Wajib Pengkhususan (WP) : 66 kredit
5. Kursus Elektif (PB) : 6 kredit

### Kursus Teras Fakulti (WF) - 28 unit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPD1013	Mikroekonomi I	3
2	EPPD1023	Makroekonomi I	3
3	EPPD1033	Prinsip Perakaunan	3
4	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
5	EPPD1053	Pengantar Pengurusan	3
6	EPPD1063	Aplikasi Komputer	3
7	EPPD2023	Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan	3
8	EPPD2033	Perniagaan Mengikuti Perspektif Islam	3
9	LMCE1012/ LMCE1022	Academic Communication I/ Academic Communication II	2
10	LMCE2012/ LMCE2022	Workplace Communication I/ Workplace Communication II	2

### Kursus Teras Program (WP) - 66 unit

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPA2813	Perakaunan untuk Pengurusan	3
2	EPPK2013	Kewangan Keusahawanan	3
3	EPPK2023	Undang-Undang Keusahawanan	3
4	EPPK2033	Citra Wirausaha	3



5	EPPM2033	Perniagaan Antarabangsa	3
6	EPPK2044	Etika dan Kepimpinan dalam Keusahawanan	4
7	EPPK2123	Pengurusan Rantaian Bekalan dan Nilai	3
8	EPPM2073	Pengantar Pemasaran	3
9	EPPK2213	Persekitaran Ekonomi Untuk Perniagaan (ei-XL1)	3
10	EPPK3034	Aplikasi Kreatif Rekabentuk	4
11	EPPK3054	Pengurusan Projek Bersepadu	4
12	EPPK3064	Jaringan dan Rundingan Dalam Perniagaan	4
13	EPPK3114	Penyelidikan Perniagaan Kecil dan Sederhana	4
14	EPPK3123	e-Dagang	3
15	EPPK3133	Pengurusan Inovasi Strategik	3
16	EPPK3223	Meninjau dan Penerokaan Peluang Perniagaan (ei-XL2)	3
17	EPPK3234	Merancang dan Memulakan Perniagaan (ei-XL3)	4
18	EPPK3313	Keusahawanan Komuniti	3
19	EPPM3383	Inovasi Produk dan Penjenamaan	3
20	EPPM3713	Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan	3
Jumlah			<b>66</b>

### Kursus Elektif (PB) – 6 unit

Sebanyak dua (2) kursus boleh diambil daripada senarai berikut:

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Unit
1	EPPM4313	Pemasaran Internet	3
2	EPPM3393	Pemasaran Perhubungan Pelanggan	3
3	EPPM3213	Pengurusan Sumber Manusia	3
4	EPPK3033	Seni untuk Keusahawanan dan Inovasi	3
5	ZZZXXXX	Bahasa Asing (Kursus PPU)	3
Jumlah			<b>6</b>

## **SINOPSIS KURSUS TERAS PROGRAM (WP) PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN**

### **EPPA2813 Perakaunan untuk Pengurusan**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar-pelajar tentang elemen-elemen dan isu-isu perakaunan kos dan perakaunan pengurusan. Dengan itu, bakal-bakal usahawan ini bukan sahaja boleh memahami malahan juga boleh menerapkan pengetahuan yang berkaitan perakaunan dalam kerja mereka kelak.

#### **Bacaan Asas**

- Barfield, T.B, Raiborn, C.A. dan Kinney, M.R.. 2002. *Cost accounting traditions and innovations*. 5<sup>th</sup> Ed. South Western College.
- Garrison, R. H, Noreen, E. W. & Brewer, P.C. 2008. *Managerial accounting*, 12<sup>th</sup> Ed. Irwin.
- Horngren, C.T., Foster, G. and Datar, M.D. 2006. *Cost accounting: a managerial emphasis*. 12<sup>th</sup> Ed. Prentice Hall.
- Hilton, R.W. 2005. *Managerial accounting*. 6<sup>th</sup> Ed. McGraw Hill
- Hansen, H.R. & Mowen, M.M. 2006. *Cost management: accounting and control*. 5<sup>th</sup> Ed. South Western College.

### **EPPK2013 Kewangan Keusahawanan**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar mengenai prinsip-prinsip dan aplikasi kewangan keusahawanan yang diperlukan bagi permulaan perniagaan. Topik-topik termasuk persekitaran dan peluang perniagaan, sumber-sumber pembiayaan, belanjawan modal, struktur modal, modal kerja, risiko kewangan keusahawanan, penyata kewangan dan rancangan kewangan perniagaan.

**Prasyarat: EPPD1033 dan EPPD1043 atau EPPD2023.**

#### **Bacaan Asas**

- Adelman, P.J & Marks, A. M. 2004. *Entrepreneurial finance, finance for small business*. 3<sup>rd</sup> Ed. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Brigham, E.F. & Houston, J. 2004. *Fundamentals of financial management*. 10<sup>th</sup> Ed.
- Cornwall, J. R., Vang, D.O & Hartman, J.M. 2009. *Entrepreneurial financial management, an applied approach*. 2<sup>nd</sup> Ed. M.E. Sharpe. Edition: The Dryden Press.
- Gitman, L. J. & Madura, J. 2007. *Introduction to finance*. Boston: Addison Wesley Longman.
- Smith, J. K. & Smith, R. L. 2004. *Entrepreneurial finance*. 2<sup>nd</sup> Ed. New Jersey: John Wiley Publishing.

### **EPPK2023 Undang-undang Keusahawanan**

Matlamat kursus adalah memberi pemahaman kepada pelajar berhubung aspek perundangan berkaitan dengan aktiviti perniagaan. Topik-topik yang dibincangkan dalam kursus ini merangkumi aspek penting undang-undang seperti kepentingan undang-undang kepada usahawan, undang-undang kontrak sivil dan Islam, undang-undang berhubung pendaftaran dan penubuhan syarikat, undang-undang agensi, jenayah pecah amanah, muflis, harta intelek.

### **Bacaan Asas**

- Beatrix Vohrah & Wu Min Aun. 2002. *Undang-undang perdagangan Malaysia*. Ed. Kedua. Longman.
- Harlina Mohamed On, Ruzian Markom & Rozanah Ab Rahman. 2002. *Prinsip undang-undang perniagaan di Malaysia*. Edisi Ketiga. Kumpulan Usahawan Muslim.
- Lee Mei Pheng & Ivan Jeron Detta. 2009. *Business law*. Oxford University Press.
- Lee Mei Pheng. 2005. *General principles of Malaysian law*. Edisi Kelima. Fajar Bakti.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Azimon Abdul Aziz. *Mengenal undang-undang kontrak Malaysia*. 2003. International Law Book Services.

### **EPPK2044 Etika dan Kepimpinan dalam Keusahawanan**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar mengenai teori dan amalan serta isu-isu yang berkaitan dengan etika dan kepimpinan dalam organisasi secara amnya dan dalam keusahawanan secara khususnya. Ia juga bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar dalam proses penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan berhubung isu-isu dan masalah berkenaan etika dan kepimpinan dalam organisasi dan perniagaan. Antara topik utama yang dibincangkan ialah teori dan konsep etika, etika keusahawanan, teori dan gaya kepimpinan individu dalam organisasi serta kepimpinan dalam menguruskan perniagaan.

### **Bacaan Asas**

- Abdullah Hassan & Ainon Muhamad. 2005. *Bakat dan kemahiran memimpin*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Cuvico, Frank. J., Mujtabu, Bahaudin.G. 2008. *Business echics: the moral foundation for effective leadership*. Management, and entrepreneurship.
- Greenberg, Dunna/Mckone-sweet, Kate/Wilson, H. James. 2011. *The new entrepreneurial leader: developing leaders who shape social and economic oppurtunity*.
- Lawrence, Anne, Weber James. 2013. *Business and society*. 14<sup>th</sup> Ed.
- Spence, Laura et al. 2010. *Ethics in small and medium sized enterprises. The International Society of Business, Economics, and Ethics Book Series, Vol. 2*

### **EPPK2123 Pengurusan Rantaian Bekalan dan Nilai**

Kursus ini memperkenalkan teori dan amalan Pengurusan Rantaian Bekalan (PRB) dan kepentingannya dalam sesebuah perniagaan kecil dan sederhana. Topik utama yang akan dibincangkan termasuklah peranan PRB dalam strategi operasi, faktor-faktor yang mempengaruhi PRB, pengurusan pembekal dan vendor, keperluan dalam menjayakan PRB, logistik dan inventori. Kursus ini juga akan memberi pengetahuan tentang piawaian tempatan dan antarabangsa.

**Bacaan Asas**

- Burt, D.D, Dobler, D.W. & Starling, S. 2003. *World class supply management; the key to supply chain management with student CD (cases)*. 7<sup>th</sup> Ed. Mc-Graw Hill.
- Chopra, Sunil & Peter Meindl. 2015. *Supply chain management: strategy, planning and operation*. 5<sup>th</sup> Ed. New Jersey: Prentice Hall,
- Langley, Coyle, Gibson, Novack, Bardy. 2012. *Managing supply chains; a logistic approach*. 9<sup>th</sup> Ed. South Western Cengage Learning.
- Sinha and Kotzab .2012. *Supply chain management. a management approach*. McGraw Hill.
- Verma and Boyer. 2010. *Operations and supply chain management*. World Class Theory and Practice. Ed. South Western Cengage Learning, International Edition.

**EPPM2073 Pengantar Pemasaran**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal tentang dunia pemasaran. Kursus ini membolehkan para pelajar mengenali dan memahami konsep-konsep asas dan falsafah pemasaran, memberi kefahaman tentang persekitaran pemasaran dan kefahaman tentang kelakuan pengguna pasaran perniagaan dalam pemasaran. Pelajar juga didedahkan tentang bagaimana pihak pemarkar bertindak mensegmenkan pasaran, mensasarkannya dan memposisikan produk di kaca mata pengguna. Elemen-elemen campuran pemasaran iaitu keluaran, harga, saluran pengagihan dan promosi atau lebih dikenali sebagai 4P's serta strategi-strategi dan keputusan-keputusan yang perlu dilakukan oleh pihak pemarkar juga turut didedahkan. Di samping itu, pelajar juga akan didedahkan kepada pemasaran global dan kepentingannya.

**Bacaan Asas**

- Boone & Kurtz. 2013. *Principles of contemporary marketing*. 16<sup>th</sup> Ed. Thompson.
- Charles W. Lamb, Jr. Joseph F. Hair, Jr. and Carl McDaniel. 2000. *Marketing*. 5<sup>th</sup> Ed. South-Western College Pub. Thompson Learning.
- Kotler, P. and Armstrong, G. 2008. *Principles of marketing*. 12<sup>th</sup> Ed. Prentice-Hall.
- Kotler, P.et. al. 2012. *Principles of marketing: a global perspective*. Singapore: Prentice Hall.
- Norjaya M.Y., Ahmad Azmi, M.A. 2000. *Prinsip pemasaran*. Prentice-Hall (M) (Terjemahan dari buku "*Principles of Marketing*", 8<sup>th</sup> Ed. Prentice Hall, Phillip Kotler and Gary Armstrong).

**EPPK2213 Persekitaran Ekonomi untuk Perniagaan (EI-XL1)**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan asas dan kemahiran meninjau faktor-faktor luaran yang mempengaruhi perjalanan perniagaan seperti persekitaran serta dasar-dasar nasional yang berkaitan dengan keusahawanan. Pelajar diberi kemahiran untuk menghubungkan peluang perniagaan dengan faktor-faktor luaran tersebut. Pelajar mengenalpasti entiti perniagaan yang berpotensi dalam pelbagai industri.

### **Bacaan Asas**

- Business Monitor International. The Malaysia 2010. *Business forecast report : v-shape recovery ahead*.
- Bolton, B and Thompson, J. 2013. *Entrepreneurs: talent, temperament and opportunity*. 3<sup>rd</sup> Ed. Routledge.
- Kementerian Pembangunan Usahawan (2004). *Dasar masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera*.
- Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri. Rancangan Malaysia (setiap 5 tahun) & Laporan Ekonomi Malaysia (pelbagai tahun).
- World Bank. 2009. *Cost of doing business*. New York: World Bank.

### **EPPK3054 Pengurusan Projek Bersepadu**

Kursus ini memberi pengetahuan tentang teknik mengurus projek secara bersepadu. Ia memfokus kepada proses pengurusan projek, kos dan faedah projek dan pelbagai alat/teknik pengurusan projek. Antara topik yang dibincang termasuk kitaran hayat projek, perancangan kualiti, pemasaran dan kos serta alat/teknik pengurusan projek serta aplikasi komputer dalam mengawal dan mengawasi projek. Pelajar dikehendaki menyediakan dan membentang projek. Prasyarat: Ditawarkan untuk pelajar tahun akhir.

### **Bacaan Asas**

- Adelman, J.P., & Marks, M.A. 2007. *Entrepreneurial finance*. 4<sup>th</sup> Ed. New Jersey: Pearson Prentice Hall
- Cornwall, J.R.; Vang, David O.; Jean M. Hartman. 2009. *Entrepreneurial financial management: an applied approach*. 2<sup>nd</sup> Ed. Sharpe, M.e., Inc.
- Gido, J. & James P. C. 2006. *Successful project management*. 3<sup>rd</sup> Ed. International Thompson Publishing.
- Bahan rujukan tambahan dari pusat/ online resources (students will be given the appropriate URLs during class and these will be listed in SPIN).
- SOFTWARE: Microsoft Project (versi terbaru).

### **EPPK3114 Penyelidikan Perniagaan Kecil dan Sederhana**

Kursus ini memberi pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar untuk menjalankan penyelidikan perniagaan kecil dan sederhana. Pengendalian kursus ini dimulakan dengan membincangkan tentang kepentingan penyelidikan dalam mengendalikan perniagaan. Kemudiannya ianya dikuti dengan tajuk-tajuk berikut: Permasalahan, penentuan objektif dan kerangka teori dalam penyelidikan saintifik; Penyelidikan penerokaan dan analisis kualitatif; Skala pengukuran yang bersesuaian untuk pembolehubah; Kaedah Mengutip data sekunder dan primal; Kaedah-kaedah pensampelan; Memproses Data,: Membuat laporan Penyelidikan dan akhirnya pelajar di beri pengalaman untuk mempersembahkan hasil kajian penyelidikan mereka.

**Prasyarat: EPPD2023.**

### **Bacaan Asas**

- Graziano, AM & Raulin. ML 2007. *Research methods: a process of inquiry*. 6<sup>th</sup> Ed. Pearson Allyn & Bacon, Boston, Massachusetts.
- Kerlinger, FN & Lee, HB 2000. *Foundations of behavioral research*. 4<sup>th</sup> Ed. Harcourt College, Fort Worth, Texas.
- Neuman, WL 2006. *Social research methods: qualitative and quantitative approaches*. 6<sup>th</sup> Ed. Pearson/Allyn & Bacon, Boston, Massachusetts.
- Sekaran, U., and Bougie, R.. 2010. *Research methods for business: a skill-building approach*. 5<sup>th</sup> Ed. John Wiley and Sons, Inc.
- Zikmund, W. G., Babin, B.J., Carr, J.C., and Griffin, M. 2010. *Business research methods*. 8<sup>th</sup> Ed. South Western Cengage Learning.

### **EPPK3133 Pengurusan Inovasi Strategik**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada pelajar tentang pengurusan inovasi secara berstrategik. Ia merangkumi tajuk-tajuk utama seperti konsep dan prinsip asas inovasi, perancangan dan pemilihan projek berinovasi dan berdayasaing, kolaborasi strategik, perlindungan hasil inovasi, proses pengkomersilan serta pembangunan organisasi yang inovatif.

***Prasyarat: Ditawarkan untuk pelajar tahun akhir.***

### **Bacaan Asas**

- David, Fred R. 2010. *Strategic management: concept & cases*. 13<sup>th</sup> Ed. New York: Prentice Hall.
- Tidd, J & Bessant, J. 2009. *Managing innovation: integrating technological, market and organizational change*. 4<sup>th</sup> Ed. West Sussex: John Wiley and Sons.
- Wheelan, Thomas J & Hunger, David J. 2012. *Concepts in Strategic Management and Business Policy*. 13<sup>th</sup> Ed. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Web Chapter A Strategic Issues in Managing Technology and Innovation
- Web Chapter B Strategic Issues in Entrepreneurial Ventures and Small Business

### **EPPK3223 Meninjau dan Penerokaan Peluang Perniagaan (EI-XL2)**

Kursus ini merupakan pelengkap kepada ei-XL1. Ia memberi ruang kepada pelajar untuk mengaplikasikan ilmu tentang faktor-faktor luaran ke dalam peluang perniagaan. Aplikasi ini dilakukan dari sudut dalaman seperti kewangan, pemasaran, pengeluaran dan pengurusan sumber manusia. Dalam kursus ini, pelajar berinteraksi dengan mentor di entiti perniagaan yang telah dikenalpasti di peringkat ei-XL1 .

### **Bacaan Asas**

Aguilar, J.A. 1967. *Scanning the business environment*. MacMillan

Baron, B.P. 2009. *Business and its environment*. Prentice Hall.

Jennings, M.M. 2009. *Business: its legal, ethical and global environment*. 8<sup>th</sup> Ed. South-Western College.

Osterwalder, A. 2010. *Business model generation: a handbook for visionaries, game changers and challengers*. John Wiley.

Salmon, R. 1999. *Competitive intelligence: scanning the global environment*. Economica.

Vernon, M. 2002. *Business: the key concepts*. Routledge.

### **EPPK3234 Merancang dan Memulakan Perniagaan (Ei-XL3)**

Kursus ini bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar mensintesis teori dan amalan perniagaan yang telah dikenalpasti di dalam ei-XL2. Pelajar berpeluang membuat lawatan ke luar negara untuk menimba pengalaman perniagaan dalam budaya yang berbeza. Pelajar juga dibimbing untuk membina rancangan perniagaan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman tentang persekitaran ekonomi dan penerokaan peluang perniagaan.

### **Bacaan Asas**

Bangs, D. H. Jr. 2005. *Business plans*. 3<sup>rd</sup> Ed. Entrepreneur Press.

Ryan, T. and Hiduke, H. 2006. *Small business, an entrepreneur's business plan*. 7<sup>th</sup> Ed. Boston: South-Western Publishing.

David, T. 2003. *Building a business plan*. 2<sup>nd</sup> Ed. New Jersey: McGraw-Hill.

Longenecker, M. and Petty, 2003. *Small business management – an entrepreneurial approach*. 12<sup>th</sup> Ed. Ohio: Thomson Learning.

Rogoff, E.G. 2003. *Bankable business plan*. Ohio: South-Western Publishing.

Stroh, P.J. 2014. *Business strategy: plan, execute, Win!*. John Wiley.

### **EPPM3713 Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan**

Kursus ini bertujuan untuk membantu pelajar memahami konsep dan teori asas berkenaan inovasi dan kreativiti dalam konteks perniagaan dan keusahawanan. Para pelajar didedahkan dengan praktis inovasi dan kreativiti melalui lawatan-lawatan industri supaya pelajar mempunyai jaringan minda yang rapat dengan realiti keusahawanan. Para pelajar juga diterapkan dengan budaya membaca kajian empirikan supaya pelajar memahami konsep, teori dan praktis inovasi dan kreativiti dalam perniagaan dan keusahawanan secara global. Selepas mengikuti kursus ini, para pelajar seharusnya mampu membincangkan faktor kejayaan/ kegagalan suatu perubahan yang dikatakan inovatif atau kreatif dalam perniagaan dan keusahawanan

### **Bacaan Asas**

- Ahmed, P.K. and Shepherd, C. D. 2010. *Innovation management: context, strategies, systems and processes*. Prentice Hall.
- Andriopoulos and Dawson. 2009. *Managing change, creativity and innovation*. Sage.
- Bessant, J. & Tidd, J. 2011. *Innovation and entrepreneurship*. John Wiley.
- Burkus, D. 2013. *The myths of creativity: the truth about how innovative companies and people generate great ideas*. Jossey-Bass.
- Trott, Paul. 2012. *Innovation management and new product development*. Prentice Hall.

### **EPPK2033 Citra Wirausaha**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan tentang nilai-nilai intrinsik usahawan, sikap prihatin dan kemahiran membina imej profesional. Antara topik yang diliputi termasuk kepentingan mempamerkan imej tanggapan pertama, komunikasi lisan dan bukan lisan, penciptaan kehadiran maya, etiket profesional, keprihatinan terhadap masyarakat dan alam sekitar serta kemahiran sosial. Setelah mengikuti kursus ini pelajar mengetahui dan mengamalkan citra seorang usahawan yang berjaya.

### **Bacaan Asas**

- Bixler, S. & Dugan, L. S. 2001. *5 steps to profesional presence. how to project confidence, competence and credibility at work*. Adams Media Corporation.
- Covey, Stephen R. 2004. *The 7 habits of highly effective people*. Simon & Schuster UK.
- Darling, D. 2003. *The networking survival guide: get the success you want by tapping into the people you know*. 1<sup>st</sup> Ed. McGraw-Hill.
- Mohd Ali Hashim. 2003. *Bisnes satu cabang jihad: pembudayaan bisnes untuk survival*. Utusan Publication.
- Peters, T. J. & Waterman, R.H. 2004. *In search of excellence: lessons from America's best run companies*. Harper Paper Backs.

### **EPPK3034 Aplikasi Kreatif Rekabentuk**

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran kreatif yang menggunakan platform ICT. Pelajar diperkenalkan kepada prinsip-prinsip rekabentuk dengan mengaplikasikan teknologi terkini. Pelajar diberikan kemahiran asas menggunakan ICT untuk membantu pelajar merekabentuk dan menambahbaik produk atau proses sedia ada.

### **Bacaan Asas**

- Bruce, M. & Bessant, J. 2002. *Design in business: strategic innovation through design*. DMI Publications.
- Kogen Learning Solutions. 2011. *CATIA V6 essentials*. Jone and Bartlett's Publishers.
- Lauer, D. A. & Pentak, S. 2008. *Design basics*. Cengage Learning.
- Lidwell, W. , Holden, K., Butler, J. 2010. *Universal principles of design: 125 ways to enhance usability, influence perception, increase appeal, make better design decisions, and teach through design*. 2<sup>nd</sup> Ed. Rockport Publishers.
- Williams, R. 2008. *The non-designer's design book*. Peachpit Press.



### **EPPK3064 Jaringan dan Rundingan dalam Perniagaan**

Kursus ini memberi pengetahuan tentang prinsip-prinsip asas dan amalan jaringan perniagaan dan rundingan dalam perniagaan. Pelajar akan diberi kemahiran dalam membina dan mengekalkan jaringan serta membuat rundingan yang berkesan.

#### **Bacaan Asas**

- Ahmad Rafli Che Omar & Suraiya Ishak (2016). *Modul Pembelajaran: Jaringan dan Rundingan Dalam Perniagaan*. Bangi: Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ford, D. Gadde L-E, Hakansson, H., & Snehota, I. (2011). *Managing Business Relationships*, 3<sup>rd</sup> Edition, United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.
- Hames, D.S. (2012). *Negotiation, Closing Deals, Settling Disputes and Making Team Decisions*, California: SAGE Publications, Inc.,.
- Korda, P. (2012). *The Five Golden Rules of Negotiation*, New York: Business Expert Press.
- Thompson, L.L. (2015). *The Mind and Heart of the Negotiator*, 6<sup>th</sup> Edition, Essex: Pearson Education Limited.

### **EPPK3123 E-Dagang**

Kursus ini menerapkan nilai inovatif dengan memperkenalkan prinsip asas dan mekanisme perniagaan internet. Pelajar diberi pengetahuan tentang konsep, strategi dan keperluan infrastruktur teknologi untuk menjalankan perdagangan elektronik. Pelajar juga dibimbing untuk membangunkan web serta memanfaatkan jaringan sosial atas talian untuk tujuan perniagaan.

#### **Bacaan Asas**

- Laudon, K.C., Traver, C.G., Syed Shah Alam, Shamsul Baharin Saihani & Akbar Ali Mohamed Noordin 2009. *Principles of e-commerce*. 1<sup>st</sup> Ed, Pearson: Malaysia
- Mohammad, R.A., Fisher, R.J., Jaworski, B.J., & Paddison, G.J. 2004. *Internet marketing: building advantage in a networked economy*. New York: McGraw-Hill.
- Reedy, J. & Schullo, S. 2004. *Electronic marketing: integrating electronic resources into the marketing process*. Ohio:South-Western
- Roberts, M.L. 2003. *Internet marketing: integrating online and offline strategies*. New York: McGraw-Hill.

### **EPPM2033 Perniagaan Antarabangsa**

Kursus ini memberi pengetahuan asas kepada pelajar mengenai faktor-faktor antarabangsa yang mempengaruhi operasi perniagaan. Di antara topik yang diliputi dalam kursus ini termasuk persekitaran politik dan undang-undang, ekonomi dan budaya yang mempengaruhi aktiviti-aktiviti organisasi.

### **Bacaan Asas**

- Ball, D.A., Geringer, J.M., Minor, S.M. & McNett, J.S. 2010. *International business: the challenge of global competition*. 12<sup>th</sup> Ed. McGraw-Hill-Irwin.
- Cavusgil, S.T., et al. 2008. *International business: strategy, management and the new realities*. Pearson Education, Prentice Hall.
- Czinkota, M. R., et al. 2009. *International business*. 9<sup>th</sup> Ed. Thompson, Southern Western.
- Daniels, et al. 2009. *International business: environment and operations*. 12<sup>th</sup> Ed. Prentice Hall.
- Wild J. J., Wild K. L. and Han J. C. Y. 2009. *International business: the challenges of globalization*. 5<sup>th</sup> Ed. Pearson Education, Prentice Hall.

### **EPPK3313 Keusahawanan Komuniti**

Kursus ini akan menerapkan pengetahuan, kemahiran dan memberikan pendedahan praktikal mengenai keusahawanan sosial dan komuniti. Dalam kursus ini para pelajar berpeluang memahami dan menghayati prinsip perniagaan sosial dan komuniti sebagai satu bidang baru yang berpotensi menjana pertumbuhan ekonomi negara menerusi pembangunan kelompok masyarakat terpinggir dan khusus, mengurangkan kemiskinan, memperbaiki taraf sosio-ekonomi dan kebajikan golongan terpinggir dan membawa perubahan sosial secara positif. Kursus ini juga menerapkan nilai keusahawanan yang mengutamakan kesejahteraan komuniti sebagai matlamat utama perniagaan, manakala keuntungan adalah sebagai alat mencapai kesejahteraan sosio-ekonomi.

### **Bacaan Asas**

- Donald F. Kuratko dan Richard M. Hodgets. 2009. 8<sup>th</sup> Ed. *Entrepreneurship theory, process, practice*. Thomson South-Western, Australia.
- Karin Berglund, Bengt Johannisson dan Birgitta Schwartz. 2014. *Societal entrepreneurship: positioning, penetrating, promoting*. Edwards Elgar Publishing, United Kingdom.
- Muhammad Yunus and W.Karl. 2008. *A world without poverty: social business and the future of capitalism*. Public Affairs.
- Philip H. Phan, Jill Kickul, Sopjhie Bacq dan Mattias Nordqvist. 2014. *Theory and empirical research in social entrepreneurship*. The Johns Hopkins University, United States of America.
- Suraiya Ishak, Ahmad Rafli Che Omar, Mohd Fauzi Mohd Jani, Amal Hayati Ishak, Abdullah Sanusi Othman, Hamdino Hamdan, Jumaat Abd. Moen dan Zaimah Darawi. 2013. *Perniagaan sosial di Malaysia*. Cengage-Learning, Kuala Lumpur.

### **EPPM3383 Inovasi Produk dan Penjenamaan**

Kursus ini memperkenalkan beberapa struktur asas dalam usaha memahami dunia pengurusan inovasi produk dan penjenamaan dalam kitaran perancangan inovasi produk. Penekanan utama diberikan dalam isu-isu inovasi produk dan penjenamaan yang berkaitan dengan isu-isu pengurusan pemasaran. Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan inovasi produk dan penjenamaan seperti perancangan, penilaian dan pelancaran produk baru. Pelajar juga akan diberi kefahaman mengenai tatacara dalam menghasilkan perletakan penjenamaan yang selari dengan produk baru yang telah dibangunkan.

**Prasyarat: EPPM3024.**

#### **Bacaan Asas**

- Baker, M. & Hart, S. 2003. *Product strategy and management*. USA: Prentice-Hall.
- Crawford, M. & Di Benedetto, A. 2005. *New products management*. 8<sup>th</sup> Ed. USA: McGraw Hill International Edition.
- Keller, K. L. 2007. *Strategic brand management*. 3<sup>rd</sup> Ed. USA: Prentice-Hall
- Lehmann R.D. & Winer, S.R. 2005. *Product management*. 4<sup>th</sup> Ed. USA: McGraw Hill International Edition
- Trott, P. 2008. *Innovation management and new product development*. 2<sup>nd</sup> Ed. England: Pearson Education Limited.

## **SINOPSIS KURSUS ELEKTIF (PB) PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN**

### **EPPK3033 Seni untuk Keusahawanan dan inovasi**

Kursus ini bertujuan untuk memberi ilmu, kefahaman dan kegunaan seni dalam memupukkan sifat keusahawanan dan inovatif. Antara tajuk yang diketengahkan adalah pengenalan kepada seni, reka-bentuk grafik dan ilustrasi, pengurusan acara, seni media dan fotografi, seni persembahan.

#### **Bacaan Asas**

- Bruce, M. & Bessant, J. 2002. *Design in business: strategic innovation through design*. DMI Publications.
- Freeman Patterson. 2004. *Photography and the Art of Seeing: A Visual Perception Workshop for Film and Digital Photography*. Key Porter Books.
- Lidwell, W. , Holden, K., Butler, J. 2010. *Universal principles of design: 125 ways to enhance usability, influence perception, increase appeal, make better design decisions, and teach through design*. 2<sup>nd</sup> Ed. Rockport Publishers.
- Lynne S. Gross, James C. Foust, Thomas D. Burrows. 2004. *Video production: disciplines and techniques*. McGraw-Hill
- Williams, R. 2008. *The non-designer's design book*. Peachpit Press.

### **EPPM3213 Pengurusan Sumber Manusia**

Kursus ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan mengenai pelbagai konsep, prinsip, isu strategik dan taktikal yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia. Ia juga bertujuan melatih pelajar memperoleh kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berhubung isu-isu pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Tajuk-tajuk yang diliputi termasuklah cabaran masa kini berkaitan pengurusan sumber manusia, analisis kerja, perancangan sumber manusia, pemilihan kakitangan, latihan, pembangunan kerjaya, penilaian prestasi, pentadbiran ganjaran, serta keselamatan dan kesihatan pekerja.

#### **Bacaan Asas**

- Maimunah Aminuddin. 2008. *Human resource management: principles and practices*. Selangor: Oxford University Press.
- Snell, S.A. & Bohlander, G. 2007. *Human resource management*. Canada: Thomson South-Western
- Schuler, R.S. & Jackson, S.E. 2006. *Human resource management*. USA: Thomson South-Western
- Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun. 2012. *Mengurus sumber manusia organisasi*. Selangor: Leeds Publications.
- Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun. 2008. *Prinsip pengurusan sumber manusia*. Selangor: Leeds Publications.

### **EPPM4313 Pemasaran Internet**

Kursus ini menerangkan kepelbagaian peranan program pemasaran atas talian yang menyeluruh bagi sesuatu organisasi. Pelajar akan dilatih secara khusus bagaimana internet dan teknologi digital diaplikasikan dalam strategi pemasaran yang melibatkan kajian pasaran, iklan, jualan, penjenamaan, dagangan barangan, pengurusan perhubungan pelanggan dan fungsi-fungsi gabungan pemasaran yang berkaitan.

#### **Bacaan Asas**

- Chaffey, Dave et. al. 2010. *Essentials of internet marketing*. 1<sup>st</sup> Ed. Kuala Lumpur: Pearson, Prentice Hall. 2004. *Marketing: Planning & Strategy*. Singapore: Thomson Learning
- Mohammad, R.A., Fisher, R.J., Jaworski, B.J., & Paddison, G.J. 2004. *Internet marketing: building advantage in a networked economy*. New York: McGraw-Hill.
- Reedy, J. & Schullo, S. 2004. *Electronic marketing: integrating electronic resources into the marketing process*. Ohio:South-Western.
- Roberts, M.L. 2003. *Internet marketing: integrating online and offline strategies*. McGraw-Hill: New York.

### **EPPM3393 Pemasaran Perhubungan Pelanggan**

Pemasaran Perhubungan Pelanggan merupakan salah satu anjakan paradigma di dalam strategi perniagaan yang menekankan hubungan perniagaan kolaboratif bagi mengekalkan kelebihan daya saing (competitive advantage) di pasaran. Pengaruh globalisasi, TQM, perubahan teknologi serta penekanan terhadap kepuasan pelanggan telah mengubah cara-cara bagi memajukan sesuatu perniagaan. Oleh yang demikian, salah satu daripada matlamat kursus ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada keperluan perhubungan pelanggan di dalam sektor perniagaan. Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada CPA (analisa portfolio pelanggan) dan CLV (Nilai jangka hayat pelanggan) agar syarikat dapat mengenali dan memahami pelanggan yang perlu diberi keutamaan. Kursus ini juga akan memberi kefahaman terhadap teori perhubungan pemasaran, kepentingan teknologi dan sumber manusia bagi membina hubungan bersama pelanggan dan juga pengeluar. Akhir sekali, pelajar akan didedahkan terhadap aktiviti yang perlu dilakukan oleh syarikat bagi mengekalkan pelanggan sediaada dan mendapatkan pelanggan yang baru bagi memastikan syarikat dapat beroperasi dengan jayanya.

#### **Bacaan Asas**

- Buttle, F. 2009. *Customer relationship management: concepts and technologies*. Routledge Taylor and Francis.
- Egan, J. 2008. *Relationship marketing; exploring relational strategies in marketing*. 3<sup>rd</sup> Ed. Prentice Hall
- Kumar, V. and Reinartzs, W.J. 2006. *Customer relationship management: a database approach*. Wiley.
- Peelan, E. 2005. *Customer relationship management*. Prentice Hall.
- Peppers, D. & Rogers, M. 2011. *Managing customer relationship: a strategic framework*. John Wiley & Sons.

**PERATURAN-PERATURAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
(PENGAJIAN SARJANA MUDA)**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
(PENGAJIAN SARJANAMUDA) BAGI IJAZAH SARJANAMUDA EKONOMI  
DENGAN KEPUJIAN, IJAZAH SARJANAMUDA PERAKAUNAN DENGAN  
KEPUJIAN DAN IJAZAH SARJANAMUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN DENGAN  
KEPUJIAN**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan 13 Akta Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjanamuda) 1990, Senat Universiti Kebangsaan Malaysia membuat peraturan seperti berikut;

**1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian**

- 1.1 Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjanamuda) 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb. Julai 1991.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelajar yang mula mengikuti sesuatu program yang mengurniakan suatu Ijazah selepas tarikh Peraturan ini mula berkuatkuasa.

**2. Syarat Penerimaan Masuk**

2.1 Keperluan Pelajaran Asas

2.1.1 Sijil Pelajaran Asas

- 2.1.1.1 Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya serta lulus dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu dan:

**Keperluan Khas Program**

- Kepujian sekurang-kurangnya dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Malaysia, Matematik dan Bahasa Inggeris di peringkat SPM dan
- Pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan; dan
- Lulus ujian/temu bual yang ditetapkan.

## 2.1.2 Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia

2.1.2.1 Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00 dan mendapat gred sekurang-kurangnya C bagi mata pelajaran Pengajian Am; dan gred C bagi dua (2) mata pelajaran lain;

atau:

## 2.1.3 Sijil Matrikulasi/ Asasi

2.1.3.1 Calon-calon mestilah lulus kursus Matrikulasi/Asasi dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00;

atau:

## 2.1.4 Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

2.1.4.1 Calon mestilah lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat pangkat sekurang-kurangnya Jayyid;

atau:

## 2.1.5. Diploma/Setaraf

2.1.5.1 Calon mestilah memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan-kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti;

atau:

2.1.5.2 Lulus peperiksaan STPM tahun sebelumnya dengan mendapat gred sekurang-kurangnya C bagi tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am;

atau:

2.1.5.3. Lulus Sijil Matrikulasi tahun sebelumnya dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00;

atau



## 2.1.6 Kelayakan lain

2.1.6.1 Calon-calun mestilah mempunyai kelayakan lain dan/atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat seperti yang tersenarai di dalam Buku Panduan Fakulti masing-masing.

dan:

## 2.1.7 Malaysian University English Test (MUET)

2.1.7.1 Calon-calun mestilah mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).

## 2.2 Syarat-syarat Masuk Yang Lain

Calon-calun mestilah juga:

2.2.1 dapat memuaskan Senat tentang kecekapan mereka bertutur dalam Bahasa Melayu

2.2.2 mengambil apa-apa ujian serta menghadiri temuduga seperti yang ditentukan oleh Senat untuk menilai kelayakan mereka mengikut kursus di Universiti;

2.2.3 menunjukkan lazimnya bahawa mereka berumur tujuh belas tahun atau lebih pada hari pertama tahun akademik yang mereka mohon masuk;

2.2.4 menunjukkan bukti dalam borang yang disediakan oleh Universiti bahawa mereka adalah cukup sihat dan berupaya untuk mengikut kursus pengajian di Universiti; dan

2.2.5 memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.

2.3 Penerimaan masuk calon ke Fakulti bergantung kepada budi bicara Senat.

2.4 Penerimaan masuk ke mana-mana Fakulti tidak semestinya bermakna bahawa seseorang calon dibenarkan memilih sendiri bidang pengkhususan dalam program pengajian tertentu di Fakulti itu walaupun ia mempunyai syarat-syarat khas yang ditetapkan dalam Bahagian ini. Pengagihan pelajar ke bidang pengkhususan ditetapkan mengikut budi bicara Lembaga Pemilih Fakulti. Walau bagaimanapun keutamaan masuk ke jurusan tertentu bergantung

kepada syarat-syarat Fakulti yang ditetapkan tertakluk kepada penyelarasan di peringkat Universiti.

### **3. Struktur Pengajian**

#### **3.1 Jumlah Kredit**

Pelajar dikehendaki mengikuti sekurang-kurangnya seratus dua puluh (120) kredit kursus-kursus yang ditetapkan bagi jangkamasa program minimum tiga (3) tahun atau sejumlah unit yang ditetapkan oleh Senat.

#### **3.2 Kursus**

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan seperti berikut:

##### **3.2.1 Kursus Universiti**

Pelajar dikehendaki mengikuti sejumlah:

3.2.1.1 12 kredit kursus Pusat Pengajian Umum seperti yang ditetapkan oleh Senat seperti berikut;

3.2.1.1.1 6 kredit kursus Penghayatan Falsafah Pendidikan berteraskan Nilai-nilai Mulia Sejarah (U1) seperti berikut:

- i. Tamadun Islam dan Asia (TITAS)
- ii. Hubungan Etnik

3.2.1.1.2 3 kredit kursus Kemahiran Berfikir, Berkomunikasi dan Berorganisasi seperti yang disenaraikan oleh PPU.

3.2.1.1.3 3 kredit kursus Keluasan Ilmu Pengetahuan (U3) seperti yang disenaraikan oleh PPU.

3.2.1.2 8 kredit kursus kokurikulum seperti yang ditetapkan oleh Senat.

##### **3.2.2 Kursus Fakulti**

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang terdiri daripada kursus wajib dan kursus pilihan yang jumlah kreditnya ditetapkan oleh Fakulti.

### **3.3 Tempoh Yang Dibenarkan**

- 3.3.1 Pelajar mesti mengikuti kursus ijazah Sarjanamuda selama tidak kurang daripada enam (6) semester dan tidak lebih daripada 10 semester dikira dari tarikh pendaftaran pertama untuk mendapatkan ijazah Sarjanamuda bagi program pengajian tiga tahun atau bilangan semester yang ditetapkan oleh Senat;
- 3.3.2 Pelajar yang dikecualikan daripada sebilangan kredit kursus semasa penerimaan masuk, tempoh minimum yang dikenakan untuk menyelesaikan kursus pengajian bagi ijazah bergantung kepada bilangan kredit yang dikecualikan.
- 3.3.3 Tempoh minimum dan maksimum yang dibenarkan bagi Program Sarjanamuda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian secara eksekutif adalah selama tidak kurang daripada 7 semester dan tidak lebih daripada 15 semester dan bagi Program Sarjanamuda Perakaunan dengan Kepujian secara eksekutif adalah selama tidak kurang daripada 8 semester dan tidak lebih daripada 18 semester.

### **3.4 Pendaftaran Kursus**

- 3.4.1 Pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang diambil pada setiap semester. Pendaftaran kursus-kursus tersebut hendaklah dilakukan mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan oleh Fakulti. Pendaftaran untuk semester ke-3 adalah pilihan;
- 3.4.2 Pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang daripada 12 kredit dan tidak lebih daripada 26 kredit pada tiap-tiap semester. Pendaftaran kurang daripada 12 kredit atau lebih daripada 26 kredit hanya dibenarkan dengan kelulusan khas daripada Dekan. Untuk semester ke-3 pelajar dikehendaki mendaftar tidak lebih daripada 9 kredit;
- 3.4.3 Pelajar yang mendapat PNGS  $\geq 3.00$  dan lulus semua kursus di peringkat 1000 akan dibenarkan mengambil beban maksimum sebanyak 26 kredit pada semester berikutnya. Pelajar yang memperolehi PNGS antara 2.26 hingga 2.99 dibenarkan mengambil beban maksimum sebanyak 20 kredit sahaja manakala pelajar yang memperolehi PNGS kurang daripada 2.26 dibenarkan mengambil beban maksimum 16 kredit. Kebenaran untuk mendaftar lebih kredit daripada yang dibenarkan mestilah mendapat kebenaran Dekan;

- 3.4.4 Penukaran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan hanya dalam tempoh 2 minggu pertama permulaan tiap-tiap semester. Untuk semester ke-3 pelajar tidak dibenarkan menukar atau menambah kursus setelah semester bermula;
- 3.4.5 Pengguguran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan dalam tempoh 4 minggu pertama permulaan tiap-tiap semester. Pengguguran selepas minggu ke-4 sehingga akhir minggu ke-8 akan diberikan gred TD. Kursus yang digugurkan ini tidak akan diambilkira dalam pengiraan Purata Nilai Gred. Untuk semester ke-3 pelajar dibenarkan menarik diri dari sesuatu kursus dan akan diberi gred TD.

#### 4. Struktur Penilaian

- 4.1 Pemberian gred bagi setiap semester adalah untuk kerja kursus, penilaian penilaian lain yang diadakan di sepanjang semester dan peperiksaan akhir semester.
- 4.2 Pemberian gred untuk sesuatu kursus yang ditawarkan oleh Fakulti selain daripada kursus-kursus tanpa peperiksaan akhir semester adalah dengan cara penilaian berasaskan kepada kerja kursus dan/atau peperiksaan pertengahan semester dengan wajaran 30% - 70% dan peperiksaan akhir semester dengan wajaran 70% - 30%.
- 4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	Cemerlang
A-	3.67	
B+	3.33	Kepujian
B	3.00	
B-	2.67	
C+	2.33	Lulus
C	2.00	
C-	1.67	
D+	1.33	
D	1.00	Gagal
E	0.00	

#### 4.4 Gred-gred berikut diberikan tanpa nilai gred:

L	Lulus
K	Kandas
TL	Tidak Lengkap
SM	Sedang Maju
U	Audit
TD	Tarik Diri
TP	Tangguh Peperiksaan

- 4.4.1 L iaitu gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan “lulus” sahaja.
- 4.4.2 K iaitu gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan “kandas” sahaja.
- 4.4.3 TL iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Fakulti kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugas tersebut selewat-lewatnya 2 minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred.
- 4.4.4 SM iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai tetapi kredit baginya hanya dikira untuk penentuan kredit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan ijazah. Kredit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah kredit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila simbol SM digantikan dengan gred.
- 4.4.5 U iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan simbol tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus itu.

- 4.4.6 TD iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri bagi sesuatu kursus dengan kebenaran pensyarah dan Dekan Fakulti selepas minggu ke-4 hingga minggu ke-8 sesuatu semester.
- 4.4.7 TP iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah perenggan 8.3.

## 5. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)

- 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) seperti pada perenggan 5.5 kecuali kursus-kursus yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 5.2 Kursus-kursus yang mendapat gred “E” (gagal) juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi semester berkenaan.
- 5.3 Pelajar dibenarkan mengulang kursus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu kursus-kursus yang mendapat gred C-, D+ , D dan E sahaja. Hanya gred bagi keputusan peperiksaan yang terakhir sahaja diambil kira di dalam PNGK sementara gred asal kursus berkenaan digururkan daripada pengiraan.
- 5.5 Kaedah Pengiraan PNGS dan PNGK

### 5.5.1 Purata Nilai Gred Semester (PNGS)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perenggan 5.1, 5.2 dan 5.3:

Rumus pengiraan PNGS adalah seperti berikut:

$$\text{PNGS} = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

Yang mana

$G_i$  = Nilai gred kursus ke-i

$U_i$  = Jam kredit kursus ke-i

$n$  = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

### Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
EPPD1013	A	4.00	3	12.00
EPPD1043	B+	3.33	3	9.99
EPPE2033	A-	3.67	3	11.01
EPPE3043	B	3.00	3	9.00
CMIE1012	D	1.00	2	2.00
<b>Jumlah Kecil</b>			<b>14</b>	<b>44.00</b>

$$\text{PNGS} = \frac{44.00}{14} = 3.14$$

#### 5.5.2 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit ) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perenggan 5.1, 5.2 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNGS.

Contoh:

**Semester 1**

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
EPPD1013	A	4.00	3	12.00
EPPD1043	B+	3.33	3	9.99
EPPE2033	A-	3.67	3	11.01
EPPE3043	B	3.00	3	9.00
CMIE1012	D	1.00	2	2.00
<b>Jumlah Kecil</b>			<b>14</b>	<b>44.00</b>

**Semester 2**

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
EPPE3033	A	4.00	3	12.00
EPPE2123	B	3.33	3	9.99
EPPE3243	C+	2.33	3	6.99
EPPE3213	A	4.00	3	12.00
ZZZT1052	D	1.00	2	2.00
<b>Jumlah Kecil</b>			<b>14</b>	<b>42.98</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>25</b>	<b>77.98</b>
			<b>PNGK =</b>	<b>3.12</b>

Semester	Jumlah Kredit	Jumlah Nilai
1	14	44.00
2	14	42.98
<b>JUMLAH</b>	<b><u>28</u></b>	<b><u>86.98</u></b>
	=	<b><u>3.11</u></b>



- 5.6 Fakulti dibenar memasukkan pemberat dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Fakulti masing-masing untuk tujuan pengurniaan ijazah tertakluk kepada kelulusan Senat.

## **6. Syarat-syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian**

### 6.1 Taraf Lulus:

- 6.1.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih ( $\geq 2.00$ )

### 6.2 Taraf Lulus Bersyarat:

- 6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan diberi amaran jika mendapat PNGK antara 1.00 dengan 1.99 ( $1.00 \leq \text{PNGK} < 2.00$ )
- 6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenarkan berada di dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut tidak termasuk semester pertama pengajiannya. Ini bermakna jika pelajar masih memperoleh PNGK kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat 6.2.1, calon dianggap gagal dan diberhentikan.

### 6.3 Taraf Gagal:

- 6.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 tidak termasuk semester pertama pengajiannya atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan pada perenggan 6.2 di atas.

- 6.4 Penilaian PNGK bagi syarat-syarat 6.1, 6.2 dan 6.3 di atas akan hanya berkuatkuasa mulai semester kedua pengajian seseorang calon. Ini bermakna semua calon dibenar meneruskan pengajian ke semester kedua pengajiannya tanpa mengira keputusan peperiksaan semester pertamanya.

### 6.5 Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah

- 6.5.1 Seseorang calon mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan Ijazah Sarjanamuda dengan Kepujian.

- 6.5.1.1 mencapai PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada perenggan 5.1, 5.2 dan 5.3 di atas;

6.5.1.2 mendapat sekurang-kurangnya 120 kredit kursus-kursus yang ditetapkan bagi program pengajian tiga tahun atau 160 kredit kursus-kursus yang ditetapkan bagi program pengajian 4 tahun atau sejumlah kredit lain yang ditetapkan termasuk jumlah unit kursus-kursus Universiti seperti pada perenggan 3.2.1.

## 6.5.2 Pengurniaan Ijazah

6.5.2.1 Pengurniaan ijazah adalah seperti berikut:

<b>PNGK</b>	<b>IJAZAH YANG DIKURNIAKAN</b>
3.67 – 4.00	Ijazah Sarjanamuda Dengan Kepujian (Cemerlang)
2.00 – 3.66	Ijazah Sarjanamuda Dengan Kepujian

6.5.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada calon yang telah:

- 6.5.2.2.1 memenuhi semua kehendak Akta Pengajian Sarjanamuda;
- 6.5.2.2.2 memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- 6.5.2.2.3 diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Lembaga Pemeriksa dan disahkn oleh Senat;
- 6.5.2.2.4 menjelaskan segala bayaran yang telah ditetapkan;

## 7. Peruntukan-peruntukan Lain

- 7.1 Seseorang pelajar tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan sesuatu kursus sekiranya Dekan telah memperakui bahawa pelajar berkenaan telah tidak mengikuti sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus tersebut seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 7.2 Pelajar yang telah dikenal pasti oleh Fakulti untuk diberi bimbingan tambahan adalah diwajibkan menghadiri sesi bimbingan yang diatur oleh Fakulti masing-masing dan kegagalan menghadirnya boleh menjejaskan peluang mereka untuk mengambil peperiksaan.

- 7.3 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar akan dicatat di dalam rekod akademiknya.

#### **7.4 Peperiksaan Ulangan Khas**

7.4.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah. Peperiksaan tersebut hanya boleh diambil sekali sahaja dan permohonannya hendaklah dibuat dalam masa empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.

7.4.2 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dengan disertakan bayaran yuran RM25.00. Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti, selepas berunding dengan Ketua Jabatan berkenaan, boleh mengaturkan peperiksaan tersebut.

### **8. Penggantungan Pendaftaran, Kebenaran Tidak Mendaftar dan Penangguhan Peperiksaan**

#### **8.1 Pertimbangan Untuk Penggantungan Pendaftaran**

8.1.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penggantungan pendaftaran untuk semester-semester tertentu oleh Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Dalam kes-kes seperti ini pengakuan daripada doktor yang terdiri daripada Doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel Universiti adalah diperlukan. Perakuan yang bukan daripada doktor kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu selepas pelajar berkenaan telah menjalani rawatan doktor berkenaan terlebih dahulu. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan doktor yang berkenaan.

8.1.2 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perenggan 8.1.1 boleh juga diberi penggantungan pendaftaran untuk sesuatu semester oleh Dekan Fakulti tertakluk kepada Dekan Fakulti berpuas hati bahawa masalahnya itu akan menjejaskan pembelajarannya pada semester berkenaan. Permohonan menggantung pendaftaran boleh dibuat sehingga minggu ke-10 sesuatu semester, Permohonan selepas minggu ke-10 tidak akan dipertimbangkan tetapi pelajar hendaklah memohon untuk menangguhkan peperiksaan .

- 8.1.3 Seseorang calon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar disebabkan sakit atau menghadapi masalah lain yang boleh menjejaskan pembelajarannya, dibenarkan menggantung pendaftaran sebagai pelajar dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan mengemukakan alasannya dalam tempoh 2 minggu dari tarikh kuliah bermula. Apabila diluluskan oleh Dekan Fakulti, calon dikehendaki membayar yuran pendaftaran yang ditetapkan untuk proses pendaftaran pelajar. Tempoh maksimum yang dibenarkan bagi penggantungan pendaftaran adalah 2 semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh tersebut tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.

## **8.2 Pertimbangan Untuk Tidak Mendaftar**

- 8.2.1 Pelajar yang telah mendapat pengesahan daripada doktor bahawa ia telah hamil melebihi 6 bulan pada waktu pendaftaran dinasihatkan tidak mendaftar pada semester tersebut.
- 8.2.2 Dekan Fakulti boleh membenarkan seseorang pelajar untuk tidak mendaftar pada sesuatu semester dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan dengan mengemukakan alasannya.

## **8.3 Pertimbangan Bagi Penangguhan Peperiksaan**

- 8.3.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan. Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan untuk sesuatu kursus berkenaan hendaklah dibuat dalam tempoh 48 jam selepas peperiksaan itu diadakan.
- 8.3.2 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan semester atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan pengesahan doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti pada perenggan 8.1.1 di atas. Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Dekan dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Peperiksaan gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes-kes tersebut.

## **8.4 Status Sebagai Seorang Pelajar Universiti**

- 8.4.1 Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan kebenaran tidak mendaftar akan hilang tarafnya sebagai pelajar Universiti dan dengan demikian beliau tidak berhak mendapat atau menggunakan

kemudahan-kemudahan Universiti yang diberikan kepada pelajar sehingga beliau mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

## **8.5 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Menggantung Pendaftaran/Tidak Mendaftar**

- 8.5.1 Tempoh yang terlibat dengan penggantungan pendaftaran/tidak mendaftar atas sebab-sebab kesihatan tidak diambilkira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.
- 8.5.2 Tempoh semester yang terlibat dengan penggantungan pendaftaran/tidak mendaftar atas sebab-sebab selain daripada kesihatan diambil kira (kecuali bagi tempoh dua semester yang pernah diambil dalam tempoh pengajian) sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah.
- 8.5.3 Tempoh penggantungan pendaftaran/tidak mendaftar tidak boleh melebihi dua semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menggantung pendaftaran ialah sebanyak 4 semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

## **9. Penyimpanan Kertas-kertas Jawapan peperiksaan dan Rayuan-rayuan Terhadap keputusan Peperiksaan.**

### **9.1 Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan**

- 9.1.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan Universiti hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan/ Ketua Program/Pengerusi Pusat Pengajian untuk disimpan.
- 9.1.2 Ketua Jabatan/Ketua Program/Pengerusi Pusat Pengajian hendaklah menyimpan dengan selamat skrip jawapan itu untuk tempoh selama sekurang-kurangnya tiga bulan selepas pemberitahuan mengenai keputusan peperiksaan berkenaan oleh Pendaftar.
- 9.1.3 Tertakluk kepada perenggan 9.1.4, semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh 3 bulan seperti yang tersebut dalam Peraturan-peraturan di atas.

- 9.1.4 Dalam kes-kes rayuan terhadap keputusan peperiksaan yang dibuat oleh seorang pelajar, skrip-skrip jawapan berkenaan tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas Fakulti telah mengesahkan keputusan penyemakan semula.

## **9.2 Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus**

- 9.2.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Pendaftar oleh pelajar yang berkenaan dalam masa 2 hingga 4 minggu kalendar selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberikan pertimbangan.
- 9.2.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta disemak semula.
- 9.2.3 Bayaran yuran sebanyak RM25.00 bagi tiap-tiap satu kursus yang diminta disemak semula hendaklah disertakan dengan rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
- 9.2.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti selepas berunding dengan Ketua Jabatan berkenaan boleh melantik suatu panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 9.2.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan/Ketua Program/Pengerusi Pusat Pengajian, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang berkenaan.
- 9.2.6 Perakuan-perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan Fakulti mengenai penilaian semula kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum disampaikan kepada pelajar berkenaan, sekiranya ada perubahan.
- 9.2.7 Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak boleh dilayan.

## **9.3 Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian**

- 9.3.1 Seseorang calon yang mendapat keputusan “Gagal dan diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.

- 9.3.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan dan setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran yuran RM25.00. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak boleh diberikan pertimbangan.
- 9.3.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Rayuan untuk mempertimbangkannya.
- 9.3.4 Jawatankuasa Rayuan hendaklah terdiri daripada Dekan sebagai Pengerusi, Timbalan Dekan yang berkaitan dengan Hal-ehwal Akademik Pelajar, Ketua Jabatan/Ketua Program yang berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli Fakulti yang berkaitan dengan pengajaran/pembalajaran bagi pelajar serta Pendaftar atau wakilnya sebagai Setiausaha.
- 9.3.5 Jawatankuasa Rayuan hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut:
  - 9.3.5.1 menerima atau menolak sesuatu rayuan;
  - 9.3.5.2 membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;
  - 9.3.5.3 memperakukan kepada Fakulti keputusan yang telah dicapai terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan yang tidak layak dipertimbangkan.
- 9.3.6 Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.
- 9.3.7 Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak boleh di layan.

## **10. Umum**

- 10.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa terhadap pelajar baru pada dan selepas tarikh berkuatkuasa.
- 10.2 Peraturan-peraturan sebelumnya hendaklah terus berkuatkuasa terhadap pelajar yang telah memulakan program pengajian mereka mengikut peraturan lama sebelum atau selepas tarikh berkuatkuasa dan sehingga semua mereka yang layak untuk mendapatkan ijazah telah mendapat ijazah.
- 10.3 Senat boleh membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Peraturan ini.

Diperbuat oleh Senat Universiti Kebangsaan Malaysia pada 13 Ogos 1990.



## Garis Panduan Pemindahan Kredit Secara Mendatar

*\*Untuk kegunaan pelajar UKM yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjanamuda sahaja.*

1. “Pemindahan kredit secara mendatar” bererti kursus yang dipindahkan bagi kursus setara;
  - a) antara 2 program yang berlainan di UKM atau;
  - b) salah satu daripada program adalah program diluar UKM;
  - c) apabila pelajar bertukar program/fakulti yang lain di UKM kecuali pelajar berstatus Gagal Berhenti (PGB);
  - d) apabila pelajar mengikuti pertukaran pelajar (program mobiliti) diluar negara.
2. Kursus yang diluluskan akan diberikan gred asal (rujuk syarat pemindahan secara mendatar dibawah) atau setara dengannya. Gred ini **dikira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)** dan ia diambil kira sebagai sebahagian dari Jumlah Kredit bagi tujuan pengijazahan;
3. Syarat pemindahan kredit secara mendatar adalah :
  - a) Hasil pembelajaran dan kandungan kursus yang setara dalam kedua-dua program mestilah mempunyai persamaan tidak kurang dari 80%;
  - b) Gred tidak kurang dari C atau penyetaraan berdasarkan kedudukan pencapaian pelajar dalam kursus yang diambil atau markah mutlak;
  - c) Tempoh sah laku kredit yang dipindahkan ialah 5 tahun;
  - d) Program tersebut mendapat akreditasi oleh MQA, badan profesional berautoriti / agensi Jaminan Kualiti di negara berkenaan dan telah diluluskan oleh Senat universiti tersebut.
  - e) Tiada had pindah kredit ditetapkan tetapi pelajar adalah tertakluk kepada tempoh bermastautin minimum setahun @ 2 semester tidak termasuk semester intersesi di UKM
4. Permohonan untuk pemindahan kredit secara mendatar (Borang UKM/PPPS/B/P03/AK07/1 (Semakan 7) yang boleh diperolehi melalui capaian di SMPweb pelajar. Borang ini perlu dikemukakan kepada **fakulti dan pusat** yang menawarkan kursus berkenaan untuk diluluskan pemindahan mengikut program yang diikuti.
5. Pelajar perlu melampirkan borang ini bersama transkrip atau keputusan peperiksaan berkenaan dan mengikuti langkah-langkah berikut:
  - a) Resit bayaran wang proses sebanyak RM100.00 atas nama Bendahari UKM (pelajar yang bertukar fakulti/program dalam Universiti dan pelajar UKM yang mengikuti pertukaran pelajar (program mobiliti) diluar negara **dikecualikan bayaran wang proses**);
  - b) Telah disahkan untuk semakan;
  - c) Perlu dihantar ke fakulti/pusat terbabit selewat-lewatnya 2 minggu selepas keputusan diterima.  
**Kelewatan pelajar mengemukakan keputusan akan memberikan kesan kepada proses pengijazahan pelajar;**
6. Fakulti/Pusat berhak menetapkan atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pelajar, jika perlu dalam bentuk temu duga atau peperiksaan khas. Kelulusan permohonan pemindahan kredit mendatar akan disahkan di dalam mesyuarat fakulti;
7. Keputusan permohonan akan dimaklumkan terus kepada pelajar oleh Fakulti/Pusat yang meluluskan dan disalinkan kepada Pusat Pengurusan Akademik sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa diadakan pada semester berkenaan. Gred akan dimasukkan dalam keputusan peperiksaan semester berikutnya;

## Garis Panduan Pemindahan Kredit Secara Menegak

*\*Untuk Kegunaan Pelajar Kemasukan Kategori Diploma sahaja.*

1. “Pemindahan kredit secara menegak” bererti kursus yang dikecualikan bagi seorang pelajar daripada mengambil semula kursus-kursus yang setara yang telah diambil daripada kolej/institusi pascapendidikan menengah (kolej/IPTA/IPTS) di dalam dan di luar negara.
2. Kursus yang diluluskan akan diberikan gred Dikecualikan (DK). Gred DK tidak dikira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan ia diambil kira sebagai sebahagian dari Jumlah Kredit bagi tujuan pengijazahan;
3. Syarat pemindahan kredit secara menegak adalah:
  - a) Kategori pelajar dalam Skema Pengecualian Kredit adalah pelajar yang khusus di peringkat Diploma/Sijil atau setaraf dengannya;
  - b) Hasil pembelajaran dan kandungan kursus yang setara dalam kedua-dua program mestilah mempunyai persamaan tidak kurang dari 80%;
  - c) Perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di UKM;
  - d) Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada MQA, badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di Negara berkenaan dan telah diluluskan oleh Senat;
  - e) Pelajar berkenaan mendapat gred tidak kurang dari C atau yang setara dengannya; (*Pelajar Fakulti Pendidikan yang mempunyai Diploma/Sijil Perguruan dikecualikan daripada peraturan ini (Senat ke-315)*);
  - f) Kursus berkenaan tidak melebihi 5 tahun dari tarikh permohonan;
  - g) Kredit yang dipindahkan secara menegak **tidak boleh melebihi 30%(diploma) dan 60%(diploma lanjutan)** daripada jumlah beban kredit sesuatu program;
  - h) **Pengecualian sesuatu kursus pengajian hanya dibenarkan pada Semester 1, Tahun 1 sahaja**
4. Permohonan untuk pemindahan kredit secara menegak (Borang UKM/PPPS/B/P03/AK07/1 (Semakan 6)) yang boleh diperolehi melalui capaian SMPweb pelajar. Borang ini perlu dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Akademik **selewat-lewatnya pada minggu ke-4 semester pertama sesi pembelajaran bermula bersama dengan perkara dibawah:**
  - a) Resit bayaran wang proses sebanyak **RM100.00** atas nama Bendahari UKM;
  - b) Mengemukakan **transkrip atau keputusan peperiksaan Diploma berkenaan yang telah disahkan bersama sinopsis/kandungan kursus dari mana-mana IPTA/IPTS dalam dan luar negara yang diiktiraf untuk semakan**
5. Fakulti/Pusat berhak menetapkan atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pelajar, jika perlu dalam bentuk temu duga atau peperiksaan khas.
6. Kelulusan permohonan akan dimaklumkan terus kepada pelajar oleh Fakulti/Pusat yang meluluskan selewatnya pada minggu ke-6.

**Ahli Jawatankuasa**

Penerbitan Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Sesi Akademik 2017/2018

**Penasihat**

Prof. Dr. Norman Mohd Saleh

**Penyelaras Buku Panduan**

Prof. Madya Dr. Zafir Khan Mohamed Makhbul

**Editor**

Prof. Madya Dr. Md Daud Ismail  
Prof. Madya Dr. Tamat Sarmidi  
Prof. Madya Dr. Sofiah Md Auzair  
Puan Rafidah Abdul Aziz

**Pembantu Penerbitan**

Puan Amiratul Nadia Mohd Kamal